

# E-BOOK OF EXTENDED ABSTRACTS

# SAMMA 2024

## SEMINAR ANTARABANGSA PENGHAYATAN MALAYSIA MADANI 2024

Di atas semangat ingin menghidupkan gagasan Malaysia MADANI  
di dalam konteks pengajian tinggi yang ingin mencapai  
*"Excellence with a Soul"*



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
UNIVERSITI MALAYA



11-12 SEPTEMBER 2024  
9.00 AM - 5.00 PM

3 GOOD HEALTH  
AND WELL-BEING



4 QUALITY  
EDUCATION



8 DECENT WORK AND  
ECONOMIC GROWTH



11 SUSTAINABLE CITIES  
AND COMMUNITIES



16 PEACE, JUSTICE  
AND STRONG  
INSTITUTIONS





**E-BOOK OF EXTENDED ABSTRACTS**

**SEMINAR ANTARABANGSA  
PENGHAYATAN MALAYSIA MADANI 2024  
(SAMMA 2024)**

**Editor**

Nur Lisa Mohd Yusoff  
Khadijah Mohd Khambali @ Hambali  
Azizan Baharuddin  
Ratna Roshida Ab Razak

**Dianjurkan bersama oleh:**

**Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan (JPKK)**  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
<https://eco1.upm.edu.my/department-3064>

&

**Pusat Dialog Peradaban (PDP)**  
Universiti Malaya  
<https://dialogue.um.edu.my/>

Diterbitkan oleh:  
Pusat Dialog Peradaban,  
Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur.  
Tel. no: +603-7967 5697 / 7709 / 5522  
Emel: dialog@um.edu.my

©Seminar Antarabangsa Penghayatan Malaysia Madani 2024 (SAMMA 2024), 2024.

Semua hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, rakaman dan sebagainya tanpa keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Editor:  
Nur Lisa Mohd Yusoff  
Khadijah Mohd Khambali @ Hambali  
Azizan Baharuddin  
Ratna Roshida Ab Razak



Cataloguing-in-Publication Data

Perpustakaan Negara Malaysia

A catalogue record for this book is available  
from the National Library of Malaysia

eISBN 978-983-3070-62-6

# Kandungan

<b>Sekapur Sirih</b>	1
<b>Seulas Pinang</b>	3
<b>Penghargaan</b>	5
<b>Prakata</b>	6
<b>PENYAMPAI UCAPTAMA</b>	
<b>Malaysia Madani Sebagai Sebuah Falsafah Ketamadunan dan Sebuah Kerangka Dasar-Dasar Sosial: Isu-Isu Utama Untuk Ditangani</b> <i>Osman Bakar</i>	7
<b>Higher Education for Malaysia Madani: Vision and Implementation Towards Impactful Success</b> <i>Md. Salleh Yaapar</i>	9
<b>Budaya 4T + 2T Pengukuh Harmoni Interaksi Multi Etnik Malaysia Dalam Konteks Madani</b> <i>Khadijah Mohd Khambali @ Hambali</i>	11
<b>Menggapai Idealisme, Melagang Realiti: Menterjemah Madani Dalam Wacana Peradaban Bangsa Era Pasca-Normal</b> <i>Zaid Ahmad</i>	13
<b>Kerelevanan Dokumen Al-Mizan: Satu Perjanjian Dengan Bumi Dalam Konteks Falsafah Madani</b> <i>Azizan Baharuddin</i>	15
<b>Sejarah Dan Falsafah Lagu Dan Muzik Dalam Tradisi Islam</b> <i>Mohd Farid Mohd Shahrn</i>	17
<b>SENARAI RINGKASAN KERTAS KERJA (EXTENDED ABSTRACTS)</b>	
<b>Balancing Economic Growth: An Exploration of the National Energy Efficiency Action Plan and Public Servant Roles in the Framework of Maqasid Shariah and Madani</b> <i>Nur Khairina Muhamad Husin, Mariah Darus@Mat Junus</i>	19
<b>Dasar Malaysia Madani Membantu Meningkatkan Keupayaan Daya Saing Industri Fesyen Halal di Malaysia</b> <i>Muhammad Hafeez Zakaria, Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Mohammad Nidzam Abdul Kadir</i>	24

<b>Dialog Antara Agama: Mekanisme dalam Memupuk Atma Keharmonian di Malaysia</b>	27
<i>Ahmad Mohamad, Alwani Ghazali, Mohd Khairul Naim Che Nordin</i>	
<b>Enhancing Educational Quality for Children with Disabilities in Malaysia MADANI: Challenges and Opportunities</b>	29
<i>Rozita Arshad</i>	
<b>Hubungan Harmoni Antara Etnik di Sabah Melalui Perayaan Orang Asal: Kajian Kes Pesta Kalimantan 2023</b>	34
<i>Johan Johnes, Rosazman Hussin, Trixie Marjorie Tangit</i>	
<b>Inovasi Pendidikan Media Sosial Berkaitan Ikhtilat Menurut Perspektif Al-Quran serta Implikasinya Terhadap Pembangunan Masyarakat Moden</b>	39
<i>Muhammad Hasif Mohamad, Abdul Hafiz Abdullah</i>	
<b>Influence Of Malaysia Madani Core Values in Sustaining Ta'awun and Ukhuwwah Within Workplace Diversity</b>	43
<i>Suhaimi Mhd Sarif, Yusof Ismail, Yayan Firmansah</i>	
<b>Kombinasi Ilmu dan Akhlak dalam Pemeraksanaan Masyarakat Madani-Deliberatif dari Perspektif Tamadun Islam</b>	48
<i>Ahmad Faizuddin Ramli, Ramli Awang</i>	
<b>Konsep dan Perlaksanaan Malaysia Madani: Penerimaan atau Penolakan?</b>	52
<i>Mokhtafizam Mokhtar</i>	
<b>Kursus Pengantar Falsafah dan Pembentukan Pemikiran Masyarakat Madani</b>	58
<i>Zarina Muhammad</i>	
<b>Malaysia Madani: Navigating the Challenges in Applying the Concept of Human Dignity in the Practices of the Malay Expressions</b>	63
<i>Syazwani Mohd Nasir, Mohd Azizuddin Mohd Sani, Zatul Himmah Adnan</i>	
<b>Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Menerusi Pengetahuan Tradisi Masyarakat Peribumi Sabah</b>	68
<i>Normala Othman, Sri Rahayu Ismail, Adlina Ab. Halim</i>	
<b>Membangun Kerjasama Politik Melalui Konsep Malaysia Madani</b>	72
<i>Nur Ayuni Mohd Isa</i>	
<b>Merungkai Aliran Falsafah Air dari Perspektif Peradaban Silam Seluruh Dunia</b>	75
<i>Ummi Zainab Mohd Ghazali, Muhammad Azizan Sabjan</i>	

<b>Navigating Economic Challenges: A Holistic MADANI Approach in Mitigating Cost of Living Pressure</b>	80
<i>Nur'Jila Mohammad, Nur Lina Abdullah, Mokhtafizam Mokhtar, Malike Brahim, Nur Khairina Muhamad Husin</i>	
<b>Pembinaan Ekosistem Sekolah Sejahtera Melalui Penghayatan Nilai Madani: Tinjauan Sumbangan Pertubuhan Sokongan Rahmah &amp; HELWA ABIM</b>	85
<i>Noratirah Rambli, Nor Akmariah Abdullah, Fatin Nur Majdina Nordin</i>	
<b>Pemeriksaan Psikososial Remaja B40 dalam Masyarakat Madani: Kajian Pembentukan Motivasi Ekstrinsik Pasca Covid-19</b>	90
<i>Nursalina Amirul, Nur Shahidah Pa'ad, Che Zarrina Sa'ari</i>	
<b>Penghayatan Nilai Ihsan dalam Pembangunan Malaysia Madani: Manfaat dan Cabaran bagi Komuniti Autisme</b>	96
<i>Siti Patonah Mohamad, Fatin Nur Majdina Nordin</i>	
<b>Penglibatan Pihak Berkuasa Keselamatan Bersama Komuniti Tempatan dalam Menangani Jenayah Dadah: Kajian Kes di Jinjang, Kuala Lumpur</b>	100
<i>Mohd Syahril Said</i>	
<b>Peranan NGO dalam Memperkasa Komuniti Miskin Bandar Melalui Program Bantuan Makanan: Satu Kajian Kes di Chow Kit</b>	104
<i>Hasmiza Idris, Akhmal Ayob, Choo Yeong Khong</i>	
<b>Peranan Spiritualiti dalam Memaknakan Kecemerlangan Masyarakat Madani</b>	108
<i>Ratna Roshida Ab Razak</i>	
<b>Persamaan Teori Kitaran Ibn Khaldun dan Malek Bennabi dalam Aspek Intelektual</b>	111
<i>Abdul Qayuum Abdul Razak, Adlina Ab. Halim, Normala Othman</i>	
<b>Persepsi Mahasiswa UPM Terhadap Pembelajaran Kursus Mata Pelajaran Umum Menggunakan Pendekatan Micro-Credential</b>	115
<i>Ahmad Nasir Mohd Yusoff</i>	
<b>Tahap Penerimaan Pelajar UPM Terhadap Pembelajaran dalam Talian dan Hubungannya dengan Kemurungan Semasa Pandemik Covid-19</b>	119
<i>Nurul Syazwani Zainuddin, Adlina Ab. Halim</i>	
<b>The Potentials of IKN Nusantara to the Cross-Border Diplomacy Between Sabah and Kalimantan in the Context of Malaysia Madani: A Meta-Synthesis Approach</b>	123
<i>Zaharah Yahya @ Yahaya, Nur Ayuni Mohd. Isa, Ratna Roshida Ab. Razak</i>	

## *Sekapur Sirih*



**PROFESOR EMERITUS DATUK DR. AZIZAN BAHARUDDIN**

Pengerusi

Seminar Antarabangsa Penghayatan Malaysia Madani 2024

Universiti Malaya

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah SWT, saya panjatkan puji dan syukur kerana dengan limpah kurnia-Nya, Seminar Antarabangsa Penghayatan Malaysia Madani 2024 (SAMMA 2024) dapat dilaksanakan dengan jayanya. Seminar ini merupakan wadah penting dalam memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan terhadap konsep Malaysia Madani, sebuah gagasan yang menekankan nilai-nilai kemanusiaan, keadilan, integrasi sosial, dan kemajuan berteraskan nilai-nilai murni.

Tema seminar pada tahun ini, Cemerlang dengan Roh atau "*Excellence with a Soul*", membawa makna yang mendalam. Ia menggambarkan komitmen kita untuk mencapai kecemerlangan bukan hanya dari sudut intelektual dan material, tetapi juga disertai dengan nilai-nilai rohani dan etika. Kecemerlangan yang berjiwa ini bererti pencapaian yang holistik, di mana keseimbangan antara pembangunan fizikal, moral, dan spiritual dijaga. Pendekatan ini selari dengan gagasan Malaysia Madani yang mengangkat kemajuan yang disertai dengan penghayatan nilai kemanusiaan.

Sub-tema yang telah dipilih untuk SAMMA 2024 adalah Kepentingan Falsafah dan Ketamadunan Masyarakat Malaysia, Dialog Silang Budaya, Mendepani Kepelbagaian Etnisiti dan Budaya, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Agama, Spiritualiti dan Etika, Filantropi (wakaf, zakat, endowmen) dalam Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*), Pendidikan dan Teknologi, Politik, Kerajaan dan Kenegaraan, Mendepani Cabaran 3C dan lain-lain tema berkaitan.

Bagi pihak penganjur, saya amat berbesar hati menerima kehadiran para cendekiawan, penyelidik, dan pengamal dari pelbagai bidang yang sudi berkongsi ilmu, pandangan, dan dapatan kajian melalui seminar ini. Sesungguhnya, kehadiran dan sumbangan ilmiah daripada para peserta dan pembentang akan menjadi pemangkin kepada dialog intelektual yang membina, serta mencetuskan idea-idea baharu untuk memperkukuh Malaysia sebagai negara yang seimbang dari sudut spiritual, intelektual, sosial, dan ekonomi. Rakaman terima kasih ini khususnya Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia untuk mengendalikan seminar ini.



Saya berharap seminar ini bukan sahaja akan membuka ruang perbincangan yang bermanfaat, tetapi juga mampu membentuk jalinan kerjasama antara akademik, masyarakat, dan institusi untuk bersama-sama merealisasikan aspirasi Malaysia Madani. Saya mengharapkan seminar ini akan terus diadakan pada masa akan datang bagi menyediakan platform kepada semua pihak yang terlibat untuk bertukar-tukar pandangan, idea serta ilmu menerusi diskusi antara para peserta.

Jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada penyampai ucaptama, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar, YBhg. Prof Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, YBhg. Profesor Emeritus Dr. Zaid Ahmad, YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Azizan Baharuddin, dan YBrs. Dr. Mohd Farid Mohd Shahrin, serta pembentang- pembentang dan peserta-peserta yang sudi meluangkan masa, tenaga dan paling penting buah fikiran yang sangat bermanfaat untuk dikongsikan dalam SAMMA 2024.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penganjuran seminar ini. Semoga segala usaha kita diberkati dan seminar ini mencapai kejayaan yang diharapkan.

Sekian, terima kasih.

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

## *Seulas Pinang*



**PROF MADYA DR RATNA ROSHIDA AB RAZAK**

Pengerusi

Seminar Antarabangsa Penghayatan Malaysia Madani 2024

Universiti Putra Malaysia

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, Seminar Antarabangsa Penghayatan Malaysia Madani 2024 (SAMMA 2024) yang bertemakan "Cemerlang dengan Roh (*Excellence with a Soul*)" anjuran Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia yang diadakan bermula 10 hingga 11 September 2024, dapat dilangsungkan dengan penuh jayanya. Saya amat bersyukur dan berbesar hati untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam buku abstrak ini sebagai tanda penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan seminar yang berprestij ini.

Tema "*Excellence with a Soul*" yang diketengahkan dalam seminar kali ini membawa satu dimensi yang amat bermakna dalam usaha kita memperkukuhkan gagasan Malaysia Madani. Konsep ini menekankan kecemerlangan bukan sahaja dari sudut pencapaian dan inovasi, tetapi turut dipandu oleh nilai-nilai spiritual dan etika. Dalam mengejar kemajuan, keseimbangan antara intelektual dan jiwa, antara teknologi dan kemanusiaan, perlu terus diperhalusi dan diutamakan. Seminar ini diharap mampu menjadi medan perbincangan yang matang dalam usaha merealisasikan aspirasi ini, menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju dengan kekuatan moral dan budaya yang mapan.

Seminar ini bertujuan mengumpulkan orang awam, sarjana dan pelajar dari pelbagai bidang termasuk kemanusiaan, sains sosial, sains tulen serta bidang-bidang lain untuk mereka bertukar-tukar pandangan seterusnya menginovasi idea-idea baharu bertemakan tamadun dan masyarakat. Seminar ini juga menggalakkan perbincangan dalam kalangan individu dari pelbagai bidang dan akhirnya menjadi platform mapan untuk pengembangan idea dan pengetahuan inovatif mengenal tamadun dan masyarakat selain mewujudkan kemahiran profesional melalui interaksi daripada ramai pihak dan penyertaan.

Saya percaya, melalui pembentangan ilmiah, perkongsian pengalaman, serta interaksi yang berlaku sepanjang seminar ini, para peserta akan memperoleh manfaat yang besar dalam memperkaya ilmu dan memperhalusi pemahaman terhadap konsep Malaysia Madani. Komitmen dan kehadiran para peserta dari dalam dan luar negara menunjukkan betapa pentingnya kita semua dalam membangun dan memajukan negara dengan berlandaskan prinsip-prinsip yang mulia.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam penganjuran seminar ini, termasuk ahli-ahli jawatankuasa, pembentang, serta para peserta. Tanpa usaha gigih dan kerjasama yang erat, seminar ini tidak akan mencapai kejayaan yang kita nikmati hari ini.

Akhir kata, saya berharap agar segala ilmu dan pengalaman yang dikutip sepanjang seminar ini akan memberi manfaat yang berterusan dan dapat diterjemahkan dalam tindakan ke arah membina Malaysia yang lebih sejahtera, adil, dan berjiwa.

Sekian, terima kasih.

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## *Penghargaan*

Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya (PDPUM) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman, Naib Canselor Universiti Malaya yang menyerikan seminar antarabangsa ini dengan ucapan perasmian khasnya. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada YBhg. Professor Muhamad Fazli Sabri, Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia atas sokongan dan peluang yang diberikan kepada FEM UPM dan PDPUM untuk menganjurkan seminar ini.

Bagi pihak penganjur, FEM UPM dan PDPUM juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyampai ucap terna, pembentang dan moderator. Ucap terna telah disampaikan oleh YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar, Penyandang, Kursi Al-Ghazali bagi bidang Epistemologi dan Kajian dan Pembaharuan Ketamadunan,, ISTAC – UIAM, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar, Profesor Emeritus, Kesusasteraan Bandingan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, YBhg. Pof Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Pengarah, Pusat Dialog Peradaban dan Profesor, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, YBhg. Profesor Emeritus Dr. Zaid Ahmad, Felo Utama Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Azizan Baharuddin, Profesor Emeritus, Fakulti Sains, Universiti Malaya, dan YBrs. Dr. Mohd Farid Mohd Shahrn, Fellow Utama/ Pengarah, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Akhir sekali, FEM UPM dan PDPUM ingin mengucapkan terima kasih kepada semua peserta SAMMA 2024 sekali lagi atas sokongan umum mereka. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada semua ahli jawatankuasa penganjur yang telah menjayakan seminar tersebut.

## *Prakata*

Dalam era pasca normaliti yang penuh dengan cabaran, usaha yang serius bagi menghimpunkan pemikir, yang terdiri dari ahli akademik dan bukan akademik, pemimpin, dan ahli masyarakat dalam satu perbincangan yang mendalam mengenai ketiga-tiga aspek penting dalam dinamika semasa: kekeliruan (*confusion*), pertentangan (*contradiction*), dan kompleksiti (*complexities*) dikira menjadi satu keperluan yang mendesak. Fenomena 3C ini memperkukuhkan keperluan untuk mencari penyelesaian holistik yang melibatkan pelbagai pihak dalam membina sebuah masyarakat yang sejahtera, berdaya tahan dan terus berupaya membina kemajuan.

Dalam situasi kekeliruan (*confusion*) ini, penjelasan tentang arah tuju dan matlamat yang sebenar menjadi semakin sukar untuk dikenal pasti. Begitu juga dengan aspek pertentangan (*contradiction*), di mana perbezaan pandangan dan kepentingan sering mengakibatkan ketegangan dan konflik. Begitu juga kompleksiti (*complexities*) dalam konteks semasa menuntut pendekatan yang bersepadu dan kreatif.

Penghayatan gagasan Malaysia MADANI amat penting di dalam sektor Pengajian Tinggi negara. Di dalam perutusan hala tuju Kementerian Pengajian Tinggi 2024 pada 12 Januari 2024 yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir telah menggariskan 5 fokus utama serta 20 hala tuju Pengajian Tinggi dalam usaha menangani cabaran zaman pasca-normal (*post-normal*) global hari ini yang dicirikan dengan 3C. Di antara landasan yang telah dihuraikan adalah:

Pembentukan "otak dan watak" - kecemerlangan akademik dan keterpujian sahsiah, yang merangkumi perkembangan ilmu, pembentukan karakter, pemurnian adab dan akhlak serta pengukuhan integriti. Oleh itu, pendidikan tinggi negara harus mampu menjadi wahana "*human transformer*" dan "*culture builder*".

Anjakan paradigma pendidikan tinggi mesti menyeimbangkan di antara yang berpaksikan teknologi (*technology-centric*) yang mengutamakan pemerolehan kecekapan materialistik dengan yang berpaksikan kemanusiaan (*humanity-centric*) yang dapat menyemai nilai-nilai kemanusiaan, etika dan moral pelajar. Ini dapat memastikan bakat masa hadapan negara bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi malah mempunyai nilai dan budaya watan yang akan melahirkan bakat negara yang bercirikan *Excellence with a Soul*.

## *Penyampai Ucaptama*



**PROFESOR EMERITUS DATO' DR. OSMAN BAKAR**

Osman Bakar, memperoleh ijazah kedoktoran dalam falsafah Islam dari Temple University, Philadelphia (AS) kini merupakan Pemegang Al-Ghazali Pengerusi Epistemologi dan Pengajian Tamadun dan Pembaharuan di ISTAC-IIUM. Beliau juga Profesor Emeritus dalam Falsafah Sains di Universiti Malaya. Beliau pernah menjadi Profesor Terhormat dan Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam. Profesor Osman juga pernah menjadi Pengerusi Islam Malaysia di Asia Tenggara di Pusat Kefahaman Muslim-Kristian Putera Talal al-Waleed, Universiti Georgetown, Washington D.C., dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Penyelidikan) di Universiti Malaya. Profesor Osman adalah pengarang dan penyunting 44 buku dan banyak artikel mengenai pelbagai aspek pemikiran dan tamadun Islam, khususnya sains dan falsafah Islam di mana beliau merupakan pemimpin terkemuka. Buku beliau yang paling terkenal ialah *Classification of Knowledge in Islam* (1992) dan *Tawheed and Science* (1992). Buku terbaru beliau ialah *Colonialism in the Malay Archipelago: Civilizational Encounters* (eds) (2020), *Environmental Wisdom for Planet Earth: The Islamic Heritage* (2022), dan *Islam-Buddhism Eco Dialogue (IBED): Application of Religion and Science to Ecology and Sustainability* (eds) (2023). Profesor Osman ialah penerima beberapa anugerah berprestij, termasuk Anugerah Intelektual Terbaik Ibn Ishaq Al-Kindi (Kebangsaan, 2020) dan Anugerah Antarabangsa Farabi ke-13 mengenai Kemanusiaan dan Pengajian Islam (Penyelidik Terbaik Antarabangsa, 2022). Tulisannya telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, termasuk bahasa Arab, Turki, Parsi, Jepun, Cina, Bosnia, Urdu, Benggali, Sepanyol dan Itali. Beliau telah dinamakan antara 500 orang Islam paling berpengaruh di dunia sejak 2009. Beliau telah dilantik sebagai Dato pada tahun 1994 oleh Sultan Pahang dan Datuk oleh Raja Malaysia pada tahun 2000.

## **MALAYSIA MADANI SEBAGAI SEBUAH FALSAFAH KETAMADUNAN DAN SEBUAH KERANGKA DASAR-DASAR SOSIAL: ISU-ISU UTAMA UNTUK DITANGANI**

Osman Bakar

*Penyandang Kursi Al-Ghazali bagi bidang Epistemologi dan Kajian dan Pembaharuan Ketamadunan, International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC), International Islamic University Malaysia*  
Emel: obbakar@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Kertas ini menegaskan bahawa MALAYSIA MADANI yang diasaskan oleh YAB Dato Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, adalah sebenarnya sebuah falsafah ketamadunan dan juga sebuah kerangka dasar-dasar sosial bagi pembangunan negara Malaysia. Penegasan ini dibuat berdasarkan enam rukun MADANI yang terkandung di dalam buku *Membangun Negara MADANI* karangan DS Anwar Ibrahim dan juga falsafah madani yang diasaskan oleh pemikir terbilang, al-Farabi (870 TM – 950 TM). Kertas ini menghujahkan bahawa keenam-enam rukun tersebut – kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan – adalah idea-idea penting dalam falsafah ketamadunan. Sekaligus idea-idea ini boleh menjadi kerangka kukuh dan asas untuk menggubal pelbagai dasar negara demi pembangunan Tamadun Malaysia. Kerangka ini boleh membimbing semua Kementerian dalam usaha penggubalan dasar-dasar pembangunan masing-masing. Penghayatan MALAYSIA MADANI sudah tentu akan berdepan dengan pelbagai cabaran baik di peringkat kefahaman konsep dan falsafah mahu pun di peringkat perlaksanaan. Kertas ini akan membincangkan beberapa isu utama berkaitan dengan kedua-dua jenis cabaran yang perlu ditangani khasnya di peringkat awal pembangunan MALAYSIA MADANI. Khasnya, kertas ini akan menumpukan perhatian kepada isu kefahaman terhadap falsafah MALAYSIA MADANI dan isu-isu implikasi MALAYSIA MADANI kepada bidang pendidikan, matlamat perpaduan negara dan bidang pembangunan sains dan negara (S&T).



**PROFESOR EMERITUS DATO' SERI DR. MD. SALLEH YAAPAR**

Dato' Seri Dr Md Salleh Yaapar ialah Profesor Kesusasteraan Bandingan di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Malaysia. Beliau juga kini merupakan Ahli Majlis Penasihat Antarabangsa, merangkap Felo Terhormat di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Pelawat, Universiti Prince of Songkla, Thailand dan Felo Rakyat Malaysia. Akademi Profesor. Beliau ialah bekas Penyandang, Pengerusi Pengajian Melayu Eropah, Universiti Leiden, Belanda dan bekas Pengerusi, Lembaga Gabenor, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Malaysia. Sebelum ini, beliau adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), dan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, kesemuanya di USM. Beliau juga merupakan bekas Pengarah, Penerbit USM, bekas Penyelaras, Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), USM, bekas Profesor Adjung, ASWARA, Kuala Lumpur dan yang terbaru bekas Pengarah, Pejabat Ombudsman USM. Prof. Dr. Md. Salleh berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kelas Kedua Atas) dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Filipina (dianugerahkan *Life Membership, Philippines Folklore Society*) dan dari Temple University, Philadelphia, Amerika Syarikat, serta Doktor Falsafah (*Distinction*) juga dari Temple University. Bidang kepakaran beliau ialah Sastera Bandingan, Teori Sastera, dan Sastera Alam Melayu, dan beliau telah mengarang beberapa buku dan makalah yang berpengaruh dalam bidangnya. Prof. Dr. Md. Salleh kini adalah Pengerusi, Jawatankuasa Teknikal, Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu (ATABM), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Pengerusi, Skim Insentif Penerbitan Jurnal (CREAM), dan ahli *Academic Personality Category Panel, National Academic Award Selection Committee (AAN)*, semuanya dalam kementerian yang sama. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Penasihat Antarabangsa, Jurnal Al-Shajarah (UIAM), Ketua Editor Jurnal Kesusasteraan Melayu (DBP), dan ahli lembaga Kemanusiaan: Asian Journal of Humanities (USM). Sepanjang kerjayanya, Prof. Dr. Md. Salleh telah menerima pelbagai anugerah, termasuk Hadiah Sastera Perdana Malaysia dan lima Anugerah Sanggar Sanjung, USM termasuk anugerah tertinggi iaitu Anugerah Canselor. Sebagai mengiktiraf sepenuhnya sumbangan Prof. Dr. Md. Salleh dalam bidang kesusasteraan, rakan-rakan sarjana di peringkat antarabangsa telah menerbitkan dan mendedikasikan kepada beliau sebuah festschrift bertajuk *Rainbows of Malay Literature and Beyond: Festschrift in Honor of Professor Dr. Md Salleh Yaapar* (2014).



## HIGHER EDUCATION FOR MALAYSIA MADANI: VISION AND IMPLEMENTATION TOWARDS IMPACTFUL SUCCESS

Md. Salleh Yaapar

*Universiti Sains Malaysia*  
*Chairman, Cluster of Religion Philosophy and Civilization*  
Email: mdsalleh@usm.my

### ABSTRAK

In recent history the domain of knowledge and education, including at the tertiary level, has unfortunately for some time been marked by a harmful dichotomy. This comes in the form of the separation between technology-centric and humanity-centric programs. Specifically, the separation is between STEM subjects and Humanities as well as Social Science subjects. All disciplines within the Humanities and Social Science have the human person as their main object of study. STEM subjects, on the contrary, focus mainly on natural phenomena and processes. Within the context of the academic dichotomy, STEM is well-lodged, and usually considered a royal road to success. This is not the case with the Humanities and Social Science which sit on the margin, with their relevance at times in question. This separation is harmful as it makes it difficult to prepare well rounded human person with competencies for daily life within his/her respective communities and globally. It is made more difficult with the lack of integration between skillset and mindset, in educational practices. Recently some reforms have been attempted, with special attention paid to issues regarding personality development of students, their communication and entrepreneurial skills, as well as socio-cultural responsibilities, but without much success. This Keynote Address will argue that for the reforms to impactfully succeed, the academic dichotomy should be broken, and the human person, with his/her socio-cultural context, should be the center of focus. In doing so the view of man as insan, should be taken into serious consideration by all stakeholders. This is especially so within the context of Malaysia Madani as envisioned by the country's current Prime Minister.

**Keywords:** higher education, dichotomy, integration, insan, Malaysia Madani.



**PROFESOR DR. KHADIJAH MOHD KHAMBALI @ HAMBALI**

Profesor Dr. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, yang berkelulusan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, dan Ph.D.) kini merupakan Profesor di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, bertugas di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam dan merupakan Pengarah, Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya. Beliau berkhidmat sebagai Penyelaras Bahagian Kokurikulum dan Elektif Universiti (SKET) dan kini dikenali sebagai CITRA, Universiti Malaya (2004-2006), Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya (2006-2007). Beliau juga merupakan Sarjana Pelawat di Centre for Muslim-Christian Understanding (CMCU), Universiti Georgetown, Washington DC dari 2001-2002, Felo Penyelidik di Religious Studies Programme, School of Arts History, Classics and Religious Studies, Victoria University of Wellington, New Zealand (Mac 2008-September 2008) dan Felo Penyelidik Pelawat di Universiti Leeds pada tahun 2013 selama satu tahun. Bidang kepakaran Profesor Dr. Khadijah melibatkan Kajian Perbandingan Agama, Pengajian Agama, Dialog Antara Agama, Masyarakat Muallaf dan Pemikiran Islam. Beliau telah menghasilkan lebih 287 penerbitan termasuk buku, bab dalam buku, dan artikel dalam jurnal berwasit termasuk Jurnal berindeks WoS dan Scopus. Antara buku akademik terkini yang telah diterbitkan bertajuk *Ahli Kitab Menurut Imam Ibn Hazm dan Al-Shahrastani* (Dewan Bahasa dan Pustaka-2015), *Muallaf Lestari Multi Etnik Malaysia* (Penerbit Universiti Malaya-2021), *Konsep Trinitas Menurut Agama Kristian* (Penerbit Universiti Melaka-2022) dan *Gabriel dan Jibril Dari Perspektif Kristian dan Islam* (Penerbit Universiti Melaka-2023). Beliau turut aktif membentangkan hasil kajian dan penulisannya di peringkat nasional dan antarabangsa. Profesor Dr. Khadijah telah melahirkan lebih 51 pelajar sarjana dan 27 pelajar doktor falsafah dalam bidangnya. Dalam bidang profesional, beliau terlibat dalam pelbagai jawatankuasa dan antaranya sebagai Ahli Jawatankuasa isu agama di Majlis Keselamatan Negara Malaysia (2010-2013), dan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan Institut Wasatiyyah Malaysia (2017-2018); Anggota Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) mulai 2018 dan kini; Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor 2018 sehingga kini, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Islam dan Tahfiz (2024-2026) dan Ketua Pengarang Jurnal AL-UMMAH serta Lembaga Pengarang Jurnal Islam, Turkiye dan Lembaga Pengarang Jurnal AFKAR. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Penapisan Media Islam di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ahli Panel Pakar Jawatankuasa Akidah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pakar Akreditasi Program Pengajian Islam (MQA), Penasihat Akademik untuk universiti tempatan, dan Panel Pakar untuk modul pembelajaran sepanjang hayat untuk JAKIM dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Profesor Dr. Khadijah turut terlibat dalam penyediaan afidavit isu kalimah Allah untuk Jabatan Peguam Negara, Majlis Keselamatan Negara dan melaksanakan kajian penggunaan kalimah Allah di Sabah dan Sarawak untuk JAKIM. Beliau turut menyumbang kepada masyarakat melalui penglibatannya dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk ALUMNI Akademi Pengajian Islam (ALIM).

## **BUDAYA 4T + 2T PENGUKUH HARMONI INTERAKSI MULTI ETNIK MALAYSIA DALAM KONTEKS MADANI**

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali

*Pusat Dialog Peradaban & Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
Emel: ijamh@um.edu.my*

### **ABSTRAK**

Masyarakat Malaysia merupakan sebuah masyarakat pelbagai agama, etnik, budaya dan tradisi yang hidup secara harmoni dengan mengekalkan keunikan masing-masing. Ruang lingkup kehidupan bersama dengan keragaman anutan kepercayaan, etnik, warna kulit, budaya, pemikiran dan fahaman boleh menjadi cabaran utama untuk mewujudkan keharmonian hidup bersama (*peaceful coexistence*). Perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai agama, etnik dan budaya banyak bergantung kepada pemikiran, pendirian dan sikap penganut terhadap isu yang melibatkan hubungan antara agama. Sejak akhir-akhir ini, terdapat beberapa kes yang melibatkan hubungan antara masyarakat terjejas dan berkait rapat dengan isu sensitiviti agama. Sehubungan itu, interaksi sosial dan hubungan kemanusiaan merupakan perkara utama yang diperlukan bagi memenuhi keperluan hidup bermasyarakat dan solusi kepada isu sensitiviti agama. Islam telah menekankan interaksi dan hubungan kemanusiaan ini melalui sejumlah ayat al-Quran dan Hadith. Untuk memastikan pelestarian hubungan yang positif dalam keanekaan masyarakat, beberapa konsep interaksi telah diperkenalkan oleh para sarjana Muslim secara khusus sebagai panduan bagi masyarakat Muslim dan sekaligus bersesuaian diaplikasikan oleh seluruh masyarakat dunia yang merangkumi kepelbagaian multi-agama, etnik, budaya dan tradisi. Penulisan ini bertujuan untuk merencami budaya 4T (*ta'aruf, tafahum, ta'awun* dan *takaful*)+ 2T (*ta'āyush* dan *ta'amul*) dalam konsep interaksi menurut perspektif Islam dan bagaimana konsep ini memberi signifikasi utama dalam mewujudkan keharmonian, kedamaian dan kesejahteraan antara masyarakat pelbagai agama, etnik, budaya dan tradisi terutamanya di Malaysia sebagai masyarakat yang berpegang teguh dan bersatu padu berteraskan elemen interaksi Islam yang *syamil* dalam konteks madani berteraskan konsep *fiqh al-ta'āyush* dan *ta'amul* melalui pemerhatian ikut serta dan pendekatan fenomenologi. Pembudayaan 4T yang berteraskan 2T dipercayai mampu menyemai dan menyuburkan rasa *mahabbah* dan rasa kebersamaan khususnya dalam kalangan masyarakat multi etnik Malaysia berpaksikan prinsip Islam madani dalam pengertiannya yang lebih luas; integral dan *kamil*.

**Kata kunci:** Budaya, 4T, 2T, harmoni, interaksi; multi etnik, Malaysia, konteks madani.



**PROFESOR EMERITUS DR. ZAID AHMAD**

Memperolehi ijazah pertama daripada Universiti Kebangsaan Malaysia serta MA dan PhD daripada Victoria University of Manchester, United Kingdom 1999. Bidang kepakaran beliau adalah falsafah dan kajian tamadun. Zaid Ahmad kini adalah Felo Utama Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah memegang beberapa jawatan penting di Universiti Putra Malaysia termasuk sebagai Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan selama lapan tahun dan Pengetua Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah, Universiti Putra Malaysia. Beliau merupakan ahli akademik sejak tahun 1987, dan telah memberi kuliah dan menyampaikan ceramah dalam pelbagai subjek utama dalam bidang kepakarannya, antaranya sains kemanusiaan, sains sosial, sejarah, tamadun, etika dan lain-lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga aktif membenteng kertas kerja, menyampaikan syarahan dalam pelbagai seminar, simposium, dialog dan persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau telah menerbitkan karya utamanya tentang falsafah tamadun berjudul *The Epistemologi of Ibn Khaldun*. Karya ini diterbitkan serentak di United, Amerika Syarikat dan Kanada 2003 dan 2007 dan diulang cetak pada 2010. Beliau pernah menerima jempukan dari *Thommes Press* dan *Bloomsbury Academic England* untuk menyumbang dalam *The Biographical Encyclopaedia of Islamic Philosophy* (disunting oleh Oliver Leaman), di mana beliau telah menulis enam entri. Beliau juga menerima jempukan daripada penerbit terkemuka *The Blackwell Publishers, England* di mana beliau menulis satu bab "*The Philosophy of Islamic History and Historiography*" dalam *Blackwell Companion of Philosophy of History and Historiography* (disunting oleh Aviezer Tucker). Dari Februari hingga Jun 2003, Zaid dilantik sebagai sarjana pelawat di The Victoria University of Wellington, New Zealand dan merupakan pakar rujuk mengenai Islam dan masyarakat Muslim di Wilayah Asia Selatan dan Pacific. Pada tahun 2009, beliau merupakan penerima anugerah Fulbright (*direct access to the Muslim world*) oleh Suruhanjaya Amerika Malaysia bagi Pertukaran Pendidikan (*Malaysian American Commission on Educational Exchange*) (MACEE). Beliau juga ahli ahli pengasas KICAS (*Kyoto International Consortium for Asian Studies*) yang berpusat di Kyoto, Japan. Beliau adalah pakar rujuk bagi Institut Antarabangsa Pemikiran Islam bagi projek Epistemologi dan Pembaharuan Pendidikan rantau Asia Selatan (*Epistemology and Educational Reform for South Asia Region*).

## **MENGGAPAI IDEALISME, MELAGANG REALITI: MENTERJEMAH MADANI DALAM WACANA PERADABAN BANGSA ERA PASCA-NORMAL**

Zaid Ahmad

*Felo Utama, Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia*

Emel: zayyadal@hotmail.com/ zaid\_a@upm.edu.my

### **ABSTRAK**

Peradaban dan pembangunan dalam erti yang luas harus memenuhi maqasid utamanya iaitu menyediakan ekosistem dan persekitaran kehidupan yang harmoni, seimbang, kondusif dan sejahtera sejajar dengan cita dan fitrah manusia. Persoalan yang diangkat dalam perbahasan ini adalah bagaimana kerangka madani yang idealistik dapat diterjemahkan dan dirumus secara praktis dalam wacana peradaban bangsa pada era pasca-normal yang penuh ketidak-pastian, dengan perubahan pantas yang diselimuti kekaburan dan amat kompleks. Dalam konteks Malaysia kupasan akan ditumpukan kepada persoalan bagaimana gagasan yang terkandung dalam enam nilai teras madani merangkumi kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan dapat dizahirkan secara signifikan dalam agenda pembangunan negara dan pembinaan peradaban bangsa. Dalam menghadapi cabaran era kini, keseimbangan yang harmoni antara ideal dan realiti harus sentiasa menjadi asas pertimbangan keutamaan. Dengan menterjemahkan prinsip-prinsip madani dalam wacana peradaban bangsa ini akan meletakkannya sebagai landasan bagi pembangunan yang lebih inklusif, adil dan lestari. Dengan menseimbangkan aspek teori dan praktis dalam mendepani realiti sosial-politik marcapada, kupasan ini akan cuba melihat bagaimana prinsip-prinsip tunjang masyarakat madani termasuk keunggulan ilmu dan kekuatan budi, kemurnian akhlak dan keteguhan keadilan dapat diterapkan dalam realiti kehidupan masa kini yang sangat tidak menentu, kompleks dan penuh ketidak-pastian. Kupasan ini juga akan menyentuh peranan besar golongan ilmuan dan pemikir dalam masyarakat kerana gagasan madani tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa adanya upaya intelektual dan kekuatan penakulan para pemikir dan ilmuan dalam menyelami dan merungkai permasalahan dan simpang siur cabaran membina peradaban bangsa era pasca-normal. Bahtera peradaban perlu dipandu arah melalui gelombang ketidak-pastian dan dinamika yang tidak stabil dan penuh kerancuan. Wacana peradaban dalam era pasca-normal memerlukan pendekatan yang pintar, luwes, kreatif, dan lihai berasaskan nilai-nilai yang mampu menyesuaikan diri dengan realiti dan persekitaran yang berubah.



**PROFESOR EMERITUS DATUK DR. AZIZAN BAHARUDDIN**

Azizan Baharuddin menerima BSc (Kepujian) dalam Biologi dari University of Tasmania, Australia pada tahun 1978, MSc (Univ. College London) pada tahun 1979 dan PhD dalam Falsafah Sains (Sains & Islam) dari University of Lancaster, United Kingdom pada tahun 1989. Kepakaran beliau merangkumi beberapa bidang seperti etika alam sekitar, agama dan pembangunan mampan, Islam dan sains, bioetika, dialog antara agama/ antara tamadun. Beliau telah menerbitkan lebih daripada 200 buku, bab buku, monograf, artikel jurnal dan artikel akhbar dalam bidang yang disebutkan di atas, termasuk buku *Harmony between Religion and Science: An Islamic Perspective* (2019), *Environmental Ethics in Islam* (2018), editor bersama *Islam and Ecology: A Bestowed Trust* (2003) dan *Environment, Values and the Future of Civilizations* (2013) dan *Islam-Buddhism Eco Dialogue (IBED): Application of Religion and Science to Ecology and Sustainability* (eds) (2023). Beliau aktif dalam beberapa pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan yang berkaitan dengan bidang kepakarannya, serta menjadi ahli pelbagai jawatankuasa penasihat dan perundingan untuk pelbagai kementerian di Malaysia. Beliau telah dilantik oleh Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan bagi Penggalakan Persefahaman dan Keharmonian Dalam Kalangan Penganut Agama (JKMPKA) (2014–2015); dilantik oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi sebagai Pengerusi Majlis Bioetika Negara (MBEN) (2014-2017). Beliau telah dilantik oleh Ketua Pengarah UNESCO sebagai Ahli Jawatankuasa Bioetika Antarabangsa (IBC) di Paris (2014-2017). Disebabkan karya dan sumbangan beliau dalam bidang Sains & Agama, beliau menerima anugerah daripada Pusat Teologi & Sains Semula Jadi, Amerika Syarikat pada tahun 2001. Beliau juga telah dianugerahkan Anugerah Maal Hijrah Wilayah Persekutuan pada tahun 2016. Anugerah Langkawi daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) atas usaha beliau dalam pendidikan dan aktivis alam sekitar di peringkat nasional dan luar negara. Baru-baru ini, beliau menerima Anugerah Maal Hijrah Kebangsaan 2022 (Ikon Sains dan Tamadun) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Beliau adalah ahli utama pasukan penggubal *Islamic Declaration on Global Climate Change* (IDCC) yang disahkan oleh *UN United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) dan diserahkan kepada Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-70, New York pada 2016. Beliau juga merupakan Ahli Pasukan Penggubal Al-Mizan UNEP: A Covenant for the Earth (*Islamic Ethics of the Environment*) yang dilancarkan semasa Forum Alam Sekitar PBB ke-6 di Kenya Februari 2024.

**KERELEVENAN DOKUMEN AL-MIZAN: SATU PERJANJIAN DENGAN BUMI  
DALAM KONTEKS FALSAFAH MADANI**

Azizan Baharuddin

*Fakulti Sains, Universiti Malaya*  
*Penyandang Kursi Kelestarian UKM-YSD*  
Emel: azizanb@um.edu.my

**ABSTRAK**

Dokumen Al-Mizan: Covenant for the Earth (2024) merupakan dokumen yang terkini yang menjelaskan kenapa keadaan pasca-normal yang dicirikan oleh 3C (Confusion, Chaos dan Contradiction) dalam zaman yang turut digelar “pasca-normal” wujud hari ini. Lebih penting lagi dokumen ini menjelaskan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh masyarakat atau umat Islam khususnya dan bagaimanakah prinsip-prinsip agama boleh diintegrasikan ke dalam polisi-polisi yang berkaitan alam sekitar dan pembangunan mampan. Turut diperjelaskan ialah bagaimana dialog silang budaya boleh merapatkan jurang di antara pendekatan yang bersifat anthropocentric dengan yang bersifat pengawasan atau “stewardship” ke arah kelestarian alam sekitar.



**DR. MOHD FARID MOHD SHAHRAN**

Dr. Mohd. Farid bin Mohd. Shahrhan adalah seorang tokoh pemikir Islam, dengan kepakaran dalam bidang akidah, pemikiran Islam, serta fiqh dan usul fiqh. Beliau memulakan perjalanan akademiknya dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Islamic Revealed Knowledge & Heritage* dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM). Kemudian, beliau melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang Pemikiran Islam di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), IIUM. Bidang keilmuan Dr. Mohd. Farid meliputi akidah dan pemikiran Islam, yang menjadi tumpuan utama dalam penyelidikan dan pengajaran beliau. Selain itu, beliau turut aktif dalam bidang pendidikan, menyumbang kepada pembangunan sistem pendidikan yang berlandaskan nilai-nilai Islam dan peradaban tinggi. Pengalaman beliau yang luas dalam dunia akademik dan penyelidikan menjadikan beliau sebagai figura penting dalam institusi-institusi terkemuka. Beliau kini berkhidmat sebagai Fellow Utama dan Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK) di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Sebelum ini, beliau telah menyandang beberapa jawatan penting, termasuk sebagai Fellow Kanan di IKIM dan Pensyarah Kanan serta Timbalan Dekan di Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, IIUM. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai penyelidik di ISTAC, yang memperkaya lagi pengalaman dan kepakaran beliau dalam pemikiran Islam. Dr. Mohd. Farid juga aktif dalam dunia penulisan akademik dan penyuntingan buku. Beliau telah menghasilkan dan menyunting beberapa karya penting dalam bidang pemikiran Islam, seperti Akidah dan Pemikiran Islam, Fakh al-Din al-Razi on Divine Transcendence, serta beberapa buku yang mengangkat isu pendidikan, peradaban, dan pandangan Islam terhadap fenomena sosial, termasuk *Demystifying Islamophobia* dan *Model Pendidikan Islam: Membina Peradaban*. Selain daripada sumbangan akademik, beliau juga memainkan peranan aktif dalam badan-badan profesional dan keagamaan. Dr. Mohd. Farid merupakan ahli Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Islam (MKI), Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, serta Jawatankuasa Penyelidikan Fatwa JAKIM. Ini menunjukkan komitmen beliau yang mendalam terhadap pembangunan keilmuan dan panduan hukum-hakam Islam dalam masyarakat. Dengan latar belakang akademik dan pengalaman yang luas, Dr. Mohd. Farid bin Mohd. Shahrhan terus menjadi suara penting dalam bidang pemikiran Islam dan pendidikan, serta berperanan besar dalam memperkukuhkan nilai-nilai Islam dalam konteks masyarakat Malaysia dan antarabangsa.



## **SEJARAH DAN FALSAFAH LAGU DAN MUZIK DALAM TRADISI ISLAM**

Mohd Farid Mohd Shahrn

*Fellow Utama/ Pengarah, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik,  
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*

Emel: farid@ikim.gov.my

### **ABSTRAK**

Berdasarkan sejarah tamadun dan peradaban, lagu dan muzik bukan sekadar dianggap sebagai bunyian yang menjadi halwa telinga dan hiburan yang mengasyikkan, namun ia merupakan sebahagian dari cerminan kebudayaan dan peradaban yang mempunyai nilai ilmiah yang halus. Dari sudut keagamaan, ia juga berperanan sebagai wadah bagi mendekati diri kepada Tuhan melalui pelbagai bentuk irama keruhanian. Walaupun terdapat perdebatan mengenai hukum bermain alat muzik dalam kalangan ulama fikah, sejarah membuktikan bahawa muzik dan lagu tetap berkembang dengan pesat termasuk di dunia Islam termasuk melalui proses Islamisasi. Malah perkembangan muzik dalam tradisi Islam terutama yang bersifat ilmiah melalui tulisan tokoh pemikir Islam telah menyumbang kepada perkembangan seni muzik di Barat bermula dari abad ke-8 lagi. Di samping itu dalam tradisi Islam, muzik telah terbukti menjadi alat untuk membina suasana yang aman dan sejahtera kepada kepada individu dan masyarakat termasuk digunakan dalam menyembuhkan penyakit di hospital-hospital di wilayah-wilayah Islam seperti di Cordoba dan Turki.

# *Senarai Ringkasan Kertas Kerja*

## **BALANCING ECONOMIC GROWTH: AN EXPLORATION OF THE NATIONAL ENERGY EFFICIENCY ACTION PLAN AND PUBLIC SERVANT ROLES IN THE FRAMEWORK OF MAQASID SHARIAH AND MADANI**

\*Nur Khairina Muhamad Husin, Nur'Jila Mohammad  
*School of Government, Universiti Utara Malaysia*  
Emel: \*nkhairina@uum.edu.my, nurjila@uum.edu.my

### **ABSTRACT**

This research investigates the role of public servants in implementing the National Energy Efficiency Action Plan (NEEAP) in Malaysia, guided by the principles of Maqasid Shariah and Madani. By examining the alignment between the NEEAP, Islamic ethics and public servant roles, the study aims to contribute to a deeper understanding of how to balance economic growth with environmental sustainability. This research employs a quantitative research design, utilizing a cross-sectional survey to collect data from public servants in Malaysia. The analysis focuses on understanding public servants' perceptions, attitudes and knowledge regarding energy efficiency, its alignment with Islamic principles and its impact on economic growth. The findings of this research are expected to provide valuable insights for policymakers and practitioners in developing strategies to enhance public servant capacity, promote energy efficiency and achieve a sustainable and prosperous Malaysia.

**Keywords:** National Energy Efficiency Action Plan, Maqasid Shariah, Madani, Public Servant, Economic Growth

### **INTRODUCTION**

The contemporary world grapples with a complex interplay between economic progress and environmental preservation. While economic growth is essential for development, it often comes at the expense of natural resources and ecological balance. This tension is particularly evident in the realm of energy consumption, where the demand for power to fuel economic activities frequently conflicts with the need to mitigate climate change and protect the environment.

Malaysia, like many developing nations, is caught in this dilemma. The country has embarked on a journey to balance economic growth with sustainable development, as articulated in its National Energy Efficiency Action Plan (NEEAP). This policy framework aims to optimize energy utilization, reduce carbon emissions and enhance energy security. However, the successful implementation of the NEEAP hinges on the effective engagement and commitment of public servants at all levels.

This research seeks to explore the crucial role of public servants in achieving the goals of the

NEEAP. It aims to understand how public servants can reconcile the often-conflicting demands of economic prosperity and environmental stewardship. To provide a normative framework for this exploration, the study will be grounded in the principles of Maqasid Shariah and Madani. These Islamic ethical and governance concepts offer a holistic perspective on human well-being and societal harmony, providing a valuable lens through which to examine the challenges and opportunities inherent in balancing economic growth and environmental sustainability.

By investigating the alignment between the NEEAP, Maqasid Shariah, and Madani, this research aims to contribute to a deeper understanding of the public servant's role in fostering a sustainable and prosperous Malaysia.

### **PROBLEM STATEMENT**

The pursuit of economic growth has traditionally been a paramount objective for nations seeking development and prosperity. However, this relentless pursuit has often come at the expense of environmental sustainability, leading to a complex and pressing global challenge. Malaysia, like many developing countries, faced the dual imperative of fostering economic growth while safeguarding its natural resources and mitigating climate change.

The National Energy Efficiency Action Plan (NEEAP) represents a significant step towards addressing Malaysia's energy challenges. However, the successful implementation of the NEEAP depends on the effective engagement and commitment of public servants at all levels. Despite their crucial role, there is a limited understanding of the factors influencing public servants' perceptions, attitudes and behaviors towards energy efficiency. Moreover, the alignment of energy efficiency initiatives with broader societal values and principles, such as those embodied in Maqasid Shariah and the Madani concept, remains largely unexplored.

While the NEEAP outlines clear objectives for energy efficiency, there is a need to understand the challenges and opportunities faced by public servants in translating these objectives into concrete actions. Hence, there is a lack of research on public servants' perceptions, attitudes and knowledge regarding energy efficiency, its importance and its alignment with broader societal goals.

The potential of Maqasid Shariah and the Madani concept in guiding energy efficiency initiatives has not been fully explored, leaving a gap in the development of holistic and sustainable solutions. Besides that, the trade-offs between economic growth and environmental protection pose a significant challenge. There is a need to develop strategies that promote energy efficiency while also contributing to economic prosperity.

By addressing these problems, this research aims to contribute to the development of effective strategies for enhancing public servant capacity, promoting energy efficiency, and achieving a balance between economic growth and environmental sustainability in Malaysia.

### **RESEARCH OBJECTIVES**

1. To analyze the factors influencing public servants' attitudes and behaviors towards energy efficiency?
2. To examine the role of public servants in implementing the NEEAP to achieve economic growth and environmental sustainability.

3. To propose strategies to enhance public servant capacity and motivation for effective NEEAP implementation.

### **RESEARCH QUESTIONS**

This research will employ a quantitative research design to examine the relationship between the National Energy Efficiency Action Plan (NEEAP), public servant roles, economic growth, and environmental sustainability, guided by the principles of Maqasid Shariah and Madani. A cross-sectional survey design will be utilized to collect data from a sample of public servants across various government agencies in Malaysia.

1. What are the factors influencing public servants' attitudes and behaviors towards energy efficiency?
2. How do public servants perceive the balance between economic growth and environmental sustainability in the context of their roles?
3. What strategies can be developed to enhance public servant motivation for effective NEEAP implementation aligned with Maqasid Shariah and Madani principles?

### **LITERATURE REVIEW**

#### **The Nexus of Economic Growth and Environmental Sustainability**

The intricate relationship between economic growth and environmental sustainability has been a focal point of academic and policy discourse for decades (Shen, 2015; Alam & Kabir, 2013). While economic progress is essential for development, it often comes at the expense of natural resources and ecological balance. A plethora of studies have explored this complex interplay, highlighting the trade-offs and synergies between the two. Malaysia, as a developing nation, has grappled with this challenge, aiming to balance economic growth with sustainable development. The country's commitment to environmental protection is evident in its various policies and initiatives, including the National Energy Efficiency Action Plan (NEEAP).

#### **The Role of Public Servants in Sustainable Development**

Public servants are pivotal in translating national policies, such as the NEEAP, into tangible actions. Research has underscored the critical role of public servants in promoting sustainable development. Studies have explored the factors influencing public servants' environmental attitudes, behaviors, and capacities. However, there is a dearth of literature specifically examining the role of public servants in the context of energy efficiency and its alignment with broader societal goals.

#### **Energy Efficiency and Sustainable Development**

Energy efficiency has emerged as a key strategy for mitigating climate change and promoting sustainable development. A substantial body of research has investigated the economic, environmental, and social benefits of energy efficiency. Studies have explored the drivers and barriers to energy efficiency adoption at both individual and organizational levels. Additionally, there is a growing body of literature examining the role of government policies and incentives in promoting energy efficiency.

#### **Maqasid Shariah and Sustainable Development**

The Islamic concept of Maqasid Shariah, which emphasizes the preservation of protection of religion (Dīn), soul (Nafs), intellect ('Aql), lineage (Nasl), and property or wealth (Māl) has gained increasing attention in recent years as a framework for sustainable development

(Zubair, 2006, Bedoui & Mansour, 2014; Ascarya & Sukmana, 2016; Mohd, 2022). In addition to this, there is an alignment of Maqasid Shariah with contemporary environmental challenges. However, the application of Maqasid Shariah to the specific context of energy efficiency and public servant roles remains underexplored.

### **The Madani Concept and Public Service**

The Madani concept, introduced by the Prime Minister of Malaysia, envisions a Malaysia that is civilized, harmonious, sustainable and prosperous. While the concept is relatively new, it offers a comprehensive framework for national development. However, its implications for public service and energy efficiency are yet to be fully explored.

## **METHODOLOGY**

### **Data Collection**

**Questionnaire Development:** A structured questionnaire will be developed to collect data on public servants' perceptions, attitudes, and knowledge regarding energy efficiency, its alignment with Maqasid Shariah and Madani, and its impact on economic growth. The questionnaire will be divided into sections covering demographic information, knowledge and awareness of energy efficiency, perceptions and attitudes towards energy efficiency, alignment with Maqasid Shariah and Madani, and the impact of energy efficiency on the Malaysian economy.

**Sampling:** A simple random sampling technique will be employed to ensure representative coverage of different government agencies and levels from public sector agencies at the federal, state, statutory bodies and local government in northern region of Malaysia (Perak, Penang, Kedah and Perlis).

**Data Collection:** The questionnaire will be administered electronically (e.g., using google form) to maximize efficiency and reach a wider sample among public servants working in northern region of Malaysia (Perak, Penang, Kedah and Perlis).

### **Secondary Data:**

Relevant data from the National Energy Efficiency Action Plan (NEEAP) and other government reports will be collected to provide a contextual understanding of energy efficiency policies and initiatives in Malaysia.

Economic data related to energy consumption, GDP growth, and environmental indicators will be gathered from reputable sources like the Department of Statistics Malaysia and the Ministry of Energy and Natural Resources.

## **DATA ANALYSIS**

**Descriptive Statistics:** Frequency distributions, percentages, means, and standard deviations will be used to describe the demographic characteristics of the respondents and to summarize the collected data.

**Correlation Analysis:** Correlation coefficients will be calculated to examine the relationship between variables such as public servants' knowledge of energy efficiency, attitudes towards energy efficiency, and their perceptions of the impact of energy efficiency on economic growth alignment with Maqasid Shariah and Madani.

Regression Analysis: Multiple regression analysis will be conducted to identify the factors influencing public servants' perceptions and attitudes towards energy efficiency, while controlling for demographic variables.

## **REFERENCES**

- Alam, M., & Kabir, M. N. (2013). Economic growth and environmental sustainability: Empirical evidence from East and South-East Asia. *International Journal of Economics and Finance*, 5(2), 86-97.
- Shen, D. (2015). Environmental sustainability and economic development: A world view. *Journal of Economics and Sustainable Development*, 6(6), 60-80.
- Mohd Shahid Mohd Noh. (2022). Economic sustainability from Maqasid Al-Shariah perspective in IR 4.0 era, *Al-Basirah Journal*, 12(2), 153-165.

## **DASAR MALAYSIA MADANI MEMBANTU MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAYA SAING INDUSTRI FESYEN HALAL DI MALAYSIA**

\*Muhammad Hafeez Zakaria<sup>1</sup>, Mohd Haniff Mohammad Yusoff<sup>2</sup>,  
Mohammad Nidzam Abdul Kadir<sup>1</sup>

*<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,  
Univeristi Putra Malaysia*

*<sup>2</sup>Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan  
Falsafah, Universiti Utara Malaysia*

Emel: \*hafeez.zakaria@upm.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi Pertumbuhan pesat pasaran industry fesyen halal semakin mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pengguna Islam di seluruh dunia. Segmen pasaran yang menjanjikan ini didorong oleh faktor peningkatan kesedaran dan kepatuhan kepada ajaran agama yang telah membawa kepada kebangkitan fesyen halal dalam kalangan umat Islam. Fesyen halal adalah konsep cara berpakaian seorang Muslim berdasarkan ajaran agama untuk menjaga kehormatan dirinya dan orang lain. Namun, fesyen halal masih menghadapi beberapa cabaran seperti kesilapan pereka fesyen dalam menghasilkan pakaian patuh syariah. Fesyen halal bukan sekadar trend tetapi lebih kepada kaedah pemakaian seorang Muslim mengikut ajaran Islam. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bagaimana Dasar Malaysia Madani dapat meningkatkan keupayaan daya saing industri fesyen halal di Malaysia. Hasil kajian mendapati elemen-elemen pada dasar ekonomi Malaysia Madani yang mampu mendorong meningkatkan keupayaan daya saing industri fesyen halal Malaysia di peringkat antarabangsa adalah seperti berikut: a) Kemampanan: Menyediakan garis panduan fesyen halal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang patuh syariah; b) Ihsan: Pemindahan pengetahuan: melalui pelaksanaan program kesedaran; c) Hormat: Penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan pengusaha industri fesyen menghasilkan pakaian yang patuh syariah; d) Keyakinan: Menyediakan premis/fasiliti perindustrian yang menepati garis panduan halal fesyen; e) Daya cipta: E-dagang dan Platform Digital memainkan peranan penting dalam pasaran fesyen halal; f) Kesejahteraan; Menggalakan Kerjasama diantara pengusaha atau syarikat fesyen halal tempatan dan antarabangsa. Limitasi kajian ini hanya memberi fokus dengan mengenal pasti elemen-elemen Dasar Malaysia Madani yang dapat membantu meningkatkan keupayaan daya saing industri fesyen halal malaysia di peringkat antarabangsa. Kajian lanjut perlu dijalankan dengan menggunakan elemen-elemen yang dikenal pasti dalam kajian lapangan yang berbentuk kualitatif atau kuantitatif bagi menguji sejauh mana elemen-elemen ini dapat mengukur tahap keupayaan daya saing industri fesyen halal malaysia di peringkat antarabangsa.

**Kata kunci:** Dasar Malaysia Madani, Industri Fesyen Halal

## **PENGENALAN**

Pertumbuhan pesat pasaran industri fesyen halal semakin mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pengguna Islam di seluruh dunia. Trend ini adalah seiring dengan pertumbuhan penduduk Islam di seluruh dunia yang membawa kepada permintaan yang tinggi terhadap fesyen yang tidak melanggar norma agama. Segmen pasaran yang menjanjikan ini didorong oleh beberapa faktor seperti peningkatan kesedaran dan kepatuhan kepada ajaran agama yang telah membawa kepada kebangkitan fesyen halal dalam kalangan umat Islam. Selain itu, informasi yang mudah diakses menerusi media sosial mengenai fesyen halal memberi kesan kepada pengguna Islam dalam membuat pilihan yang rencam dan mudah melangsungkan urusan jual beli. Pengaruh pengengaruh digital di media sosial yang mempromosikan fesyen halal dilihat turut menarik perhatian pengguna Islam. Fesyen halal yang digayakan oleh selebriti popular mempengaruhi pengguna Islam, malah penghasilan fesyen halal oleh jenama popular turut mempengaruhi pengguna Islam.

Konsep fesyen halal merujuk kepada cara berpakaian seseorang berdasarkan ajaran agama Islam untuk menjaga kehormatan dirinya dan orang lain. Walau bagaimanapun, fesyen halal masih menghadapi beberapa cabaran seperti kesilapan pereka fesyen dalam menghasilkan pakaian yang benar-benar menepati garis panduan patuh syariah. Fesyen halal bukan sekadar trend tetapi lebih kepada kaedah pemakaian seseorang mengikut ajaran Islam. Oleh itu, kajian empirikal perlu dijalankan untuk mengenal pasti kesinambungan Dasar Malaysia Madani dalam meningkatkan keupayaan daya saing industri fesyen halal Malaysia di peringkat antarabangsa.

## **KAEDAH**

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan induktif. Pengumpulan data dan maklumat mengunakan kaedah kajian literasi dengan mengumpulkan maklumat daripada jurnal, laporan, dan buku. Bahan-bahan literasi yang ditemui, analisis dilakukan secara manual dengan menggunakan pembentukan tema-tema. Tema-tema yang telah dikenal pasti dikompok mengikut subjek-subjek kajian dan dipersembahkan dalam bentuk hasil kajian dan perbincangan.

## **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Dasar Malaysia Madani merupakan satu usaha yang diperkenalkan oleh Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam usaha menstruktur semula ekonomi agar Malaysia dapat menjadi peneraju utama ekonomi di rantau Asia Tenggara. Sejalan dengan dasar ini, industri fesyen halal dilihat berpotensi untuk menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dasar Malaysia Madani dilihat penting sebagai asas dalam membantu meningkatkan keupayaan daya saing industri fesyen halal Malaysia di peringkat antarabangsa. Oleh itu elemen-elemen pada dasar ekonomi Malaysia Madani yang mampu mendorong meningkatkan keupayaan daya saing industri fesyen halal Malaysia di peringkat antarabangsa seperti berikut: a) Kemampanan: Menyediakan garis panduan fesyen halal yang diiktiraf di peringkat antrabangsa yang patuh syariah; b) Ihsan: Pemindahan



pengetahuan: melalui pelaksanaan program kesedaran; c) Hormat: Penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan pengusaha industri fesyen menghasilkan pakaian yang patuh syariah; d) Keyakinan: Menyediakan premis/fasiliti perindustrian yang menepati garis panduan halal fesyen; e) Daya cipta: E-dagang dan Platform Digital memainkan peranan penting dalam pasaran fesyen halal; f) Kesejahteraan; Menggalakan Kerjasama diantara pengusaha atau syarikat fesyen halal tempatan dan antarabangsa.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Dasar Malaysia Madani membantu meningkatkan keupayaan daya saing industri fesyen halal Malaysia di peringkat antarabangsa. Konsep Malaysia Madani melalui elemen kemampanan, ihsan, hormat, daya cipta, keyakinan dan kesejahteraan dapat diterapkan dalam industri fesyen halal, sekali gus membangunkan perindustrian tekstil tempatan melepasi sepadan antarabangsa. Limitasi kajian ini hanya memberi fokus dengan mengenal pasti elemen-elemen Dasar Malaysia Madani yang dapat membantu meningkatkan keupayaan daya saing industri fesyen halal malaysia di peringkat antarabangsa. Kajian lanjut perlu dijalankan dengan menggunakan elemen-elemen yang dikenal pasti dalam kajian lapangan yang berbentuk kualitatif atau kuantitatif bagi menguji sejauh mana elemen-elemen ini dapat mengukur tahap keupayaan daya saing industri fesyen halal malaysia di peringkat antarabangsa.

## **RUJUKAN**

- Afiyah. (2024). Perkembangan industry halal fesyen: Peluang dan tantangan. Tsarwah: *Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*, 9(1), 27-37.
- Azman, M. A., & Rahman, N. A. (2023). Penerapan konsep Malaysia MADANI dalam dasar awam: Membudayakan harmoni dalam kepelbagaian. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 5(4), 29-43.
- Bernama. (2023, Ogos 17), *Malaysia perlu manfaatkan kepakaran dalam industri halal*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-perlu-manfaatkan-kepakaran-dalam-industri-halal-pm-433282>
- Hadi, A., Mohd Razali, N., Othman, J., & Mohd Yusop, N. (2023). Mahasiswa Berdaya Cipta Asas Pemacu Malaysia MADANI/Az'lina Abdul Hadi...[et al.]. *Buletin APB Edisi 10*.
- Mohd Hafiz Zulfakar. (2023, Februari 11). *Mentaliti silo ancam Malaysia Madani*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/02/mentaliti-silo-ancam-malaysia-madani/>
- Mav, M. (2023). IDEAS Welcomes the New Direction Emphasised by the Membangun Malaysia Madani Theme: Vital for Growth and.
- Musa, M. F. (2023). *The Evolution of Madani: How Is 2.0 Different from 1.0?* ISEAS-Yusof Ishak Institute.of Malaya).

## **DIALOG ANTARA AGAMA: MEKANISME DALAM MEMUPUK ATMA KEHARMONIAN DI MALAYSIA**

\*Ahmad Mohamad, Alwani Ghazali, Mohd Khairul Naim Che Nordin  
*Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*  
Emel: \*ahmadhebatah@gmail.com, aghazali@um.edu.my, khairulnaim@um.edu.my

### **ABSTRAK**

Kepelbagaian manusia dari segi ras, etnik, warna kulit, dan agama adalah satu keunikan yang mesti dihayati sebagai sebahagian daripada warna-warni kehidupan, terutamanya di Malaysia. Sebagai sebuah negara yang berusaha membina masyarakat bertamadun dalam arus kehidupan yang kompleks, kepelbagaian budaya dan pegangan agama ini harus dihargai di setiap peringkat. Malaysia mempunyai masyarakat berbilang agama seperti Islam, Buddha, Hindu, Kristian, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai isu yang sering ditimbulkan yang boleh mencetuskan konflik berkaitan kerencaman agama ini. Apabila sentimen keagamaan ini dipermainkan, ia berpotensi mencetuskan permusuhan antara kaum, yang merupakan ancaman kepada kestabilan negara. Dalam mengatasi cabaran ini, dialog antara agama muncul sebagai solusi utama untuk menangani perselisihan dan perbezaan pandangan antara agama. Kajian ini mencadangkan strategi untuk memperkukuh pengamalan dialog antara agama serta menekankan kepentingannya di Malaysia. Dialog antara agama menyediakan konsep dan kaedah untuk mewujudkan persefahaman yang lebih mendalam, dengan matlamat memastikan keharmonian antara agama yang berpanjangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dialog antara agama adalah alat yang kritikal dalam membina hubungan yang lebih erat dan harmonis antara penganut agama. Kesimpulannya, dialog antara agama di Malaysia bukan sahaja relevan tetapi juga menjadi strategi utama dalam mencapai keharmonian nasional.

**Kata Kunci:** Dialog antara Agama, Kepelbagaian Budaya, Keharmonian Nasional

### **PENGENALAN**

Malaysia adalah negara yang diwarnai dengan kepelbagaian agama dan etnik. Walaupun kepelbagaian ini dianggap sebagai aset penting, ia juga membawa cabaran, khususnya dalam memastikan keharmonian antara agama yang berpanjangan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa salah faham terhadap agama lain boleh mencetuskan konflik antara komuniti yang berbeza. Oleh itu, dialog antara agama muncul sebagai alat penting dalam memastikan keharmonian sosial dan mengelakkan perpecahan di kalangan rakyat Malaysia. Dalam konteks ini, dialog antara agama bukan sahaja bertujuan untuk menguruskan perbezaan, tetapi juga untuk mengenal pasti nilai-nilai bersama yang boleh menjadi asas kepada kerjasama yang berkesan.

### **KEPENTINGAN DIALOG ANTARA AGAMA DI MALAYSIA**

Dialog antara agama bukan hanya bertujuan untuk memahami perbezaan, tetapi juga menekankan kepentingan mencari persamaan antara penganut agama yang berbeza. Di

Malaysia, usaha dialog antara agama dilihat penting dalam memupuk keharmonian nasional dan kestabilan sosial. Melalui dialog ini, masyarakat berpeluang mendalami nilai-nilai agama lain dan memupuk sikap saling menghormati. Ini seterusnya membantu mengurangkan stereotaip dan prejudis yang sering menjadi punca utama kepada ketegangan agama. Selain itu, dialog antara agama juga merupakan mekanisme penting dalam menyelesaikan konflik agama dengan cara yang konstruktif, membina asas kepada perpaduan dan integrasi nasional.

### **CABARAN TERHADAP PENGAMALAN DIALOG ANTARA AGAMA**

Walaupun dialog antara agama diakui penting, terdapat beberapa cabaran yang menghalang pengamalan yang berkesan. Antaranya ialah kekurangan pendidikan agama mengenai kepercayaan lain di kalangan masyarakat, yang boleh menimbulkan salah faham dan prejudis. Selain itu, kekurangan garis panduan yang jelas dan formal bagi dialog antara agama juga menjadi penghalang, kerana perbincangan sering kali kurang fokus atau produktif. Di samping itu, keadaan politik dan sosial yang tidak stabil juga memberi impak besar terhadap keberkesanan dialog ini. Apabila politik dan isu sosial seperti diskriminasi agama melanda, dialog antara agama sukar dijalankan secara berkesan dan berisiko dieksploitasi untuk tujuan politik.

### **CADANGAN MEMPERLUASKAN AMALAN DIALOG ANTARA AGAMA**

Bagi memastikan dialog antara agama dapat berkembang dengan lebih berkesan di era moden, teknologi digital dan media sosial boleh dimanfaatkan secara strategik. Kempen kesedaran dalam talian, webinar, serta kandungan pendidikan digital adalah antara cara untuk memperluaskan dialog ini kepada golongan muda dan masyarakat umum. Dengan memanfaatkan platform digital, dialog dapat disebarluaskan kepada masyarakat yang lebih luas, sekali gus membina persefahaman yang lebih mendalam dan inklusif.

### **KESIMPULAN**

Dialog antara agama adalah alat kritikal dalam memastikan keharmonian nasional di Malaysia. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pengurusan konflik agama, tetapi juga berperanan penting dalam membina masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni. Melalui perbincangan yang jujur dan terbuka, dialog ini dapat memupuk rasa hormat dan memahami antara komuniti agama yang berbeza, sekaligus membantu membentuk asas perpaduan nasional yang kukuh.

## ENHANCING EDUCATIONAL QUALITY FOR CHILDREN WITH DISABILITIES IN MALAYSIA MADANI: CHALLENGES AND OPPORTUNITIES

\*Rozita Arshad<sup>1</sup>, Ummu Attiyah Ahmad Zakuan<sup>2</sup>, Harlida Abdul Wahab<sup>3</sup>

<sup>1</sup>*School of Government, Universiti Utara Malaysia*

<sup>2</sup>*School of International Study, Universiti Utara Malaysia*

<sup>3</sup>*School of Law, Universiti Utara Malaysia*

Email: \*roz@uum.edu.my

### ABSTRACT

This article aims to focus on the discussion surrounding the quality of education, as outlined in the fourth Sustainable Development Goal (SDG). It specifically highlights the issue of equal educational opportunities for children with disabilities in Malaysia. This article will analyse the present condition and the need for implementing strategies in enhancing educational opportunities and the standard of living for this marginalised group from a young age. This is in line with MADANI Malaysia's policy to ensure that minority groups, specifically children with disabilities, have equal opportunities as other children, as outlined in the six fundamental principles of MADANI Malaysia, with a specific focus on sustainability and well-being. This article will also attempt to identify significant strengths and areas for enhancement that should be in line with the Malaysia MADANI ideal of inclusivity and social justice. The findings provide suggestions for policymakers, educators, and stakeholders to improve the quality and accessibility of education for children with disabilities. This would help Malaysia in achieving its broader objectives of inclusive development and social well-being.

**Keywords:** Quality Education, Equal Educational Opportunities, Children with Disabilities, MADANI Malaysia

### INTRODUCTION

The main objective of this article aims to focus on the discussion surrounding the quality of education, as outlined in the fourth Sustainable Development Goal (SDG) and Person with Disability Act 2008 (PWDA2008) that emphasis on an equal distribution of rights and opportunities to access to quality education regardless of their social or cultural background. It also aims to identify issues as well as challenges and opportunities in relation to educational opportunities among disabled children in Malaysia. Besides, this article will also analyse the present condition and the need for implementing strategies in enhancing educational opportunities and the standard of living for this marginalised group from a young age. In accordance with the fundamental values of MADANI Malaysia, which include "care and compassion," sustainable educational practices should guarantee that resources are utilised efficiently to provide quality education to all children, without excluding any. For this reason, creating organized good governance for disabled children especially for less fortunate B40 family is very important for making the national and international goal a reality. This way,

everyone can enjoy prosperity through equality and the quality of education provided (PPPN, 2013).

## **METHODS**

The article uses a conceptual paper approach which is focusing on exploration and discussion from the literature reviews related to the rights and opportunities to access to quality education by children with disability. The information will be collected and analysed in accordance with the research conducted in the relevant area and title, specifically the educational policies and frameworks that pertain to the education of children with disabilities in Malaysia. The exploration on these issues will be linked with the perspective of the Malaysia MADANI core values and policies. The secondary data for this study will be sourced from a variety of sources, including literature reviews, reports, policy documents, and other pertinent references related to the study of education for students with disabilities.

## **RESULTS AND DISCUSSIONS**

The purpose of this article is to explain the conceptual understanding for governing and delivering quality education for children with disabilities in Malaysia, in order to align with the goal of MADANI Malaysia. Teachers, policymakers, parents, members of the community, and institutions will get a better awareness of the concerns and challenges that surround the current ecosystem of education for children with disabilities, as well as the ways in which we may improve it.

## **CONCLUSIONS AND RECOMMENDATIONS**

This article aims to foster knowledge by analysing results pertinent to the problems of quality education in accordance with the 'Malaysia MADANI' vision and Sustainable Development Goal 4, which focusses on quality education for children with disabilities.

## **ACKNOWLEDGEMENT**

The authors would like to thank the Ministry of Higher Education Malaysia for providing financial support to this study through its Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2022/SS02/UUM/02/1). Special thanks also dedicated to Universiti Utara Malaysia and all parties who indirectly involved in completing this research.

## **REFERENCES**

- Altinay, F., Ossiannilsson, E., Altinay, Z. and Dagli, G. (2021), Accessible services for smart societies in learning, *International Journal of Information and Learning Technology*, 38 (1), 75-89. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/IJILT-03-2020-0031>
- Arshad, R., and Ahmad Zakuan, U. A., and Abdul Wahab, H. (2023), Invisible struggles: Disabled children and the missing governance framework in child care, *The Proceeding of The International Correctional and Counselling Conference 2023 (ICCC 2023)*, pg. 235-247
- Brady, G. and Franklin, A. (2019), Challenging dominant notions of participation and

- protection through a co-led disabled young researcher study, *Journal of Children's Services*, 14(3), 174-185. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/JCS-03-2019-0016>
- Coviello, J. and DeMatthews, D.E. (2021), Failure is not final: principals' perspectives on creating inclusive schools for students with disabilities, *Journal of Educational Administration*, 59(4), 514-531. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/JEA-08-2020-0170>
- Foo Pik Yin, Chin Yoon Mei and Loh Chun T'ing, (2023), The impact of Budget 2024 on women, children, and students, accessed on 20 November, 2023, <https://news.utar.edu.my/news/2023/Oct/17/01/01.html>
- European Commission, (2020), European ideas for better learning: The Governance Of School Education Systems, accessed on 20 January 2022, <https://www.schooleducationgateway.eu/is/pub/resources/governance-of-school-edu.htm>
- Gordon, J.-S. and Tavera-Salyutov, F. (2018), "Remarks on disability rights legislation", Equality, Diversity and Inclusion, Vol. 37 No. 5, pp. 506-526. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/EDI-12-2016-0114>
- Hanna, H., Heidi, S., and Eva, B., (2020). A preschool for all children? – Swedish preschool teachers' perspective on inclusion. *International Journal of Inclusive Education*. 10.1080/13603116.2020.1758805.
- Department of Public Welfare, KPWK (2016). Action Plan for Disabled Persons 2016-2022, Ministry of Women Development, Family and Society, Putrajaya, [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan\\_OKU\(EMAIL\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU(EMAIL).pdf)
- Department of Education of Malaysia, National Education Development Plan 2013-2025, [https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Plan-Development-Education-2013\\_2025.pdf](https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Plan-Development-Education-2013_2025.pdf)
- Ministry of Economic Affairs, (2018), Shared Prosperity Vision 2030 (Wawasan Kemakmuran Bersama 2030), MEA: Putrajaya, <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/10/WKB2030-ringkasan-bm.pdf>
- Leifler, E. (2020), Teachers' capacity to create inclusive learning environments, *International Journal for Lesson and Learning Studies*, 9(3), 221-244. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/IJLLS-01-2020-0003>
- Lemmi, V., Knapp, M., Reid, C., Sholl, C., Ferdinand, M., Buescher, A. and Trachtenberg, M. (2016), Positive behavioural support for children and adolescents with learning disabilities and behaviour that challenges: an initial exploration of service use and costs, *Tizard Learning Disability Review*, 21(4), 169-180. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/TLDR-03-2015-0013>
- Manivanan, M (1999), Inclusive education for disabled children, *Asia Pacific Disability Rehabilitation Journal*, 2(1), Friday Meeting Transactions Vol. 2 @ No. 1 @ 2000 > <https://www.dinf.ne.jp/doc/english/asia/resource/apdrj/z13fm0300/z13fm0309.html>
- Mariana Mohamed Osman, Fatimah Husna Muhd Radzi, Nurul Izzati M Bakri & Mansor Ibrahim. (2015). Barrier-free Campus: University Malaya, Kuala Lumpur. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 168, 134-144.

- Ministry of Education (MOE). 2004. Development of education: The national report of Malaysia. <http://www.ibe.unesco.org/International/ICE47/English/Natreps/reports/malaysia.pdf>
- Mwoma, T., Begi, N., and Murungi, C. (2018) Safety and security in preschools: A challenge in informal settlements. *Issues in Educational Research*, 28(3), 720-736
- O'Hagan, B. and Kingdom, S. (2020), Experiences of children with special educational needs and disabilities and their families in the United Kingdom during the coronavirus pandemic, *Tizard Learning Disability Review*, 25(4), 229-235. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/TLDR-09-2020-0025>
- Ober, K.M., Twardowski, A. and Pierson, M.R. (2015), "Inclusive Education in Poland: Policies, Practices, and Perspectives", Including Learners with Low-Incidence Disabilities, *International Perspectives on Inclusive Education*, 5, 315-339. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/S1479-363620140000005024>
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). 2017. Starting Strong 2017 – Key OECD Indicators on Early Childhood Education and Care. Diakses, 2022. <https://www.oecd.org/education/starting-strong-2017-9789264276116-en.htm>.
- Persons with Disabilities Act 2008 (Act 685). Laws of Malaysia.
- Pang, Y. (2018), Passion and vision for inclusion: A case study of China's rural pre-service teachers training program, *Journal for Multicultural Education*, 12 (4), 343-352. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/JME-01-2017-0003>
- Papanastasiou, G., Drigas, A., Skianis, C. and Lytras, M.D. (2017), "Serious games in K-12 education: Benefits and impacts on students with attention, memory and developmental disabilities", Program: electronic library and information systems, 51(4), 424-440. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/PROG-02-2016-0020>
- Raghavan, R. and Griffin, E. (2017), Resilience in children and young people with intellectual disabilities: a review of literature, *Advances in Mental Health and Intellectual Disabilities*, 11 (3), 86-97. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/AMHID-01-2017-0002>
- Selvaraj, J.A. (2016), "Inclusive education in New Zealand: rhetoric and reality", *History of Education Review*, 45(1), 54-68. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1108/HER-04-2014-0029>
- UNESCO, (2009). Towards Inclusive Education for Children with Disabilities: A Guideline, Education for All Asia and the Pacific, UNESCO Bangkok <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000192480>
- UNICEF Malaysia, (2019). Children with disabilities in Malaysia, *Convention On The Right Of Children*, <https://www.unicef.org/malaysia/media/906/file/Issue%20Brief:%20Children%20with%20Disabilities%20in%20Malaysia.pdf>
- United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation (UNESCO), (1994). Salamanca statement and framework for action on special needs education. Salamanca Spain: UNESCO. (17) (PDF) Inclusive Education in Malaysia: Policy and Practice. Available from: [https://www.researchgate.net/publication/254242626\\_Inclusive\\_Education\\_in\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/254242626_Inclusive_Education_in_Malaysia)

\_Policy\_and\_Practice [accessed Aug 10 2020].

Website:

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), KPWK:  
<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=TzVqWWwzTDJFVjRsYjR5S3oxOTh0dz09>

Jabatan Perancangan Ekonomi (EPU): [https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-02/WKB2030\\_BM\\_FA\\_DigitalCopy\\_V4.pdf](https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-02/WKB2030_BM_FA_DigitalCopy_V4.pdf)

Jabatan Perdana Menteri (PMO): [https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Pelan-Pembangunan-Pendidikan-2013\\_2025.pdf](https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Pelan-Pembangunan-Pendidikan-2013_2025.pdf)

Jabatan Statistik Malaysia (DOSM): [https://www.dosm.gov.my/v1\\_/](https://www.dosm.gov.my/v1_/)



## HUBUNGAN HARMONI ANTARA ETNIK DI SABAH MELALUI PERAYAAN ORANG ASAL: KAJIAN KES PESTA KALIMARAN 2023

\*Johan Johnes<sup>1 2</sup>, Rosazman Hussin<sup>1</sup>, Trixie Marjorie Tangit<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah*

<sup>2</sup>*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Emel: \*johanjohnes28@gmail.com, azzs@ums.edu.my, trixie.tangit@ums.edu.my

### ABSTRAK

Perayaan orang asal telah sekian lama menjadi titik pertemuan bagi komuniti orang asal di seluruh dunia bagi memelihara warisan budaya serta kebiasaan turun-temurun daripada generasi terdahulu. Pesta Kalimantan secara umumnya telah menjadi perayaan yang disambut setiap tahun di Sabah sejak tahun 2003 khususnya bagi etnik Murut di Sabah dengan tema-tema sambutan yang sering mengaitkan perpaduan kaum melalui sambutan perayaan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti sejauh mana perayaan Pesta Kalimantan memupuk hubungan harmoni antara etnik di Sabah. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kajian campuran (mixed methods) yang melibatkan pungutan data soal selidik serta temu bual mendalam bagi memahami konteks hubungan harmoni semasa Pesta Kalimantan. Kajian ini turut meneliti pelbagai sumber ilmiah bagi mengetahui asal usul serta makna simbolik budaya dalam ritual, upacara, aktiviti, makanan, pakaian tradisi dan sebagainya yang menjadi ekosistem dalam Pesta Kalimantan secara umumnya. Simbol budaya khusus bagi Pesta Kalimantan adalah Pameran pondok-pondok Sub-etnik Murut, Ritual Tolak Bala, Pertandingan Ralaa Kalimantan, Pertandingan Butitin Kalimantan dan permainan Lansaran. Berdasarkan data yang diperolehi, majoriti daripada responden menyatakan bahawa mereka menghadiri Pesta Kalimantan boleh mengeratkan hubungan sosial antara etnik. Perkara ini turut dibuktikan dengan kehadiran pengunjung pelbagai etnik ke Pesta Kalimantan walaupun penganjurannya yang terletak jauh di wilayah pedalaman iaitu di Tenom, Sabah. Justeru itu, seiring dengan perubahan zaman, Pesta Kalimantan perlulah terus dikekalkan bagi memastikan hubungan harmoni antara etnik di Sabah terpelihara.

**Kata Kunci:** Hubungan harmoni, perayaan orang asal, budaya, Pesta Kalimantan, etnik Murut.

### PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan harmoni antara etnik di Sabah melalui perayaan orang asal, dengan fokus kepada Pesta Kalimantan yang dirayakan oleh Etnik Murut. Masalah utama yang dibincangkan ialah kekurangan kajian mendalam mengenai interaksi sosial antara etnik semasa perayaan, serta perbezaan tafsiran simbol dan makna budaya, yang menghalang usaha memperkukuh hubungan harmoni antara etnik. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti simbol dan makna budaya dalam Pesta Kalimantan serta bagaimana

elemen-elemen ini memupuk hubungan harmoni antara etnik di Sabah. Selain itu, kajian ini bertujuan meneliti interaksi sosial semasa perayaan tersebut dan peranan interaksi ini dalam menggalakkan perpaduan etnik. Ia juga menganalisis tanda-tanda toleransi antara etnik yang wujud semasa perayaan, serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam usaha memperkukuh keharmonian sosial melalui perayaan budaya ini.

Literatur terdahulu menunjukkan bahawa perayaan budaya memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan memupuk persefahaman antara etnik (Masula & Tallod, 2023; Bowdin et al., 2001). Namun, tumpuan lebih kepada aspek sejarah dan ritual, dengan sedikit kajian mengenai dinamika sosial dalam perayaan seperti Pesta Kalimantan. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran yang melibatkan soal selidik kuantitatif dan temu bual kualitatif dengan pengunjung, penggiat seni, dan pelaksana Pesta Kalimantan. Pengumpulan data dijalankan semasa Pesta Kalimantan 2023 di Pusat Kebudayaan Murut, Tenom. Hasil kajian menunjukkan bahawa perayaan ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform untuk memahami simbol dan makna budaya, tetapi juga meningkatkan interaksi sosial yang positif dan memperkukuh rasa kebersamaan antara etnik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran (*mixed method*) yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai hubungan harmoni antara etnik semasa Pesta Kalimantan di Sabah. Kajian ini melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik yang diedarkan kepada 382 responden dan temu bual mendalam dengan 7 informan, termasuk pengunjung, penggiat seni, dan pelaksana pesta. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk data kuantitatif dan analisis bertema untuk data kualitatif, yang membantu mengenal pasti tema utama yang menyumbang kepada hubungan harmoni antara etnik.

## **DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN**

Dapatan pertama menunjukkan bahawa simbol dan makna budaya, seperti ritual dan persembahan seni tradisional, diiktiraf oleh majoriti responden sebagai alat yang memperkukuh jalinan persahabatan antara etnik. Sebanyak 64.7% responden menyatakan bahawa mereka dapat mengenal pasti simbol budaya dalam persembahan yang dipamerkan semasa Pesta Kalimantan 2023, manakala 71.5% bersetuju bahawa pameran budaya mendidik masyarakat tentang adat resam etnik lain dan mengurangkan prasangka (Rujuk Jadual 1). Dapatan kedua menunjukkan bahawa interaksi sosial semasa perayaan ini adalah positif, dengan 80.9% responden menyatakan mereka terlibat dalam aktiviti bersama orang yang tidak dikenali semasa Pesta Kalimantan, dan 74.6% menyatakan mereka merasakan rasa kekitaan semasa perayaan tersebut (Rujuk Jadual 1). Hal ini menunjukkan bahawa perayaan bukan sahaja berfungsi sebagai platform budaya, tetapi juga sebagai medium interaksi sosial yang memperkukuh perpaduan etnik.

Jadual 1: Dapatan Mengenai Simbol dan Makna Budaya Semasa Pesta Kalimantan 2023

Pernyataan/ item	Sangat Tidak Bersetuju (%)	Tidak Bersetuju (%)	Sederhana (%)	Bersetuju (%)	Sangat Bersetuju (%)	Skor Min
Saya boleh mengenal pasti simbol dan makna budaya dalam persembahan/pameran semasa Pesta Kalimantan 2023	0.5	1.8	6.0	27.0	64.7	4.53
Pameran budaya semasa Pesta Kalimantan 2023 mendidik masyarakat tentang adat resam etnik lain, mengurangkan prasangka	-	-	2.6	25.9	71.5	4.69

Sumber: Kajian lapangan (2024)

Dapatan ketiga mendapati bahawa tahap toleransi antara etnik adalah tinggi semasa perayaan ini, dengan 76.4% responden sangat bersetuju bahawa mereka menjaga batas budaya etnik lain semasa perayaan (Rujuk Jadual 2). Ini menunjukkan bahawa perayaan seperti Pesta Kalimantan berjaya membina sikap saling menghormati dan menerima perbezaan budaya, yang membantu mengurangkan ketegangan antara etnik. Analisis korelasi juga menunjukkan hubungan signifikan antara rasa kekitaan dan penghargaan terhadap persembahan budaya ( $r = 0.714$ ,  $p < 0.001$ ).

Jadual 2: Dapatan Mengenai Toleransi Etnik Semasa Pesta Kalimantan 2023

Pernyataan/ item	Sangat Tidak Bersetuju (%)	Tidak Bersetuju (%)	Sederhana (%)	Bersetuju (%)	Sangat Bersetuju (%)	Skor Min
Saya menjaga batas budaya semasa Pesta Kalimantan 2023	-	0.3	1.3	22.0	76.4	4.74

Sumber: Kajian lapangan (2024)

Hasil kajian kuantitatif ini turut disokong oleh data daripada temu bual mendalam yang menunjukkan pandangan responden terhadap simbol, makna budaya, interaksi sosial, dan

toleransi etnik semasa Pesta Kalimantan. Salah seorang penggiat seni, berusia 48 tahun, menyatakan bahawa “setiap sub-etnik Murut memperkenalkan etnik masing-masing melalui pondok-pondok tradisi yang mempamerkan pakaian, kraf tangan, dan adat resam mereka”, yang membantunya mengenali dan memahami budaya etnik lain. Ini mengesahkan dapatan kuantitatif bahawa simbol dan makna budaya dalam perayaan ini memainkan peranan penting dalam pendidikan silang budaya.

Hasil kajian ini menegaskan peranan penting perayaan budaya dalam memupuk hubungan harmoni antara etnik di Sabah. Simbol dan makna budaya bukan sahaja berfungsi sebagai warisan tradisi tetapi juga sebagai alat untuk meningkatkan persefahaman antara etnik. Kajian ini juga menyokong dapatan terdahulu oleh Bowdin et al. (2001), yang menyatakan bahawa perayaan budaya menggalakkan penghargaan dan toleransi budaya. Tambahan pula, interaksi sosial yang dijana semasa perayaan ini mencerminkan bahawa perayaan dapat menjadi platform yang efektif dalam mengurangkan prasangka dan meningkatkan kerjasama antara etnik, selaras dengan kajian Lestari et al. (2013).

Akhir sekali, kajian ini turut menjelaskan cabaran dan strategi penambahbaikan Pesta Kalimantan. Cabaran yang dikenal pasti adalah tarikh sambutan perayaan yang tidak seragam setiap tahun, dan faktor politik yang terlalu dominan dalam sambutan perayaan. Pandangan ini menunjukkan bahawa ketidakseragaman tarikh sambutan perayaan boleh menyebabkan kekeliruan dan kurang persediaan dalam kalangan penganjur dan peserta, yang seterusnya mempengaruhi pengalaman keseluruhan dalam perayaan tersebut. Tambahan lagi, faktor politik yang mendominasi sambutan perayaan boleh menjejaskan keharmonian dan penyertaan masyarakat dalam aktiviti budaya. Ketiadaan pemimpin yang tegas menyebabkan situasi yang tidak stabil dan kurangnya sokongan dalam memajukan budaya etnik Murut.

Susulan itu, antara strategi penambahbaikan yang dicadangkan adalah menetapkan tarikh tetap sambutan setiap tahun, seperti 30 dan 31 Mac, untuk memastikan persiapan yang lebih baik dan penyertaan yang konsisten. Tambahan lagi, penganjuran Pesta Kalimantan perlulah Mengelakkan campur tangan politik dalam perayaan untuk mengekalkan fokus kepada budaya, dengan menggalakkan kerjasama antara semua pihak tanpa mengira latar belakang politik.

## **KESIMPULAN & REKOMENDASI**

Berdasarkan dapatan kajian, Pesta Kalimantan terbukti memainkan peranan penting dalam memupuk hubungan harmoni antara etnik di Sabah. Simbol dan makna budaya yang dipamerkan semasa perayaan seperti ritual tradisional dan persembahan seni diakui sebagai alat yang memperkukuh jalinan persahabatan antara etnik. Selain itu, interaksi sosial yang positif semasa perayaan ini menunjukkan bahawa acara tersebut bukan sahaja memperkenalkan budaya Murut kepada masyarakat umum, tetapi juga meningkatkan rasa kebersamaan dan kerjasama antara pelbagai etnik yang terlibat. Namun, kajian ini juga

mengenal pasti beberapa masalah yang menghalang keberkesanan penuh Pesta Kalimantan dalam mencapai matlamat harmoni etnik. Pertama, tarikh sambutan yang tidak seragam setiap tahun menimbulkan kekeliruan di kalangan penganjur dan peserta. Kedua, pengaruh politik yang terlalu dominan dalam sambutan perayaan ini menghalang kerjasama menyeluruh antara komuniti yang terlibat.

Implikasi teori daripada kajian ini mengesahkan bahawa perayaan budaya bukan sahaja berfungsi sebagai warisan tradisi, tetapi juga sebagai medium untuk menggalakkan pemahaman silang budaya dan meningkatkan toleransi antara etnik. Dalam konteks praktikal, dapatan kajian menyokong pentingnya interaksi sosial dalam memperkukuh perpaduan dan memperbaiki persepsi terhadap etnik lain. Kajian ini juga menekankan bahawa perayaan budaya seperti Pesta Kalimantan berpotensi menjadi platform utama dalam membina hubungan harmoni antara pelbagai etnik di Sabah, asalkan ia dikendalikan dengan betul tanpa campur tangan politik yang merosakkan.

Sebagai rekomendasi, penetapan tarikh tetap seperti 30 dan 31 Mac dicadangkan untuk memastikan persiapan yang lebih baik. Selain itu, mengelakkan campur tangan politik dalam penganjuran perayaan adalah penting untuk mengekalkan fokus budaya. Pendidikan budaya yang lebih luas serta penglibatan lebih banyak komuniti etnik dalam perayaan juga dapat membantu meningkatkan toleransi dan kefahaman antara etnik di Sabah, seterusnya memperkukuh hubungan harmoni.

## **PENGHARGAAN**

Penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah atas geran penyelidikan “SDK0328-2021: Kajian Toleransi dan Hubungan Harmoni Antara Etnik di Sabah”, yang membolehkan kajian lapangan dan penemuan kajian ini boleh dihasilkan dengan jayanya.

## **RUJUKAN**

- Bowdin, G., Allen, J., Harris, R., McDonnell, I., & O'toole, W. (2012). *Events management*. Routledge.
- Lestari, S., Adiyanti, G., & Walgito, B. (2013). The concept of harmony in Javanese society. *ANIMA Indonesian Psychological Journal*, 29(1), 24-37.
- Masula, S. C., & Tallod, S. A. (2023). Educational Innuendo of Traditional Indigenous Mask Festival.

## **INOVASI PENDIDIKAN MEDIA SOSIAL BERKAITAN IKHTILAT MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN SERTA IMPLIKASINYA TERHADAP PEMBANGUNAN MASYARAKAT MODEN**

\*Muhammad Hasif Mohamad, Abdul Hafiz Abdullah  
*Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*  
*Universiti Teknologi Malaysia*  
Emel: \*hasif96@graduate.utm.my, abhafiz@utm.my

### **ABSTRAK**

Mutakhir ini dalam meniti arus kemodenan, media sosial telah menjadi medium utama sebagai alat perantaraan antara manusia yang terdiri daripada kalangan kanak-kanak, remaja, orang tua serta lelaki dan perempuan. Bahkan media sosial juga telah mengubah cara interaksi sosial dalam kehidupan manusia, Justeru itu, penggunaan media sosial yang tidak terkawal boleh menyebabkan pelbagai cabaran dan kesan negatif sama ada dari sudut etika atau sosial. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan meneliti bagaimana tafsiran al-Quran dapat digunakan sebagai panduan utama dalam inovasi pendidikan media sosial berkaitan ikhtilat (percampuran lelaki dan Perempuan) serta implikasinya terhadap masyarakat pada zaman kini. Kajian yang dijalankan ini berbentuk kualitatif dengan memberi penekanan kepada kajian kepustakaan (Tafsir al-Quran, buku, artikel, jurnal, kertas kerja prosiding serta analisis dokumen). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat ayat yang boleh dijadikan sebagai panduan utama dalam menentukan etika yang bersesuaian dengan syariat Islam ketika menggunakan media sosial. Tambahan pula pemahaman terhadap nilai-nilai pengajaran yang terdapat dalam al-Quran mampu untuk membentuk masyarakat yang lebih beretika dan bertanggungjawab apabila berhadapan dengan ikhtilat. Beberapa inovasi pendidikan media sosial dicadangkan dalam kajian ini seperti cadangan agar sebuah aplikasi diwujudkan bagi mengekang content video berkaitan percampuran lelaki dan perempuan tersebar di media sosial

**Kata Kunci:** Media Sosial, Ikhtilat, Perspektif al-Quran, Masyarakat, Implikasi, Inovasi

### **PENGENALAN**

Al-Quran merupakan Wahyu Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril. Penurunan al-Quran kepada manusia adalah sebagai suatu perlembagaan agar dijadikan panduan dan aturan yang tidak terikat dengan tempat dan masa. Sehubungan itu, manusia dikenali sebagai makhluk sosial yang sentiasa berkeinginan untuk berinteraksi dan memerlukan antara satu sama lain. Allah SWT mengisyaratkan bahawa manusia merupakan makhluk sosial dalam surah al-Hujurat, 49: 13. Pergaulan dan berinteraksi antara satu sama lain merupakan fitrah bagi manusia (Nurhuda et al., 2023). Sejak akhir-akhir ini, media sosial dijadikan sebagai tempat berinteraksi sesama individu atau berkelompok tanpa mengira lelaki dan perempuan. Penggunaan media sosial

yang tidak terkawal boleh menyebabkan pelbagai cabaran dan kesan negatif sama ada dari sudut etika atau sosial (Hamizi, 2023). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengaplikasikan tafsir al-Quran dalam inovasi media sosial yang bersesuaian garis panduan syariat berkaitan *ikhtilat* dan mengenalpasti implikasi inovasi pendidikan media sosial menurut perspektif al-Quran terhadap masyarakat. Berita Bernama (2024) melaporkan dalam portal rasmi kementerian komunikasi, ketua setiusaha kementerian komunikasi dan multimedia (KKMM), Datuk Seri Mohammad Mentek mengatakan bahawa penggunaan media sosial meningkat sebanyak dua juta atau tujuh peratus dalam tempoh setahun dari tahun 2020. Peningkatan pengguna media sosial boleh menyebabkan pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam media sosial sukar untuk dielakkan.

Pelbagai takrifan yang diberikan para sarjana dalam mendefinisikan perkataan *ikhtilat* dari segi istilah. Zaidan (1993) mendefinisikan *ikhtilat* sebagai perjumpaan yang berlaku antara lelaki dan perempuan sama ada secara berkumpulan atau secara individu. Kebiasaanya perjumpaan tersebut melibatkan interaksi, perjumpaan, melihat atau bercakap. Terdapat dua situasi yang menggambarkan hukum perbuatan *ikhtilat* melalui firman Allah SWT di dalam al-Quran surah Yusuf 12: 23-24 dan surah al-Qasas 28: 23-25. Justeru itu terdapat beberapa inovasi pendidikan media sosial dicadangkan dalam kajian ini.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan memberi penekanan kajian kepustakaan (Tafsir al-Quran, buku, artikel, jurnal, kertas kerja prosiding serta analisis dokumen). Awang (2001) berpendapat bahawa penyelidikan kualitatif amat bersesuaian dengan kajian yang menjurus kearah mengkaji interpretasi fenomena yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kemajuan teknologi pada masa kini mendorong masyarakat untuk menggunakan media sosial sebagai platform berinteraksi antara satu sama lain tanpa mengira jantina. Pendidikan media sosial patuh syariat perlu dibina agar penggunaan media sosial selaras dengan etika *ikhtilat* yang digariskan syariat Islam.

## **INOVASI MEDIA SOSIAL**

Antara inovasi yang boleh dilaksanakan ialah Inovasi Chatbot Islamic. Chatbot merupakan program, algoritma atau AI yang mampu untuk berkomunikasi dengan seseorang dalam perbualan sehingga pengguna merasakan mereka sedang berbicara dengan manusia sebenar (Zemčik, 2019). Penggunaan chatbot mampu untuk mengingatkan pengguna agar sentiasa menjaga batasan ketika menggunakan media sosial secara automatik. Hal ini berketepatan dengan firman Allah SWT dalam surah az-Zariyat 51: 55 yang bermaksud: 'Dan tetap tekunlah kamu memberi peringatan kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat kepada orang yang beriman'.

Kedua ialah Algoritma Patuh Syariah. Algoritma yang terdapat dalam media sosial merupakan hasil kutipan data interaksi antara pengguna dengan profil pengguna yang lain (Figueiredo & Bolaño, 2017). Erti kata yang lain ialah algoritma memaparkan hasil kekerapan pencarian pengguna dalam media sosial yang digunakan. Oleh yang demikian, inovasi ini dapat mengurangkan dan menapis kandungan yang tidak mengikut garis panduan berkaitan ikhtilat sekiranya algoritma patuh syariah dapat diterapkan dalam media sosial. Inovasi ini juga menepati dengan tuntutan Allah SWT dalam surah al-Maidah 5:2 yang bermaksud: ‘... hendaklah kamu tolong menolong dalam membuat kebajikan dan bertakwa. Dan janganlah kamu tolong menolong dalam perbuatan dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah SWT) ...’.

Selain itu, inovasi yang boleh dilaksanakan ialah dengan menghasilkan modul e-learning (modul interaksi digital islamic) yang berteraskan tafsiran al-Quran. Modul ini berdasarkan perbincangan garis panduan ikhtilat ketika menggunakan media sosial dengan menumpukan kepada perbincangan adab berkomunikasi, meningkatkan kesedaran menjaga privasi dan maklumat, pendidikan pengguna ke arah lebih bertanggungjawab, menyediakan set latihan berdasarkan situasi sebenar dan menjadikan modul yang mudah diakses. Firman Allah SWT dalam surah an-Nur 24: 30-31 boleh dijadikan sebagai asas dalam merangka modul ini.

Seterusnya ialah Aplikasi syariah content verification dengan membangunkan sebuah aplikasi yang mampu untuk menyaring video yang dibuat sebelum diletakkan di dalam media sosial. Aplikasi ini dibangunkan dan ditugaskan menyerupai dengan tugas yang dilaksanakan oleh badan penguatkuasa penapis filem. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran 3: 104: (Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru berdakwah kepada kebajikan (menyebarkan Islam), dan menyuruh melakukan segala perkara yang baik dan mencegah daripada segala perkara yang buruk keji...), inovasi ini mampu untuk dijadikan sebagai pusat mengawal perkara yang keji yang tersebar dalam media sosial.

### **IMPLIKASI TERHADAP MASYARAKAT MODEN**

Manakala implikasi terhadap masyarakat moden ialah inovasi ini mampu membina dan mewujudkan Masyarakat yang beretika, bermoral dan mengamalkan garis panduan *ikhtilat* Ketika menggunakan media sosial. Kesedaran terhadap garis panduan ini penting dalam kalangan pengguna, influencer dan content creator agar video, ucapan dan tulisan yang dihasilkan dapat membawa impak yang positif kepada pengguna lain. Hal ini bertujuan mengikut perintah Allah SWT berdasarkan Firman Nya dalam surah al-Isra’: 32: ‘Dan janganlah kamu menghampiri zina sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji’. Selain itu juga inovasi ini mampu untuk memperkuatkan identiti Islam di aplikasi media sosial. Hal ini bertujuan untuk mengurangkan pengaruh budaya global meresap ke dalam tingkah laku pengguna umat Islam. Seterusnya dapat Menghalang dan mengurangkan kes penceraihan, pergaulan bebas, perbuatan zina.



## KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat *ikhtilat* yang berlaku secara bersemuka dan secara maya iaitu melalui media sosial. Kedua-dua *ikhtilat* yang berlaku ini hendaklah berlandaskan garis panduan *ikhtilat*. Terdapat empat inovasi yang dicadangkan dalam kajian ini iaitu Inovasi Chatbot Islamic, Inovasi Algoritma Patuh Syariah, Modul E-Learning (Modul Interaksi Digital Islamic) dan Aplikasi Syariah Content Verification. Cadangan inovasi ini bertujuan untuk menjadikan media sosial patuh syariah serta membawa pengaruh yang baik kepada pengguna beragama Islam. Akhir sekali inovasi yang dicadangkan dilihat mampu memberi impak positif kepada Pembangunan Masyarakat Moden dengan menyediakan platform di media sosial yang lebih beretika dan patuh syariah.

## RUJUKAN

- Bernama, B. (2024). *Malaysia Ada 28 Juta Pengguna Media Sosial. Tarikh akses pada 08.09.2024; 12am.* Portal Rasmi Kementerian Komunikasi. <https://www.komunikasi.gov.my/awam/berita/20226-malaysia-ada-28-juta-pengguna-media-sosial>
- Figueiredo, C., & Bolaño, C. (2017). Social Media and Algorithms: Configurations of the Lifeworld Colonization by New Media. *The International Review of Information Ethics*, 26, 26–38. <https://doi.org/10.29173/iriet277>
- Hamizi, A. F. M. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 24–37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>
- Nurhuda, S. P., Nasichah, & Karimah, A. (2023). Hakikat Manusia Sebagai Makhluk Sosial Dalam Pandangan Islam. *Jurnal Ilmu Sosial, Humaniora Dan Seni (JISHS)*, 1(4), 684–690.
- Zaidan, A. K. (1993). *Al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Zemčik, M. T. (2019). A Brief History of Chatbots. *DEStech Transactions on Computer Science and Engineering, aicacae*. <https://doi.org/10.12783/dtcse/aicacae2019/31439>

## INFLUENCE OF MALAYSIA MADANI CORE VALUES IN SUSTAINING TA'AWUN AND UKHUWWAH WITHIN WORKPLACE DIVERSITY

\*Suhaimi Mhd Sarif<sup>1</sup>, Md Yusof Ismail<sup>1</sup>, Yayan Firmansah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*International Islamic University Malaysia*

<sup>2</sup>*University of Darussalam, Gontor, East Jawa, Indonesia*

Email: \*suhaimims@iium.edu.my, mdyusof@iium.edu.my, yayanf@unida.gontor.ac.id

### ABSTRACT

This research aims to explore the influence of Malaysia Madani's core values - sustainability (kemampuan), prosperity (kesejahteraan), innovation (daya cipta), respect (hormat), trust (keyakinan) and compassion (ihsan) - can support ta'awun (mutual cooperation), and ukhuwwah (mutual bonding) in diverse workplace setting. The research used qualitative research through focus group discussion with staff from Islamic universities in Southeast Asia. The research found Malaysia Madani values foster mutual cooperation and bonding influenced by respect, trust, and innovation despite workplace diversity. The research recommends training programs with Malaysia Madani values, regular assessments, and cultural exchange initiatives. The research also suggests further research into leadership roles in advocating ta'awun (mutual cooperation) and ukhuwwah (bonding) with Malaysia Madani values while sustaining cooperation and bonding at workplace diversity.

**Keywords:** Ta'awun, workplace diversity, Malaysia Madani

### INTRODUCTION

The research aims to establish a set of universally embraced organizational values grounded in the Tawhidic paradigm and aligned with Malaysia Madani core values, focusing on fostering *ukhuwwah* (good bonding) and *ta'awun* (mutual cooperation) in diverse workplace environments, particularly within Islamic educational institutions (Mhd. Sarif, 2019, 2021; Mokhtar et al, 2020; Wahab & Ismail, 2019). The objective is to develop a framework that integrates these values, ensuring a cohesive and harmonious workplace culture that upholds Islamic principles while addressing the challenges of diversity. The problem lies in maintaining unity and cooperation in today's increasingly diverse workplaces, where differences in backgrounds, cultures, and perspectives often lead to misunderstandings and reduced cooperation, especially in organizations committed to Islamic values (Al-Faruqi, 1992; Mohd Kamal, 2010; Wahab & Ismail, 2018; Mhd. Sarif & Ismail, 2023). A structured approach grounded in the Tawhidic paradigm is needed to foster mutual cooperation. The literature highlights the Tawhidic paradigm's emphasis on the oneness of Allah and interconnectedness, as well as Malaysia Madani's values—sustainability, prosperity, innovation, respect, trust, and compassion—as essential for a productive and harmonious work environment (Al-Faruqi, 1992; Mohd Kamal, 2010; Wahab & Ismail, 2018; Anwar Ibrahim, 2022; Mhd. Sarif & Ismail, 2023). Methodologically, the study employed qualitative research using focus group discussions (FGDs) with staff members from Islamic universities in Southeast Asia to explore challenges and opportunities in maintaining *ukhuwwah* and *ta'awun*. Key findings revealed that diverse interpretations of life goals, particularly al-Falah (success), often lead to misunderstandings in multicultural workplaces. Participants suggested that Malaysia Madani values provide a viable solution to overcome these

challenges, promoting cooperation, innovation, and well-being while aligning with Islamic principles. In conclusion, integrating the Tawhidic paradigm and Malaysia Madani values into organizational culture fosters cooperation and workplace harmony, supporting both institutional goals and Islamic principles.

## **METHODS**

This study employed a qualitative research approach using the grounded theory technique, which integrates data collection and analysis simultaneously to develop a theory. Grounded theory relies on abductive reasoning, a combination of inductive and deductive approaches (Corley, 2015; Glaser & Strauss, 2017). The primary objective of this methodology is to generate a theory that emerges directly from the data, ensuring that it is strongly based on evidence (Merriam & Grenier, 2019; Hennink, Hutter & Bailey, 2020; Denzin et al., 2023; Hatch, 2023). Data was collected through three focus group discussions (FGDs), involving selected staff members from Islamic universities in Southeast Asia (Indonesia, Malaysia, and Thailand). The participants were chosen based on their relevance to the research topic, ensuring diverse representation from different cultural and professional backgrounds. Each FGD was facilitated by the lead researcher, who guided the discussions and ensured that all participants had an opportunity to share their views. The data analysis followed three stages of coding. Open coding is at the initial stage, the transcribed discussions were broken down into discrete concepts and categories. Key themes and patterns related to the research topic—such as mutual cooperation, workplace diversity, and the integration of Islamic values—were identified. Then, at axial coding, the researchers examined the relationships between the identified categories and subcategories. This stage helped to refine the emerging theory by exploring how different themes interacted and influenced one another. Finally, at selective coding, a core category or central theme was identified, which provided the foundation for the developing theory. The selective coding process involved integrating and refining the categories to form a coherent theoretical framework. Throughout this process, the researchers engaged in constant comparison, comparing incidents, data, and theory to ensure precision and consistency. This iterative approach helped to avoid bias and ensured that the theory was grounded in the data rather than preconceived notions or assumptions. The process continued until data saturation was reached, meaning that no new themes or insights were emerging from the analysis.

The grounded theory was derived from the interplay between the literature review and the data gathered through the FGDs. The researchers continually refined the theoretical framework by comparing it with new data and adjusting it to reflect the findings accurately. The final theory provides a robust, evidence-based framework for understanding how the principles of *ukhuwwah* and *ta'awun* can be fostered in diverse workplace environments, particularly in Islamic educational institutions. This method allowed the study to develop a comprehensive and grounded theory that explains how a set of universally embraced organizational values, rooted in the Tawhidic paradigm and Malaysia Madani core values, can promote cooperation and harmony in diverse workplaces.

## **RESULTS AND DISCUSSIONS**

The study conducted three series of qualitative focus group discussions with diverse staff members from Islamic universities in Southeast Asia, aiming to explore the challenges and opportunities of maintaining *ukhuwwah* (brotherhood) and *ta'awun* (mutual cooperation) in multicultural and multi-ethnic workplaces. The insights gained from these discussions

highlighted how the principles of Malaysia Madani, with its focus on fostering unity and cooperation, can be applied to enhance workplace harmony and productivity in Islamic educational institutions (Al-Faruqi, 1992; Mohd Kamal, 2010; Wahab & Ismail, 2018; Anwar Ibrahim, 2022; Mhd. Sarif & Ismail, 2023). Participants emphasized the complexities of managing diversity, particularly in aligning the principles of *ukhuwwah* and *ta'awun*, given the differences in cultural backgrounds, religious interpretations, and personal life goals among staff. A major challenge identified was the divergence in the pursuit of *al-Falah* (success in life and the hereafter), which led to misunderstandings, reduced cooperation, and difficulties in building cohesive relationships in the workplace (Wahab & Ismail, 2019; van Assen, 2021).

Participants further argued that the Malaysia Madani principles introduced by Prime Minister Dato' Seri Anwar Ibrahim in 2022 closely align with the core values and objectives of Islamic universities. The acronym MADANI – representing sustainability (*keMampanan*), prosperity (*kesejahteraan*), innovation (*Daya cipta*), respect (*hormat*), trust (*keyakinan*), and compassion (*ihsan*) – was seen as foundational for fostering a progressive, harmonious, and sustainable future for Malaysia. Participants particularly valued sustainability, not only in environmental terms but also in ensuring that Islamic universities uphold their mission of providing quality education while adhering to Islamic values (Aziz & Rusli, 2020; Yusof et al., 2023; Zihan et al., 2024).

The discussions also revealed that prosperity, understood holistically as the well-being of the community, resonated deeply with participants, reflecting the Islamic concept of *sejahtera*, encompassing physical, emotional, spiritual, and social health. Innovation was equally valued, as participants acknowledged the importance of creativity and new ideas in advancing education, research, and community service, particularly when guided by Islamic ethics. Respect was identified as critical for creating a harmonious workplace, especially in diverse environments where maintaining *ukhuwwah* and *ta'awun* is essential (Badrasawi et al., 2017; Mhd. Sarif, Ismail & Zainudin, 2023; Mhd. Sarif, Ismail & Abdul Wahid, 2024).

Trust was recognized as crucial for fostering a culture of transparency, integrity, and accountability, key factors in building a cohesive and effective institution. Finally, participants emphasized the principle of *ihsan* (compassion), deeply rooted in Islamic teachings, as essential for fostering a caring and supportive community. This ensures that the university serves as not only a place of learning but also a space for moral and spiritual growth. Collectively, participants contended that the MADANI principles align closely with the goals of Islamic universities, offering a framework to achieve personal and institutional objectives while contributing to the broader mission of creating a progressive and sustainable future for Malaysia (Mhd. Sarif, Ismail & Zainudin, 2023; Mhd. Sarif, Ismail & Abdul Wahid, 2024).

## CONCLUSIONS AND RECOMMENDATIONS

The study offers valuable insights into the challenges and opportunities of fostering *ukhuwwah* (brotherhood) and *ta'awun* (mutual cooperation) in multicultural and multi-ethnic workplaces, particularly within Islamic universities. It demonstrates that the Malaysia MADANI principles—sustainability, prosperity, innovation, respect, trust, and compassion—serve as an effective framework for promoting workplace harmony, productivity, and alignment with Islamic values. While the diversity in cultural backgrounds and interpretations of *al-Falah* (success) among staff members can lead to misunderstandings and reduced cooperation, these challenges can be addressed by implementing a shared value system

rooted in both Islamic teachings and the MADANI principles. A unified understanding of *al-Falah*, along with an emphasis on holistic sustainability, innovation, and ethical creativity, is crucial for advancing educational and institutional goals. The study recommends that Islamic universities formally adopt and institutionalize the MADANI values, promote a unified understanding of success, encourage innovation, foster trust and transparency, and enhance compassionate leadership to create a cohesive and supportive work environment. Theoretical implications highlight the integration of the Tawhidic paradigm with the MADANI framework, offering a foundation for future research in Islamic organizational development. However, the successful application of this framework may vary depending on existing organizational culture, and further studies could explore its adaptability in non-Islamic institutions or outside Southeast Asia. Overall, the study underscores the importance of a value-driven approach to management, where both professional excellence and spiritual integrity are essential for long-term success.

### ACKNOWLEDGEMENT

This research would not have been possible without the generous funding and support from the International Islamic University Malaysia (IIUM) through the Department of Business Administration (DEBA) Research Grant Scheme. We are deeply grateful for the financial assistance provided under Project ID: DEBA24-036-0042.

### REFERENCES

- Al-Faruqi, I.R. (1992). *Al Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. Herndon, Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Anwar Ibrahim (2022). *SCRIPT for a better Malaysia-An empowering vision and policy framework for action*. Anwar Ibrahim & Centre for Postnormal Policy and Futures Studies.
- Aziz, N. A., & Rusli, R. (2020). Embracing Islamic values in governance: Reflecting the concept of 'Madani' in the Holy Qur'an. *Research Studies*, 3(7), 1304-1312.
- Badrasawi, K. J., Preece, A. S., Hashim, C. N., & Azizi, N. M. S. (2017). The concept of Murabbi in Muslim education with reference to selected teaching methods of the Prophet Muhammad. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 327-357.
- Corley, K. G. (2015). A commentary on "What grounded theory is...": Engaging a phenomenon from the perspective of those living it. *Organizational Research Methods*, 18(4), 600–605.
- Denzin, N. K., Lincoln, Y. S., Giardina, M. D., & Cannella, G. S. (Eds.). (2023). *The Sage handbook of qualitative research*. Sage Publications.
- Glaser, B., & Strauss, A. (2017). *Discovery of grounded theory: Strategies for qualitative research (1st ed.)*. New York: Routledge.
- Hatch, J. A. (2023). *Doing qualitative research in education settings*. State University of New York Press.
- Hennink, M., Hutter, I., & Bailey, A. (2020). *Qualitative research methods*. Sage.
- Merriam, S. B., & Grenier, R. S. (Eds.). (2019). *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis*. John Wiley & Sons.
- Mohd Kamal Hassan (2010). A return to the Qur'anic paradigm of development an integrated knowledge: The *Ulū al-Albāb* model. *Intellectual Discourse*, 18 (2), 183-210.
- Mokhtar, M. Y. O., Arifain, S. M. K., Isa, M. F. M., Jailani, A. I., & Othman, W. N. W. (2020). The concept of altruism and *ihsan* as an approach towards achieving psychological well-being at the workplace: An observation at the Islamic University College of Melaka.

- International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(10), 637-48.
- Mhd. Sarif, S. (2019). Effect of *ukhuwwah* driven social cohesiveness in governing quality innovation for sustainable development goals. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18 (6), 1-9.
- Mhd. Sarif, S. (2021). Influence of *taqwa* (piety) on sustaining corporate governance of zakat institutions. *AZKA International Journal of Zakat and Social Finance*, 1 (2S), 149-161.
- Mhd. Sarif, S., Zainudin, D. & Ismail, Y. (2021). Influence of *sejahtera ulū al-albāb* approach on strategic planning for sustainability. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 3 (2), 71-80.
- Mhd. Sarif, S. & Ismail, Y. (2023). Influence of *ta'awun* (mutual cooperation) in sustaining creativity and innovation among entrepreneurship development centres of universities in Malaysia. *Online Journal of Islamic Management and Finance (OJIMF)*, 3(1), 1-19.
- Mhd. Sarif, S., Ismail, Y. & Zainudin, D. (2023). Influence of *ta'awun* (mutual cooperation) in sustaining innovation alliances. *International Journal of Islamic Business*, 8 (1), 15-40.
- Mhd. Sarif, S., Ismail, Y. & Abdul Wahid, M.F. (2024). Enhancing the sustainability of fundraising for community free food kitchens through *ta'awun* (mutual cooperation). *Global Business and Management Research: An International Journal*, 16 (2s), 477-487.
- Mhd. Sarif, S. & Ismail, Y. (2024). The impact of *taqwa* on ethics and competitive advantage in Malaysian SMEs. *Online Journal of Islamic Management and Finance*, 4 (1), 1-19.
- van Assen, M. F. (2021). Training, employee involvement and continuous improvement—The moderating effect of a common improvement method. *Production Planning & Control*, 32(2), 132-144.
- Wahab, M. A., & Ismail, Y. (2019). *Masa'uliyah* and *ihsan* as high-performance work values in Islam. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 27(1), 187–212.
- Yusof, M. A. M., Zainudin, M. Z., Rawi, A. H. M., & Isa, M. F. M. (2023). Impact of job rotation on employee performance through job satisfaction in the public civil service Melaka. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 16(1), 1-11.
- Zihan, W., Makhbul, Z. K. M., & Alam, S. S. (2024). Green human resource management in practice: Assessing the impact of readiness and corporate social responsibility on organizational change. *Sustainability*, 16(3), 1153-1155.

## KOMBINASI ILMU DAN AKHLAK DALAM PEMERKASAAN MASYARAKAT MADANI-DELIBERATIF DARI PERSPEKTIF TAMADUN ISLAM

\*Ahmad Faizuddin Ramli<sup>1</sup>, Ramli Awang<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

<sup>2</sup>Universiti Teknologi Malaysia

Emel: \*faizuddin@fsk.upsi.edu.my, ramly@utm.my

### ABSTRAK

Sumber-sumber penulisan dalam dunia Barat lazimnya membawa naratif bahawa tamadun manusia berkembang dari kejahilan (ignorance) kepada pencerahan, dengan berakar daripada pengetahuan Yunani sebagai pemangkin kepada kemajuan saintifik yang materialistik. Kesannya, peranan ilmu yang sepatutnya membangunkan akhlak manusia telah membentuk watak manusia moden sebagai agen pemusnah. Maka kertas kerja ini akan membincangkan peranan ilmu dan akhlak dalam membangunkan masyarakat Madani-deliberatif dari perspektif Tamadun Islam. Menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kajian kepustakaan yang komprehensif, kajian menunjukkan bahawa hanya dengan kesedaran dan kesepaduan ilmu dan akhlak yang benar dapat memperkasakan masyarakat Madani-deliberatif sekali gus mengislahkan elemen ketamadunan manusia. Kajian ini mencadangkan agar dilakukan reformasi dalam sistem pendidikan dengan mengintegrasikan ilmu dan akhlak yang berteraskan kepada ajaran agama dan kerohanian.

**Kata kunci:** ilmu, akhlak, Madani, masyarakat madani deliberatif, tamadun Islam

### PENGENALAN

Makalah ini bertujuan untuk membincangkan peranan ilmu dan akhlak dalam pembentukan masyarakat Madani-deliberatif dari perspektif Tamadun Islam, dengan memberikan fokus kepada peranan integrasi ilmu dan akhlak dalam memperkasakan perkembangan tamadun manusia secara holistik. Dalam konteks perkembangan intelektual di dunia Barat, umumnya dibawa naratif bahawa tamadun manusia telah melalui transisi daripada kejahilan (*ignorance*) kepada pencerahan (*enlightenment*), berakar dari pengetahuan Yunani yang dilihat sebagai asas penting yang mendorong kemajuan saintifik dan materialistik. Namun begitu, naratif ini juga membawa implikasi terhadap sifat manusia moden yang terdedah kepada ancaman menjadi agen pemusnah akibat kegagalan memanfaatkan ilmu untuk tujuan akhlak dan etika yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, kajian ini membahaskan bagaimana integrasi ilmu dan akhlak dapat membentuk semula masyarakat yang lebih berakhlak dan bertamadun, khususnya dalam konteks Tamadun Islam.

### METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kepustakaan yang komprehensif. Sumber-sumber rujukan utama diambil daripada karya-karya klasik dan kontemporari dalam bidang falsafah dan pemikiran Islam.

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian mendapati bahawa hanya melalui kesedaran dan kesepaduan antara ilmu dan

akhlak yang benar, tamadun manusia dapat diislahkan dan masyarakat Madani-deliberatif dapat diperkasakan. Peranan ilmu dalam Islam tidak hanya terhad kepada aspek saintifik dan materialistik, tetapi juga melibatkan tanggungjawab akhlak. Masyarakat yang dilandasi ilmu yang benar dan akhlak yang luhur mempunyai potensi besar untuk membangunkan tamadun yang lebih seimbang, adil dan beretika.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Kajian ini mencadangkan kepada pelaksanaan reformasi dalam sistem pendidikan yang mengintegrasikan ilmu dan akhlak berteraskan agama dan kerohanian bagi memastikan pembentukan masyarakat yang lebih beretika dan berakhlak tinggi.

## **PENGHARGAAN**

This research was supported of by the Ministry of Higher Education (MOHE) Malaysia through the Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2022/SS04/UPSI/03/1)

## **RUJUKAN**

- Abd Rahman B. Pharm. (2010). Ubat daripada Sumber Babi dan Pilihan Alternatif. Kuala Lumpur: Halal Science Solution.
- Abdul Karim Uthman. (1968). Al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam. Beirut: Dar al-Irsyad
- Ahdal, Ahmad bin Yusuf. 2010. Al-Akhlak al-Zakiyyah fi Adab al-Talib al-Mardiyyah. Riyad: Maktabah Malik Fahd.
- al-Asfahani, Abi al-Qasim al-Husayn bin Muhammad bin al-Mufaddal al-Raghib. (1997). Mu'jam Mufradat Alfaz al-Qur'an. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. (1379H). Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Atjeh, H. Aboebakar. (1959). Toleransi Nabi Muhammad s.a.w. dan Sahabat-Sahabatnya. Surabaya: Salim Nabhan.
- al-Bayhaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Husayn bin Ali. (2003). Al-Sunan al-Kubra. Tahkik Muhammad Abd al-Qadir 'Ata, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Bayhaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Husayn. (2003). Syu'ab al-Imān. Tahkik Mukhtar Ahmad al-Nadawi. Beirut: Maktabah al-Rusyd dan Bombay: Dar al-Salafiyyah.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail. (1422H). Sahih al-Bukhari. Tahkik Jama'ah al-Ulama'. Mesir: Tab'ah Bulaq.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail. (1997). Adab al-Mufrad. Tahkik Muhammad Nasiruddin al-Albani. T.Tempat: Dar al-Sadiq li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- al-Darimi, Abu Abdullah Muhammad bin Abdulrahman. 2000. Musnad. Tahkik Husayn Salim Asad. Saudi: Dar al-Mughni li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- al-Farabi, Abu Nasr Ismail bin Hammad al-Juhari. (1987). Al-Sihah Taj al-Lughat al-'Arabiyyah. Tahkik Ahmad 'Abd al-Ghafur 'Atar. Beirut: Dar al-'Ilm lil Malayin.
- al-Farisi, al-Amir 'Alauddin Ali bin Balban. 1988. Al-Ihsan fi Taqrib Sahih Ibn Hibban. Beirut: Mu'asasah al-Risalah.
- al-Jawzi, Jamaluddin Abu al-Farj 'Abdulrahman bin Ali bin Muhammad. (1992). Al-Muntazam fi Tarikh al-Umam wa al-Muluk. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Jawzi, Sibt Ibn. 2013. Mir'at al-Zaman fi Tawarikh al-A'yan. Damsyik: Dar al-Risalah al-'Alamiyah.
- al-Juhari, Abi Nasr Ismail bin Hammad. (2009). Al-Sihah Tāj al-Lughah wa Sihah al-'Arabiyyah. Ed. Muhammad Muhammad Tamir et.al. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Makhzumi, Abu al-Hijaj Mujahid bin Jabr. (1989). Tafsir Mujahid. Tahkik Muhammad Abdul



- Salam Abu al-Nayl. Mesir: Dar al-Fikr al-Islami al-Hadithah.
- Al-Mu'jam al-Wajīz. (1980). Kaherah: al-Syarikat al-l'lanat al-Syarqiyah
- al-Muqaddasi, Ahmad bin 'Abd al-Rahman bin Qudamah. (1978). Mukhtasar Minhaj al-Qasidin. Taklik Syu'aib al-Arnaut dan 'Abd al-Qadir al-Arnaut. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath
- al-Nasa'i, Abu Abdulrahman Ahmad bin Syu'ayb. (2001). Al-Sunan al-Kubrā. Tahkik Hasan Abdul Mun'im Syibli. Beirut: Mu'asasah al-Risalah.
- al-Naysaburi, Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah al-Hākim. (1990). Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn. Tahkik Mustaffa Abdul Qadir 'Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Naysaburi, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajaj al-Qusyairi. (1955). Sahih Muslim. Tahkik Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Kaherah: Matba'ah Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah.
- al-Sijistani, Abu Dawud Sulayman bin al-Asy'ath. (T.th). Sunan. Tahkik Muhammad Muhyiddin Abdul Hamid. Beirut: Maktabah al-'Asriyah.
- al-Sindi, Abu al-Hasan Nur al-Din Abd al-Hadi. (T.th). Matan al-Bukhari bi Hasyiah al-Sindi. Beirut: Dar al-Fikir
- al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad. (1994). Al-Mu'jam al-Kabir. Tahkik Hamdi bin Abdul Majid al-Salafi. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah.
- al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad. (1995). Al-Mu'jam al-Awsat. Tahkik Abu Mu'adh Tariq 'Iwad Allah bin Muhammad dan Abu al-Fadl Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Husaini. Kaherah: Dar al-Haramain.
- al-Tabari, Ibn Jarir. (T.th). Jami'al-Bayan. Tahkik Mahmud Muhammad Syakir. Makkah: Dar al-Tarbiyah wa al-Turath.
- al-Tabari, Ibn Jarir. (1967). Tarikh al-Tabari. Mesir: Dar al-Mu'arif.
- al-Tabari, Ibn Jarir. (2001). Tafsir al-Tabari. Tahkik Abdullah 'Abd al-Muhsin al-Turki. T.Tempat: Dar Hajar li Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- al-Tirmidhī, Muhammad bin Isa bin Surat. (1975). Sunan al-Tirmidhi. Tahkik Ahmad Muhammad Syakir, Muhammad Fu'ad Abdul Baqi, Ibrahim Atiwwah. Mesir: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Mustaffa al-Babi al-Halabi
- al-Yamani, Abu Bakr Abd al-Razzaq bin Himam bin Nafi' al-Himayri. 1419H. Tafsir 'Abd al-Razzaq. Tahkik Mahmud Muhammad 'Abduh. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Zabidi, Muhammad Murtada al-Husayni. 2001. Taj al-'Arus min Jawahir al-Qamus. Kuwait: Wizarah al-Irsyad wa al-Anba'.
- al-Zarkeley, Khayruddin. (2002). Al-A'lam. Beirut: Dar al-'Ilm lil Malayin.
- Ibn Abi Syaibah, Abu Bakar Abdullah bin Muhammad. (1989). Musannaf. Tahkik Kamal Yusuf al-Hut. Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Abī Syaibah, Abu Bakar Abdullah bin Muhammad. (1997). Musnad. Tahkik Adil bin Yusuf al-'Izazi dan Ahmad bin Farid al-Mazidi. Riyad: Dar al-Watan.
- Ibn al-Athir, Majduddin Abu al-Saadat al-Mubarak al-Jazari. (1979). Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar. Beirut: Maktabah al-'Ilmiyah.
- Ibn Faris, Abi al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariyyā. (2008). Maqāyis al-Lughah. Taklik Anas Muhammad al-Syāmi. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Hanbal, Imam Ahmad. (2001). Musnad. Tahkik Syu'ayb al-Arnaut, 'Adil Mursyid, dll. Beirut: Mu'asasah al-Risalah.
- Ibn Majah, Abu Abdullah bin Yazid al-Qazwini. Sunan Ibn Majah. (T.th). Tahkik Muhammad Fu'ad Abdul Baqi. Mesir: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah.
- Ibrāhim Mustaffa, Ahmad al-Zayyāt, Hāmid 'Abd al-Qādir dan Muhammad al-Najjār. (T.th). Al-Mu'jam al-Wasit. Kaherah: Dar al-Da'wah
- John Parkinson & Jane J. Mansbridge. (2012). Deliberative Systems: Deliberative

Democracy at the Large Scale, Cambridge University Press, Cambridge; John Richard Parkinson, Conceptualising and Mapping the Deliberative Society, paper on PSA 60th anniversary conference, Edinburgh. Copyright PSA 2010.

Jürg Steiner (2012), Democracy: Empirical Research and Normative Implications, Cambridge University Press, Cambridge.

Madina, Maan Z. (1973). Arabic-English Dictionary of the Modern Literary Language. New York: Pocket Books.

Mat Ropa Ismail. (2006). Falsafah Sains Pendekatan Kualitatif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muqatil bin Sulayman. 1423H. Tafsir Muqatil. Tahkik Abdullah Mahmud Syahatah. Beirut: Dar Ihya' al-Turath.

Mutahhir bin Tahir al-Muqaddasi. (1919). Al-Bad'u wa al-Tarikh. Paris: Matba'ah Syalon.

Zaqquq, Mahmud Hamdi. (1993). Antara Falsafah Islam dan Falsafah Moden Barat: Suatu Perbandingan Antara Al-Ghazali dan Descartes. Terj. Mohd. Sulaiman Hj. Yasin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **KONSEP DAN PERLAKSANAAN MALAYSIA MADANI: PENERIMAAN ATAU PENOLAKAN?**

\*Mokhtafizam Mokhtar, Malike Brahim

*Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa  
(UUM COLGIS), Universiti Utara Malaysia*

Emel: \*zam@uum.edu.my

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini mengkaji konsep dan pelaksanaan inisiatif "Malaysia Madani" dalam konteks pembangunan sosial, ekonomi, dan politik negara. Malaysia Madani, sebagai suatu pendekatan yang diilhamkan untuk memperkukuh nilai-nilai kemasyarakatan dan keadilan sosial, bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif dan progresif. Gagasan dan konsep Madani ini bukanlah suatu idea baru tetapi idea yang dibawa oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim semenjak menjadi Timbalan Perdana Menteri dari tahun 1993 sebelum dipecat pada tahun 1998. Kini apabila telah dipilih oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai Perdana Menteri dari tahun 2022, konsep Malaysia Madani telah digarap dengan iltizam yang lebih tinggi oleh Perdana Menteri bagi menjayakan gagasan dan wawasan beliau khususnya bagi mereformasikan sistem dan tata kelola jitu dalam pentadbiran negara. Kajian ini juga menilai bagaimana prinsip-prinsip seperti keadilan, integriti, dan kesetaraan diterjemahkan melalui dasar-dasar kerajaan Penekanan prinsip-prinsip Malaysia Madani turut diterapkan dalam reformasi institusi yang merangkumi perubahan dasar dan struktur organisasi bagi meningkatkan ketelusan, akauntabiliti, dan keberkesanan institusi. Penilaian terhadap kesan reformasi terhadap integriti sistem dan kepuasan rakyat juga turut dibincangkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat kemajuan dalam beberapa aspek, terdapat juga cabaran dalam pelaksanaan dan penyesuaian yang memerlukan perhatian lebih lanjut khususnya berkisar tentang kepercayaan, harapan dan ideologi masyarakat secara keseluruhan. Ia sangat penting kerana selain daripada kejayaan atau kegagalan sesuatu dasar itu, peranan dan pengaruh ideologi juga merupakan antara kekangan utama dalam menjayakan hasrat dan cita-cita tersebut. Kesimpulan kertas kerja ini memberikan cadangan praktikal untuk memperbaiki elemen-elemen penting khususnya yang berkaitan dengan tatakelola dan reformasi institusi, serta menyarankan langkah-langkah strategik yang boleh diambil untuk memastikan kejayaan inisiatif Malaysia Madani dalam konteks perubahan sistemik dan pengukuhan institusi negara.

**Kata kunci:** Malaysia Madani, reformasi, tatakelola dan sistem penyampaian

### **LATAR BELAKANG**

Malaysia Madani adalah sebuah visi dan dasar pegangan baru Kerajaan baru yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim (DSAI). Inisiatif ini bertujuan untuk membangunkan sebuah negara yang harmoni, makmur, dan berdaya saing. Konsep Malaysia Madani menggabungkan nilai-nilai tradisional dengan pendekatan moden untuk menciptakan masyarakat yang lebih baik. Malaysia Madani ini bukanlah sesuatu yang baru tetapi roh Malaysia Madani ini telah diperkenalkan oleh DSAI ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri sehinggalah dipecat pada tahun 1998.

Nilai Malaysia Madani ini menjadi pegangan dan panduan bagi pembangunan negara yang lebih adil serta inklusif. Diperkenalkan gagasan ini pada awal tahun 2023, Malaysia Madani hadir sebagai respons terhadap tentangan global yang semakin kompleks. Konsep ini menawarkan sebuah kerangka kerja yang komprehensif untuk mengatasi berbagai permasalahan yang dihadapi negara, mulai dari isu ekonomi hingga sosial budaya. Ia ditambah pula dengan isu kegawatan ekonomi, hutang negara semakin meningkat berserta dengan masalah dan polemik politik negara yang seolah-olah tiada penghujung dan rasionalnya.

Sayugia diingat era kegawatan politik negara bermula setelah pilihanraya umum (PRU) ke 14 pada 9 Mei 2018. Selepas kemenangan Pakatan Harapan dan berjaya menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional merupakan sesuatu yang julung kali berlaku dalam negara. Kemenangan tipis dan pegangan serta prinsip ahli politik yang tidak konsisten pada Ketika itu maka Kerajaan Pakatan Harapan dapat dijatuhkan apabila tidak cukup majoriti untuk memerintah. Bermulalah era kepimpinan 3 Perdana Menteri dalam satu penggal pilihanraya. Ketidak keserasian dan ketidak matangan berpolitik dapat dilihat dengan jelas pada ketika itu. Sehingga dalam PRU ke 15 sekali lagi negara berdepan dengan krisis kepimpinan dan pemilihan Perdana Menteri apabila tiada satu pun parti yang bertanding berserta gabungan mereka mendapat majoriti mudah untuk menubuh kerajaan.

Kemelut politik ini dapat diselesaikan dengan jitu dan berwibawa apabila cadangan dan titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (YDPA) XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berjaya memecahkan kebuntuan dan dapat memperolehi majoriti dan membentuk Kerajaan Perpaduan sebagaimana cadangan baginda. YDPA kemudiannya berkenan melantik Ahli Parlimen Tambun, DSAI sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada tanggal 24 November 2022 selaras dengan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan. Maka bermulalah cabaran DSAI untuk mengemudi negara mengikut acuan beliau berdasarkan teras konsep Malaysia Madani yang menjadi pegangannya untuk mengemudi negara berserta pelbagai cabaran yang mendatang.

### **KONSEP MALAYSIA MADANI**

Malaysia Madani bukan hanya sebagai slogan tetapi ianya lebih kepada sebuah komitmen untuk membangun bangsa yang berpegang teguh pada nilai-nilai luhur. Ironinya, **MADANI** berkisarkan istilah yang tercipta hasil daripada gabungan enam (6) rukun iaitu M (ke**M**ampanan), A (kesej**A**hteraan), D (**D**aya cipta), A (horm**A**t), N (keyaki**N**an) dan I (**I**hsan) (Anwar Ibrahim, 2023) yang diringkaskan seperti dalam Rajah 1 di bawah.



**Rajah 1: Enam Rukun Malaysia Madani**  
(Sumber: <https://malaysiamadani.gov.my>)

Seiringan dengan visi dan naratif MADANI ianya sebagai agenda membina masa depan yang madani buat Malaysia menjadi titik tolak usaha menjalankan kajian ini. Dalam hal ini, kerangka dasar Malaysia Madani wajar dinilai melalui penerimaan pengundi khususnya seperti di Kedah. Jadi, pola pengundi dapat memberi gambaran awal dari segi penerimaan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan Perpaduan melaksanakan dasar-dasar yang berorientasikan masa depan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum.

Hal ini demikian kerana pengundi yang terdiri daripada beberapa kumpulan masyarakat adalah penerima secara langsung kesan baik atau buruk dasar Malaysia Madani melalui pelbagai program dan rancangan termasuk pelbagai inisiatif yang disediakan seperti alam Rajah 2 di bawah.



**Rajah 2: Inisiatif-inisiatif Madani**  
(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia)

Berdasarkan perbincangan di atas, keupayaan Kerajaan Perpaduan melaksanakan dasar Malaysia Madani dijangka memberi kesan terhadap pola pengundian serta penerimaan khususnya rakyat di negeri Kedah. Justeru, persoalan kajian dapat dikemukakan untuk melihat sejauhmanakah tahap penerimaan rakyat dan pengundi di negeri Kedah terhadap dasar Malaysia Madani? Adakah sebagai sebuah negara yang ditadbir oleh pembangkang lebih cenderung kepada Kerajaan Negeri yang mereka pilih atau bersifat lebih rasional dalam membuat sesuatu penilaian dan keputusan tanpa memihak kepada ideologi semata-mata.

## **METODOLOGI KAJIAN**


Prosedur dan proses penyelidikan yang terlibat dalam kajian ini mengambil kira aspek-aspek seperti **pengumpulan maklumat** diperolehi melalui dua sumber utama iaitu:

- (i) **Sumber sekunder:** maklumat yang diperolehi melalui sumber seperti buku, akhbar, artikel jurnal, laporan penyelidikan, dokumen rasmi kerajaan dan sumber-sumber elektronik yang diperolehi melalui Internet.
- (ii) **Sumber primer:** maklumat yang diperolehi melalui kaedah seperti:
  - a. **Temubual:** Sesi temubual dijalankan melibatkan informan terpilih yang terdiri daripada individu yang terlibat secara langsung pelaksanaan dasar Malaysia Madani; penganalisis politik; ahli politik dan kepimpinan utama dalam Kerajaan Perpaduan.
  - b. **Tinjauan:** Tinjauan (*survey*) dijalankan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat secara langsung daripada pengundi mengikut struktur soalan yang dipecahkan mengikut bahagian tertentu bagi menjawab persoalan kajian dan seterusnya mencapai objektif kajian yang telah digariskan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Pemahaman tentang dasar Malaysia Madani ini penting kerana ia seterusnya menjadi titik tolak samada responden khususnya rakyat negeri Kedah yang dipilih secara rawak di kesemua 32 Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah dapat menerima atau menolak gagasan Malaysia Madani yang dibawa oleh DSAI.

Keperihal kefahaman responden tentang Dasar Malaysia Madani yang diukur menerusi lima belas (15) atribut. Daripada 1,146 responden yang terlibat dalam kajian ini, masing-masing 667 (59.1%) responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan atribut Kerajaan Perpaduan meletakkan Dasar Malaysia Madani sebagai kerangka penting untuk pembangunan negara seperti ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah.



### PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Justeru jelas bahawa Malaysia Madani merupakan satu gagasan yang dibawa oleh Kerajaan Perpaduan untuk memartabatkan negara secara keseluruhan namun pemahaman, kempen dan rasionalisasi perlu diperincikan agar sentimen seperti ideologi politik sempit dapat diketepikan dan memberikan tumpuan kepada usaha memulihkan ekonomi dan pembangunan negara.

Selain itu neutralisasi dalam perkhidmatan juga perlu diperkemas agar tidak ada sebarang sabotaj yang datang dari dalam. Ini penting kerana reputasi yang tidak baik membawa kepada keruntuhan dan kelemahan kerajaan. Siapa pun yang menjadi kerajaan melalui sistem demokrasi yang betul perlu disokong dan dihormati kerana kerajaan yang dipilih bukanlah Kerajaan yang dibentuk melalui 'pintu belakang' atau 'tebuk atap' iaitu istilah yang begitu sinonim dengan politik tanah air pada tahun 2020 – 2022. Kerajaan hari ini adalah kerajaan yang mendapat perkenan YDPA sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan Persekutuan. Sokongan ini perlu agar kekuatan kerajaan dapat dipertingkatkan supaya dapat menangani sebarang isu khususnya berkaitan dengan politik, ekonomi dan sosial.

Cabaran berkaitan pemikiran dan ideologi juga sangat penting. Janganlah disebabkan ideologi dan sokongan maka terkhilaf dan tidak dapat melihat kepada kebenaran dan perkara yang nyata. Sokongan tetap sokongan tetapi pemikiran perlulah berlandaskan kepada fakta dan bukti yang nyata untuk membuat sesuatu Keputusan.

Selain itu elemen reformasi institusi, integriti dan akauntabiliti perlu diberikan perhatian dan keutamaan bagi merealisasikan. Janganlah isu ini nanti menjadi asbab kegagalan kerajaan sebagaimana kerajaan sebelum-sebelum ini yang terpalit banyak isu dan elemen berkaitan dengan integriti dan rasuah. Budaya baru, cara kerja baru dan '*mindset*' baru perlu diterjemahkan bukan sekadar konsep semata-mata tetapi direalisasikan agar rakyat dan masyarakat melihat kesan dan impak atas tindakan tersebut.

Suara dan keluhan rakyat perlu didengar dan janganlah hanya mendokong dan memberikan perhatian hanya kepada golongan tertentu Sahaja. Ini penting kerana kekuatan kerajaan dan negara terletak kepada sokongan dan dokongan semua kelompok masyarakat. Jangan ada mana-mana kumpulan yang merasakan terpinggir dan teraniaya. Jangan juga hanya membantu satu golongan sahaja tetapi golongan yang membantu juga perlukan perhatian dan sokongan pihak kerajaan. Justeru perhatian menyeluruh perlu diketengahkan dan diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

Penubuhan Institut Patriotisme Negara juga sangat penting bagi mengembalikan dan mempercambahkan nilai jati diri, kekuatan dalaman, sedar akan kewujudan dan semangat cintakan negara. Institut ini juga boleh berperanan dalam banyak komponen dan ruang bagi melahirkan warganya yang mempunyai semangat jati diri yang tinggi.

Sesungguhnya berjaya atau gagal sesuatu konsep dan dasar itu banyak bergantung kepada rakyat keseluruhan. Mudah-mudahan kebaikan dan kerationalan dapat berpijak di bumi nyata dan akhirnya sama-sama menyumbang untuk pembangunan negara melalui cara setiap daripada kita.

#### **RUJUKAN**

- Anderson, J.E. 2000. *Public Policy Making* (4th ed.). New York: Houghton Mifflin.
- Anwar Ibrahim. 2022. *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Cohen, J.L & Arato, A. 1994. *Civil Society and Political Theory*. Cambridge: MIT Press.
- Creswell, J.W. 2008. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Dye, T.R. 2011. *Understanding Public Policy* (13th edition). New Jersey: Prentice Hall.
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2023. *Membangun Malaysia Madani*. Diakses dari <https://pmr.penerangan.gov.my/?tag=malaysia-madani>. (30 Mei 2023)



## **KURSUS PENGANTAR FALSAFAH DAN PEMBENTUKAN PEMIKIRAN MASYARAKAT MADANI**

\*Zarina Muhammad

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia*

Emel: \*zbm@upm.edu.my

### **ABSTRAK**

Pemikiran berdasarkan ilmu yang betul akan membuahkan hasil yang betul dan tepat. Bentuk pemikiran beginilah yang perlu ada dalam setiap individu dan ahli masyarakat madani khususnya dalam mendepani pelbagai isu masakini. Salah satu pemangkin kepada pembentukan pemikiran adalah bidang falsafah. Pada peringkat pendidikan tinggi, walaupun kursus falsafah dan Isu Semasa telah diangkat sebagai kursus umum yang wajib diambil oleh setiap mahasiswa Universiti Awam dan Swasta dalam 3 tahun kebelakang ini, namun kursus-kursus tulin falsafah tidak mendapat tempat dalam hampir semua kurikulum program peringkat ijazah. Sekiranya ada ianya lebih bersifat wajib bagi program tertentu seperti pendidikan dan juga elektif yang selalunya menjadi pilihan terakhir pelajar untuk diambil. Justeru itu menggunakan pendekatan analisis kandungan makalah ini akan menelusuri tanggapan dan hasil pembelajaran yang dapat dimanfaatkan oleh sekumpulan pelajar yang telah mengambil kursus pengantar falsafah sebagai kursus elektif dalam pengukuhan aspek pemikiran mereka.

**Kata kunci:** Pengantar falsafah, Ilmu, Pemikiran, Kursus elektif, Pelajar.

### **PENGENALAN**

Sejarah telah membuktikan bahawa perkembangan pemikiran mempunyai perkaitan rapat dengan jatuh bangunnya sesebuah peradaban. Dengan kata lain, cara berfikir sesebuah bangsa menjadi penentu kepada kejayaan bangsa tersebut membina dan mengukuhkan peradabannya malahan juga kejatuhannya. Justeru itu banyak sekali kita dapati penulisan para sarjana khususnya para sarjana Islam memperingatkan tentang krisis utama yang melanda masyarakat pada abad ke-20 dan 21 ini adalah krisis cara berfikir dan tingkat pemikiran mereka berkaitan makna dan faham penting kehidupan. Maka sistem pendidikan negara dan kurikulum yang digubal haruslah mampu menangani krisis ini agar tidak menjadi semakin parah. Pada peringkat pendidikan tinggi penawaran kursus falsafah adalah merupakan antara usaha yang wajar dilaksanakan.

Pada ketika ini kursus Falsafah dan Isu Semasa telah dijadikan kursus wajib universiti dan wajib lulus sebagai syarat bagi pelajar bergraduasi. Penawarannya sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu bagi membentuk pelajar yang seimbang secara menyeluruh dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani khususnya memiliki daya pemikiran yang tinggi. Kajian yang telah dilakukan oleh Kassim et. al (2023), menunjukkan pelaksanaan dan pencapaian pelajar dalam atribut Minda Ingin Tahu (KKM4), Komunikasi Sosial dan Tanggungjawab Sosial (KKM3C) serta Pembelajaran Berautonomi (KKM4) yang diterapkan dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa di Universiti Malaya menunjukkan bahawa pelajar

telah mencapai tahap yang telah ditetapkan bagi KKM4, iaitu lebih daripada 70 peratus pelajar didapati mencapai tahap yang ditetapkan. Di samping itu, atribut KKM3C juga berjaya dicapai. Satu penelitian yang telah dilakukan oleh Mohd Zhaffar et. al (2024), menggariskan beberapa faktor dalaman yang menjadi penghalang kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kursus falsafah yang mana antaranya adalah keterbatasan bahasa, kebolegunaan dalam konteks harian, kekeliruan terhadap pemikiran tokoh aliran falsafah, kelemahan daya berfikir dan kebolehan membumikan konsep abstrak. Justeru menurut peneliti langkah mengatasinya adalah melalui kerjasama pihak terlibat seperti pihak mahasiswa, pihak pengajar, penggubal silibus dan kurikulum, pihak penyedia kursus dan latihan kepada tenaga pengajar. Menurut peneliti lagi perancangan aktiviti dan kolaborasi pelbagai pihak diperlukan agar anak muda hari ini meminati subjek falsafah dan seterusnya membudayakan aktiviti berfikir.

Maka kajian tindakan menggunakan analisis dokumen ini dilaksanakan bagi menelusuri tanggapan pelajar kursus FEM3402 Pengantar Falsafah pada semester 1 2022/2023 yang mengambilnya sebagai kursus elektif dan menganalisis hasil pembelajaran yang dapat dimanfaatkan dalam pengukuhan aspek pemikiran mereka menerusi jurnal refleksi yang ditulis. Kursus FEM3402 Pengantar Falsafah merupakan kursus elektif yang baru ditawarkan buat kali kedua pada semester 1 2022/2023 oleh Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunana Fakulti Ekologi Manusia, UPM. Secara ringkas dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada pelajar yang mendaftar kursus ini mengambilnya atas kesedaran tentang kepentingan falsafah dan keperluan mengukuhkan pemikiran mereka terhadap kehidupan.

### **KAEDAH KAJIAN**

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan kaedah kajian tindakan (*action research*). Menurut Chow Fook Meng (2012), Tujuan kaedah penyelidikan kualitatif kajian tindakan adalah untuk mencari pemahaman terhadap amalan supaya pengkaji dapat membawa perubahan melalui pemahaman ini. Seramai 54 orang pelajar kursus FEM3402 Pengantar Falsafah pada semester 1 2022/2023 yang dipecahkan kepada 14 kumpulan kerja terlibat sebagai peserta kajian. Kajian menggunakan data sumber utama yang didapati dari dokumen hasil kerja jurnal khususnya tugas refleksi peserta kajian. Sehubungan dengan itu analisis kajian adalah berbentuk dokumen analisis.

### **PERBINCANGAN**


Hanya terdapat beberapa kursus falsafah yang ditawarkan di UPM selain daripada kursus wajib universiti SKP3112 Falsafah dan Isu Semasa yang mula ditawarkan di UPM pada semester pertama 2020/2021. Kursus-kursus tersebut adalah LHE3412 3 Etika dalam Islam (*for Muslim students*) /LHE3311 Falsafah Moral (*for Non-Muslim students*), FCE3204 Kemahiran Berfikir, CPE3800 Falsafah dan Etika Profesional Kaunseling, FSA3000 Falsafah Sains dan FEM3301 Etika dan Nilai dalam Pembangunan. Ditawarkan kepada program tertentu sahaja seperti Bachelo Pendidikan, Bachelo Kaunseling Dengan Kepujian, Bachelo dengan Pendidikan (Bachelo Sains Matematik dengan Pendidikan (Kepujian) dan Bachelo Pembangunan Manusia. Kursus FEM3402 Pengantar Falsafah mula ditawarkan sebagai kursus elektif pada semester pertama 2022/2023. Antara kandungan sinopsis kursus ini adalah kursus ini meringkaskan sejarah, pembangunan, konsep asas, fungsi falsafah, aliran pemikiran utama, tokoh penting dan idea mereka. Fokus utama melibatkan komponen penting falsafah dan hubungan dengan bidang pengetahuan lain.

Penelitian terhadap tanggapan pelajar kursus FEM3402 Pengantar Falsafah pada semester 1 2022/2023 yang mengambilnya sebagai kursus elektif menunjukkan aspek kandungan dan perbincangan kursus Pengantar Falsafah merupakan antara sebab utama kursus ini diambil. Selain itu aspek lain seperti pengambilannya disyorkan oleh penasihat akademik serta rakan senior, subjek mudah score dan tiada pilihan kursus lain selain kursus ini untuk lengkapkan kredit bagi bergraduasi adalah antara alasan lainnya.

Take my interest & wanna advance about meaning of philosophy
Ingin belajar lebih lanjut tentang falsafah.
Wanted to gain some knowledge regarding philosophy courses
because i want to learn more about philosophy
But, I am interested in learning more about philosophy.
I think it would be an interesting course to understand different views and perceptions.
I have interested in philosophy and want to know more about it
To gain knowledge
Because I am interested to know more about philosophy
interested on how philosophy can improve life
To know better about Philosophy
Change of pace
I like philosophical topics
Look interesting
Looks interesting
Interested
Interested in philosophy
I would like to indulge more in philosophy and enhanced my knowledge
I would like to gain more knowledge on the philosophy and i am interested to learn about the theoretical studies
Cause I think it is fun to learn out of my scope of bachelor
To know more about philosophy
Im trying to learn something new. And avoiding science subject actually
To increase my knowledge in philosophy.
1. saya ingin mempelajari ilmu baru. 2. saya ingin tahu, kesan falsafah kepada kehidupan saya
interested towards learning philosophy on a clearer manner
Because I'm kinda like philosophy subjects after learn from previous class.
Because it is interesting to learn other than subject of agriculture
To enhance my knowledge in other subject and courses other than Science subject.
interested in it
Interested
Informatif dan menarik
i feel empty. maybe having this class would change it haha
because i would like to learn on how to be a better person and a good example for others

Rajah 1: Aspek kandungan dan perbincangan kursus

Berdasarkan analisis terhadap jurnal hasil tugas refleksi terhadap manfaat kursus Pengantar Falsafah terhadap kehidupan pelajar yang mengambilnya menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar dapat memanfaatkan kursus ini mengukuhkan lagi aspek pemikiran mereka dan pandangan mereka terhadap ilmu, nilai dan kehidupan.



Rajah 2: Contoh refleksi pelajar yang mendapat manfaat daripada kursus Pengantar Falsafah

## KESIMPULAN

Aspek kandungan dan perbincangan kursus Pengantar Falsafah yang ditawarkan sebagai kursus elektif adalah merupakan tarikan utama pelajar berminat untuk mengambilnya. Hasil daripada analisis terhadap refleksi yang diberikan oleh setiap pelajar dapat dikategorikan kepada beberapa hasil iaitu refleksi umum tentang kemahiran berfikir yang diperoleh, kurang hargai dan tidak mengaitkan manfaat kursus dengan dengan kehidupan, menghargai falsafah khususnya dalam membuat keputusan dan sebahagian besar sedar tentang kepentingan falsafah, mendapat manfaat dan telah berjaya membuatkan mereka terlibat dalam proses berfikir. Justeru itu kajian merumuskan bahawa kursus-kursus falsafah masih relevan dalam arus pendidikan negara dan perlu ditawarkan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini adalah atas tajaan sendiri dan dijalankan sebagai inisiatif untuk memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran kursus Pengantar Falsafah.

## RUJUKAN

Meng, C. F., (2012). Kajian Tindakan: Ke Arah Paradigma Kualitatif. Asian Education Action Research Journal (AEARJ) ISSN 2289-3180 / Vol. 1 / 2012  
Institut Pendidikan Guru Malaysia, SCE3283: Fundamentals of Research in Science

Education: Action Research 2024 Publisher Institut Pendidikan Guru Malaysia

Kassim, F., Ramli, M.R., Mat Nor, N.A., Yong, Irene Seok-Ching & Abdul Azzis, M.S. (2023). Peranan Kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam “Menyempurnakan” Mahasiswa: Kajian di Universiti Malaya. *Asian People Journal*, 6(2), 35-46.

Mohd Zhaffar, N., Abu Bakar, N., Wan Abdullah, W.A.A., Mahadi, M.H. Isu Dan Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Falsafah. Conference: The e-Proceedings of the International Conference on Social Sciences, Informatics and Islamic Studies Oct 2023. [https://www.researchgate.net/publication/375457191\\_Isu\\_dan\\_Cabaran\\_Pengajaran\\_dan\\_Pembelajaran\\_Falsafah](https://www.researchgate.net/publication/375457191_Isu_dan_Cabaran_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Falsafah)

## **MALAYSIA MADANI: NAVIGATING THE CHALLENGES IN APPLYING THE CONCEPT OF HUMAN DIGNITY IN THE PRACTICES OF THE MALAY EXPRESSIONS**

\*Syazwani Mohd Nasir<sup>1</sup>, Mohd Azizuddin Mohd Sani<sup>1</sup>, Zatul Himmah Adnan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*School of International Studies (SoIS), Universiti Utara Malaysia*

<sup>2</sup>*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia*

Emel: \*Syazwani.nasir2000@gmail.com, azizuddin@uum.edu.my, zatul@upm.edu.my

### **ABSTRACT**

One of the key aspects of the concept of Malaysia Madani is the focus on 'Karamah Insaniah', or human dignity. This concept, rooted in theology, has been interpreted within the framework of human rights, emphasizing that everyone deserves equal rights and respect. For the Malay Muslim society in Malaysia, human dignity is a core value, transcending individual concerns to become a societal responsibility. One of the ways that the Malay society try to protect the values of human dignity is through its refined culture of communication and expression. However, the Malay society today is facing issues of a deficit in values and civility, leading to character assassination due to the adoption of foreign norms and culture under the name of 'free expression.' The expression of Malays today, especially in political discourse, often ignores the traditional Malay culture of expression, which stresses 'Budi Bahasa', 'Budi Pekerti', and 'Akal Budi' that all aimed at fostering 'Budi' or kindness in speech and expression. Instead, the lack of embracing these values has led to character destruction among Malays, resulting in a surge of inflammatory remarks, hate speech, extreme rhetoric, religious bigotry, and more. Due to the rising instances of these unethical practices, this paper argues that the concept of Karamah Insaniah, as emphasized in the Malaysia Madani initiative by the unity government, has not been fully explored in the context of Malay cultural expression, which shares similar values. Therefore, through document analysis, this paper aims to examine the concept of human dignity within Malay expression to understand the manifestation of Karamah Insaniah in the Malaysia's context especially within the Malay-Muslim society. It is important to study the Malay concept of human dignity rather than the broader notion of human rights, as popularised by Western community. This paper is expected to provide a comparison between the concept of human dignity as articulated in the Malaysia Madani initiative with the traditional Malay understanding of human dignity in terms of expression.

**Keywords:** Free Expression, Malay Expression, Malay Culture and Tradition, Human Dignity, Malaysia Madani

### **INTRODUCTION**

The concept of freedom of expression is often discussed in the context of human rights. Human rights doctrine upholds the rights of individuals to express their opinions within the confines of the law. Malaysia has consistently affirmed its commitment to guaranteeing the right to free speech and expression, assembly, and association under Article 10 of the Federal Constitution of Malaysia. However, the parliament may impose limitations on national security and social harmony. Furthermore, with the advent of the Internet and social media

platforms, freedom of expression has become increasingly important for people. However, the unregulated nature of the online platform, combined with the difficulty of enforcing existing laws, has made it challenging for both the government and internet users to align on this issue. Because of that, the country is now grappling with another problem stemming from the boundless internet and unfettered information: the rise of inflammatory rhetoric, including hate speech, extreme remarks, religious intolerance, and more.

Of particular concern is the emergence of problematic expressions within the Malay Muslim society, especially in political discourse that disregards moral values and principles. This cultural tradition, deeply rooted in the concept of human dignity within Islamic teachings, emphasises the importance of language and expression as integral components of the moral framework. This aspiration aligns with the *Malaysia Madani* agenda, proposed by the unity government under Prime Minister Anwar Ibrahim, which emphasises the protection of human dignity, known as *Karamah Insaniah*. The government is dedicated to upholding human dignity through policy and system reforms, prioritising humanistic values in economics, legislation, and education. However, the government has yet to fully define the concept of human dignity within the context of Malay cultural expression, which shares similar values. This study argues that addressing moral expression solely through the lens of human rights is insufficient and that it is crucial to consider it from the perspective of human dignity, especially within Malay-Muslim society in Malaysia. Therefore, this study delves into the concept of human dignity in Malay cultural expressions to enable the government to advance and implement the *Malaysia Madani* agenda effectively.

## **METHODS**

The study adopted a qualitative approach through secondary data. The study utilised a range of data, such as reviewed literature, including books, journal articles, and other forms of databases available online. The study explores historical perspectives by analysing Malay historical texts, such as *Hikayat Hang Tuah* and *Sulalat al-Salatin*, to illustrate the traditional culture of Malay communication and expression. For the data analysis, this study utilised document analysis. Like other qualitative research documents, analysis requires examining and interpreting data to elicit meaning, gain understanding, and develop empirical knowledge (Bowen, 2009). This study focuses on the linguistic aspect and style of Malay literature and analyses it through the lens of human dignity and Malay cultural expression.

## **FINDINGS AND DISCUSSION**

In Malay society, human dignity is one of the pinnacle values of its culture and tradition. The Malay uphold human dignity before human rights, shaped by Islam. In Islam, human dignity is essential to human rights as it is synonymous with protecting an individual's dignity (Abdul Aziz, 1979, as cited in Donnelly, 1982). The Qur'an also clearly affirms human dignity (*karamah*) when it declares in surah Al-Isra verse 70, '*We have bestowed dignity on the children of Adam (laqad karramna bani Adama) [...] and conferred upon them special favours above the greater part of Our creation*'. Accordingly, Muslims are expected to treat their fellow men with respect and dignity because it is a divine command that must be fulfilled as a "duty" rather than a "right."

Furthermore, the protection of human dignity is embedded in every aspect of Malay culture's ethical and moral system, one of which is in the element of language and expression. According to Noriati A. Rashid (2005), the Malay culture's polite communication and

expression practices are linked with the framework of Islamic values. The Islamic ethics and moral system has long marked the Malay way of expression and communication strategy. According to Awang Sariyan (2015), this strong emphasis on polite and courteous culture in the Malay expression is due to the duty of every Muslim through the concept of '*Amar makruf nahi mungkar*' or enjoining good and preventing evil is a comprehensive command for every Muslim.

Politeness of language and expression can be defined as the use of language based on a set of rules and conduct that follows the rules of language, such as linguistic rules, sociolinguistics and pragmatics or implicature (Asmah Hj. Omar, 2002). In Malay society, politeness and the use of language are intertwined concepts and have become one of the core essentials in their traditional cultural teaching and values. The Malay would measure politeness based on how one communicates and expresses themselves. It shows that even though the communication aspect is not directly related to politeness, a person's conduct and way of expression have become a measurement of one good characteristic and behaviour as politeness of language is essential and a medium in shaping good personality and moral values (Norazlina Mohd. Kiram & Raja Masittah, 2012; Rohaidah Mahshudi et al., 2013). Asmah Haji Omar (2000) suggested that in the Malay culture, it has introduced the term '*air muka*' or personal honour. The term '*air muka*' carries a more profound and subtle meaning into it that covers not only expression but entire moral conduct, including behaviour and action not only in public but also in private, and not only cover on individuals only but a whole society needs to be aware and self-caution about it (Asmah Haji Omar, 2000; Norazlina Hj Mohd Kiram & Raja Masittah Raja Ariffin, 2012; Norshariza Mohamed Faizal et al., 2020).

In the *Hakayat Hang Tuah*, Hang Tuah demonstrated the use of indirect speech and implicature when he was sent to Siam by the King of Malacca to purchase an elephant, and he encountered issues of cultural and religious conflict (Kassim Ahmad, 1997). King Phra Cau, the King of Siam at the time, instructed Hang Tuah to meet him alone and not with the entourage from Malacca. He also instructed Hang Tuah to crawl and bow while approaching him. However, the cultural and religious differences between Hang Tuah and the king of Siam were resolved when Hang Tuah used a clever, elusive response yet subtle technique without offending the king. With his wisdom, Hang Tuah explained that it was customary and usual for Malays to live in groups with a leader to guide them and explained that his health prevented him from crawling to meet the Siamese king. Thus, in Malay culture, the implicature strategy in communication has become a customary practice for delivering messages that might not be favourable to the listener but remain polite.

Furthermore, demonstrating or initiating the emotion of '*malu*' (shyness or shame) in expressing is an ethical and morally upright trait within the Malay worldview (Zarina Muhammad et al., 2019). The emotion of shyness or shame in Malay society serves as a form of self-control, keeping people from engaging in undesirable behaviour, as shyness is considered a sign of morality, moral ideals, and high self-esteem. Moreover, shyness is a personality trait and mindset highly valued in Malay society. It is believed that being shy helps safeguard the group's honour and unity. When a Malay individual loses their feeling of shame, the surrounding community will respond with a cynical attitude. During social interactions, Malays are strictly forbidden from engaging in any form of insulting or demeaning that may embarrass others. Additionally, the Malays' heightened deep sense of shame leads them to prefer discussing and reaching a collective decision before making any statements to prevent



social disruptions caused by unrefined expression. In short, learning to be shy is the first step towards maturity, as the phrase “*dia tak tahu malu,*” or he has no shame is the harshest judgment for Malays and is a powerful motivator for them to behave respectfully and with good manners.

*Sulalat Al-Salatin*, also known as *Taj Us Salatin* by Bukhari Jauhari, showcased a distinctive art of rejection by Puteri Gunung Ledang regarding Sultan Mansur Syah’s marriage proposal (Zainal Abidin Borhan, 2017). Puteri Gunung Ledang sent out her representative to deliver the message instead of herself to ensure that her rejection does not affect Sultan Mansur Syah’s feelings and does not get embarrassed. Secondly, Puteri Gunung Ledang’s method of rejection involved asking for something nearly impossible for anyone to fulfil, even a king and used softened language to negatively reject Sultan Mansur Shah (Norshariza Mohamed Faizal et al. (2020). Thus, displaying shyness and protecting others from feeling embarrassed or shameful is a form of courtesy and should be observed in Malay society as a form of upholding respect and honouring each other dignity.

## CONCLUSION

This study emphasises balancing free expression with ethical standards and human dignity. The Malay concept of human dignity in expression can help mitigate inflammatory remarks within Malay society as it upholds the values of dignity that everyone honours and wants to protect. Thus, the study highlights the importance of interpreting Malay cultural teachings on expression, as seen in the stories of Hikayat Hang Tuah and Puteri Gunung Ledang. It advocates for humble and kind speech as an alternative to violence and abuse, guiding Malay society in navigating differences and resolving conflicts.

## REFERENCES

- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan Dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia Dan Santun Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2015). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Bowen, G. A. (2009). Document Analysis as A Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. DOI 10.3316/QRJ0902027
- Donnelly, J. (1982). Human Rights and Human Dignity: An Analytic Critique of Non- Western Conceptions of Human Rights. *American Political Science Review*, 76(2), 303–316. <https://www.jstor.org/stable/1961111>
- Kassim Ahmad. (1997). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan.
- Kesantunan Berbahasa Orang Melayu Menerusi Gaya Pengurusan Air Muka dalam Saga: Aplikasi Teori Ting-Toomey. *Jurnal Bahasa*, 12(2), 284-300. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8186>
- Noriati A. Rashid. (2005). Nilai Kesantunan Dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15(1), 232-253. <http://eprints.um.edu.my/id/eprint/11201>
- Norshariza Mohamed Faizal, Siti Saniah Abu Bakar & Hasrina Baharum. (2020). Seni Penolakan Melayu Antara Pemimpin Berdasarkan Teks Sulalat Al-Salatin. *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 33-43. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.3.2020>

- Rohaidah Mahshudi, Abdul Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz, & Hasnah Mohamad. (2013). Faktor Kesopanan Dan Strategi Komunikasi Dalam Genre Perbincangan di Televisyen. *Gema Online Journal of Language Studies*, 13 (3), 163-178. <http://ejournal.ukm.my/gema>
- Zainal Abidin Borhan. (2017). *Karangan Asal Tun Sri Lanang. Sulalat Al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zarina Muhammad, Akmaliza Abdullah & Ratna Roshida Ab Razak. (2019). Sifat Malu Dalam Kerangka Akhlak Melayu. *Jurnal Hadhari*, 11(2), 231-244.

## **MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs) MENERUSI PENGETAHUAN TRADISI MASYARAKAT PERIBUMI SABAH**

\*Normala Othman, Sri Rahayu Ismail, Adlina Ab. Halim  
*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia*  
Emel: \*normala\_o@upm.edu.my

### **ABSTRAK**

Terdapat 17 matlamat yang telah digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan kertas kerja ini akan membincangkan aspek yang berkaitan dengan SDG 2: Kelaparan Sifar (Zero Hunger), SDG 6: Kebersihan Air dan Sanitasi (Clean Water and Sanitation), SDG 8: Pekerjaan Baik dan Kemajuan Ekonomi (Decent Work and Economic Growth), SDG 14: Kehidupan di dalam Air (Life Below Water) dan SDG 15: Kehidupan di atas Darat (Life on Land). Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk meneroka pengetahuan tradisi masyarakat peribumi Sabah yang seiring dengan matlamat Matlamat Pembangunan Mampan tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang dijalankan di Kota Belud, Sabah. Temu bual separa berstruktur dan perbincangan kumpulan fokus telah digunakan untuk mengumpul data primer dengan enam informan (n=6). Data tersebut kemudiannya dianalisis secara tematik dengan bantuan Nvivo 8. Dapatan kajian ini mendapati bahawa pengetahuan tradisi masyarakat peribumi dalam aspek pertanian dan perikanan khususnya dilihat mampu membekalkan sumber makanan asas serta aktiviti ekonomi kepada penduduknya. Menerusi amalan tradisi juga, alam sekitar berjaya diuruskan dengan berhemah dalam pelbagai aktiviti termasuklah pertanian, perburuan, perikanan dan perubatan tradisi agar kemusnahan dapat dielakkan. Akhir sekali sebagai kesimpulan, kertas kerja ini ingin mengemukakan cadangan untuk pengurusan komprehensif pengetahuan masyarakat peribumi yang menyokong amalan mampan.

**Kata kunci:** Matlamat Pembangunan Mampan, pengetahuan tradisi, pertanian, perikanan, peribumi Sabah

### **PENGENALAN**

Sejajar dengan konsep Malaysia Madani, antara Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) adalah bagi menamatkan kemiskinan dan memastikan kesejahteraan seluruh anggota masyarakat. Kemampanan (sustainable) menurut PBB, dalam konteks SDGs, adalah keupayaan untuk memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk meneroka pengetahuan tradisi masyarakat peribumi Sabah yang seiring dengan matlamat Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Terdapat 17 matlamat yang telah digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan kertas kerja ini akan membincangkan aspek yang berkaitan dengan:

SDG 2: Kelaparan Sifar (Zero Hunger)

SDG 6: Kebersihan Air dan Sanitasi (Clean Water and Sanitation)

SDG 8: Pekerjaan Baik dan Kemajuan Ekonomi (Decent Work and Economic Growth)

SDG 15: Kehidupan di atas Darat (Life on Land)

Pengetahuan tradisi merupakan satu pengetahuan yang menyeluruh dari semua aspek kehidupan, sosial, alam sekitar, persekitaran fizikal, dan sistem kepercayaan (Khairul Hisyam & Ibrahim, 2007). Pengetahuan tradisi ini terbina hasil adaptasi masyarakat dengan alam sekitar hasil dari pengalaman diperoleh selama berabad dan disesuaikan dengan budaya dan persekitaran tempatan, disampaikan secara lisan dari satu generasi ke generasi. Pengetahuan tradisi selalunya dimiliki secara kolektif dan juga bersifat praktikal.

## **METODOLOGI**

Tinjauan kajian lepas serta temu bual separa berstruktur dan perbincangan kumpulan fokus (FGD) dengan enam informan (n=6), telah digunakan untuk mengumpul data bagi kajian ini. Data daripada perbincangan kumpulan berfokus tersebut kemudiannya dianalisis secara tematik dengan bantuan Nvivo 8.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini mendapati aktiviti perikanan tradisi masyarakat peribumi Sabah tertumpu kepada amalan yang dikenali sebagai sistem tagal atau bombon dan berkait dengan SDG 15: Kehidupan di atas Darat (*Life on Land*). Kejayaan sistem tagal ini amat bergantung kepada persepakatan seluruh anggota masyarakat kawasan yang terlibat dalam mematuhi peraturan yang ditetapkan. Menerusi sistem tagal, masyarakat setempat mempraktikkan peraturan menangkap ikan hanya pada kawasan tertentu dan pada musim tertentu. Amalan ini adalah bagi memastikan sumber ikan tidak pupus. Terdapat beberapa peraturan yang perlu dipatuhi termasuklah pembahagian zon, peralatan yang boleh digunakan dan kebersihan persekitaran kawasan sungai yang ditagal. SDG 6: Kebersihan Air dan Sanitasi (*Clean Water and Sanitation*). Sistem tagal diakui mampu membekalkan sumber ikan kepada penduduk, mengelakkan daripada kepupusan spesies ikan, memastikan kawasan persekitaran sungai terpelihara serta turut menjana pendapatan bagi komuniti menerusi tarikan eko pelancongan [SDG 2: Kelaparan Sifar (*Zero Hunger*), SDG 8: Pekerjaan Baik dan Kemajuan Ekonomi (*Decent Work and Economic Growth*)].

Aktiviti pertanian tradisi pula adalah berkait dengan SDG 2: Kelaparan Sifar (*Zero Hunger*) dan SDG 8: Pekerjaan Baik dan Kemajuan Ekonomi (*Decent Work and Economic Growth*). Secara tradisinya, amalan pertanian masyarakat peribumi Sabah dilakukan pada skala yang kecil dan menggunakan peralatan tradisional. Mereka turut mengamalkan kitaran tanaman dan tanaman pindah bagi memastikan kawasan pertanian dapat dikembalikan kesuburannya. Sesetengah masyarakat peribumi yang mengamalkan pertanian di kawasan bukit seperti padi bukit akan turut menanam tanaman menjalar bagi mengelakkan daripada berlakunya hakisan tanah. Masyarakat peribumi juga menggunakan bahan-bahan semulajadi yang mesra alam dalam pengawalan perosak tanaman mereka.

Perburuan merupakan satu kemahiran yang dimiliki oleh sebahagian besar masyarakat peribumi. Tujuan utama perburuan adalah sebagai sumber bekalan makanan SDG 2: Kelaparan Sifar (*Zero Hunger*) dan hasil buruan akan dikongsi bersama seluruh komuniti. Masyarakat peribumi juga turut berpegang kepada pantang larang semasa memburu seperti memastikan binatang buruan adalah matang dan tidak memburu secara berlebihan, Namun kini masyarakat peribumi akur pada Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 yang melarang memburu binatang dilindungi di bawah akta tersebut.

## **RUMUSAN DAN CADANGAN**

Dapatan kajian ini mendapati bahawa pengetahuan tradisi masyarakat peribumi dalam aspek pertanian dan perikanan khususnya dilihat mampu membekalkan sumber makanan asas serta aktiviti ekonomi kepada penduduknya. Menerusi amalan tradisi juga, alam sekitar berjaya diuruskan dengan berhemah dalam pelbagai aktiviti termasuklah pertanian, perburuan, perikanan dan perubatan tradisi agar kemusnahan dapat dielakkan. Pengetahuan tradisi masyarakat peribumi terbukti memberikan manfaat bukan sahaja kepada masyarakat malahan kepada alam sekitar. Persepsi dan sikap skeptikal masyarakat terhadap pengetahuan tradisi masyarakat keseluruhannya perlu berubah. Usaha secara kolektif antara masyarakat dan agensi kerajaan serta swasta juga perlu digiatkan bagi memastikan pengetahuan tradisi masyarakat peribumi ini terus dipelihara dan diintegrasikan demi mencapai matlamat Pembangunan Mampan.

## **PENGHARGAAN**

Pihak kami merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menerusi dana penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme 05-01-16-1769FR serta masyarakat peribumi Sabah di daerah Kota Belud yang banyak membantu menjayakan kajian lapangan projek penyelidikan ini.

## **SENARAI RUJUKAN**

- Abdullahi, J., Usman, I., Samaila, G., & Zuni, A. (2013). Importance of Indigenous Knowledge in Biodiversity Conservation: A Case Study of Communities Surrounding, 5(6), 10–17.
- Bernama. "Sungai Kiulu jadi sumber ekonomi penduduk setempat". 6 Jun 2019.
- Charnley, S., Fischer, A. P., & Jones, E. T. (2007). Integrating traditional and local ecological knowledge into forest biodiversity conservation in the Pacific Northwest. *Forest Ecology and Management*, 246(1 SPEC. ISS.), 14–28. <https://doi.org/10.1016/j.foreco.2007.03.047>
- Covin, T. J., & Stivers, B. (1997). Knowledge management focus in US and Canadian firms. *Creativity and Innovation Management*, 63, 140–150.
- Daily Express. "Proper centre for tagal operators opens in Ranau". 25 Oktober 2019.
- Daily Express. "Traditional knowledge handy during climate change". 21 Disember 2019.
- Harian Ekspres. "Pusat Maklumat Tagal kini tersedia kepada pengendali". 24 Oktober 2019.
- Hasan, A. A. T., & Chaudhuri, S. K. (2018). Documentation of Indigenous Knowledge of Pest Control for Paddy Cultivation in Murshidabad of West Bengal. *International Journal of Agriculture, Environment and Biotechnology*, 11(2), 403–408.
- Jurry Foo@ Jurry bt. F. Michael, (2011) Sistem tagal dalam industri pelancongan: manfaat kepada komuniti (Tagal tourism, environmental management and the community). *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 7 (1). pp. 14-25. ISSN 2180-2491.
- Khairul Hisyam, K., & Ibrahim, N. (2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Johor: Penerbit Teknologi Malaysia.
- Lwoga, E. T., Ngulube, P., & Stilwell, C. (2011). Challenges of Managing Indigenous Knowledge with other Knowledge Systems for Agricultural Growth in sub-Saharan Africa. *Libri*, 61, 226–238.
- Maroyi, A. (2012). Enhancing food security through cultivation of traditional crops in Nhema communal area, Midlands Province, Zimbabwe. *Afr. J. Agric. Res.*, 7, 5412–5420.
- Norfolk, O., Eichorn, M. P., & Gilbert, F. (2013). Traditional agricultural gardens conserve wild plants and functional richness in arid South Sinai. *Basic and Applied Ecology*, 659–669.
- Ocholla, G. O., Mireri, P. C., & Muoria, P. K. (2016). Application of Indigenous Knowledge

- Systems in Wildlife Management: A Case Study of the Samburu Pastoral Community in Kenya, 6(1), 72–80.
- Phungpracha & Kansungtisukmongkon (2016). *Kasetsart Journal of Social Science*. 37 (2016) 82-86.
- Rasul, G., & Thapa, G. P. (2003). Sustainability Analysis of Ecological and Conventional Agricultural Systems in Bangladesh. *World Development*, 31(10), 1721–1741.
- Reo, N. J., & Whyte, K. P. (2012). Hunting and Morality as Elements of Traditional Ecological Knowledge. *Human Ecology*, 40(1), 15–27.
- Saidatul Nornis Haji Mahali. (1999). *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Aidah Lokin. (2007). *Perubahan sosio-ekonomi dan pentadbiran masyarakat peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Somnasang, P., Moreno, G., & Chusil, K. (1998). Indigenous knowledge of wild food hunting and gathering in north-east Thailand. *Food and Nutrition Bulletin*, 19(14), 359–365.
- Tongkul, F. (2002). *Traditional Systems of Indigenous Peoples of Sabah, Malaysia*. Kota Kinabalu: PACOS Trust.
- Wong, J. Z., Etoh, S., & Sujang, A. B. (2009). *Towards sustainable community-based fishery resources management: the Tagal system of Sabah, Malaysia*.

## **MEMBANGUN KERJASAMA POLITIK MELALUI KONSEP MALAYSIA MADANI**

\*Nur Ayuni Mohd Isa

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan (JPKK), Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia (UPM)*

E-mel: \*nurayuni@upm.edu.my

### **ABSTRAK**

Kerjasama politik antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH) dalam konteks Kerajaan Perpaduan di Malaysia adalah satu usaha yang signifikan untuk menstabilkan lanskap politik negara. Dalam menghadapi pelbagai cabaran, kerjasama ini bertujuan untuk memperkukuh perpaduan dan mempromosikan kestabilan politik demi kesejahteraan rakyat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis dokumen, ulasan literatur berkaitan kerjasama politik di Malaysia. Kerjasama antara BN dan PH muncul selepas Pilihan Raya Umum ke-15, di mana kedua-dua parti gabungan ini menyedari keperluan bekerjasama untuk menjadi kerajaan pemerintah. BN, yang terdiri daripada UMNO, MCA, MIC, dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS), dan PH, yang terdiri daripada PKR, DAP, dan Amanah, serta GPS dan GRS telah menggariskan komitmen untuk bekerjasama dalam memperkukuh Kerajaan Perpaduan. Kerjasama ini dibentuk untuk memastikan kestabilan politik dan kemakmuran negara. Dapatan kajian menunjukkan dalam konteks kerjasama politik ini, prinsip-prinsip yang diterapkan dalam Malaysia Madani seperti nilai-nilai kemanusiaan, keadilan, dan keterangkuman menjadi panduan untuk membina hubungan yang lebih baik antara BN dan PH. Malaysia Madani menekankan bahawa perpaduan adalah asas kepada kestabilan dan kemakmuran, yang selaras dengan matlamat kerjasama antara kedua-dua gabungan politik ini. Walaupun terdapat kesediaan untuk bekerjasama, terdapat cabaran yang perlu dihadapi. Salah satu cabaran utama adalah untuk memastikan akar umbi setiap parti memahami visi dan strategi yang ingin dibawa oleh BN dan PH. Ini penting untuk mengelakkan keresahan dan ketidakpuasan dalam kalangan penyokong masing-masing. Dengan mengamalkan prinsip Malaysia Madani, gabungan-gabungan ini dapat memperkukuh perpaduan dan mencapai matlamat bersama demi kesejahteraan rakyat. Walaupun terdapat cabaran, dengan komitmen dan kerjasama yang berterusan, Malaysia dapat mencapai kemajuan yang lebih baik dalam konteks politik dan sosial.

**Kata Kunci:** kerjasama politik, Malaysia, MADANI

### **PENGENALAN**

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, penubuhan parti-parti politik merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan sebagai perantaraan bagi pihak pemerintah dengan rakyat. Menurut Muller dan Strom (2000) kerjasama politik berlaku kerana tiada satu parti pun mampu mendapatkan majoriti kerusi bagi membentuk Kerajaan

pemerintah secara bersendirian. Lijphart (1977), pula menyatakan bahawa parti politik merupakan sebuah organisasi tetap yang bermatlamat untuk menguasai kuasa dan kabinet secara berterusan yang mana kuasa boleh diperolehi melalui kerjasama politik, dan perlu dikongsi dengan parti-parti lain bagi merealisasikan kestabilan politik. Kerjasama dalam Kerajaan Perpaduan melibatkan pelbagai parti politik yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Kerjasama ini terbentuk hasil daripada pertimbangan mendalam oleh kedua-dua pihak mengenai kepentingan bersama untuk memperkukuh kestabilan politik Malaysia. BN, yang terdiri daripada UMNO, MCA, MIC, dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Bersama dengan PH yang merangkumi PKR, DAP, dan Amanah, serta GPS dan GRS telah menyusun satu platform kerjasama yang mengutamakan perpaduan dan kestabilan.

### **KAEDAH**

Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif. Dalam kajian ini organisasi yang dikaji merujuk kepada parti politik dan peristiwa atau kes yang dikaji pula diwakili oleh Tindakan kerjasama politik yang pernah dijalankan. Kajian ini adalah kajian *ex post facto* study yang mana kajian ini dilakukan selepas berlaku sesuatu kejadian dan peristiwa. Teknik pengumpulan data melalui dokumen di mana dokumen seperti ucapan presiden dan hasil penerbitan yang menjadi sumber maklumat penting dalam kajian ini. Data diambil daripada teks ucapan pemimpin dari temuramah yang diterbitkan dalam akhbar. Data adalah dalam bentuk ayat, perkataan, penceritaan yang berkisar kepada matlamat, dasar, hala tuju, keputusan dan tindakan yang dibuat. Data ini dapat menjelaskan tentang hal-hal yang berkaitan dengan artikel ini. Data yang berasaskan teks ini diuruskan secara sistematik. Kod tertentu digunakan sebagai satu cara menyusun atur teks untuk dibuat interpretasi.

### **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Dalam usaha untuk membangun kerjasama politik yang efektif, konsep Malaysia Madani memberikan panduan yang sangat berharga. Konsep ini menekankan nilai-nilai kemanusiaan, keadilan, dan keterangkuman sebagai asas untuk mewujudkan perpaduan dan kestabilan dalam masyarakat Malaysia. Dalam konteks kerjasama antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH), penerapan prinsip Malaysia Madani berfungsi sebagai landasan untuk membina hubungan yang lebih kukuh dan harmonis. Kemanusiaan merujuk kepada penghargaan terhadap martabat dan hak asasi setiap individu. Dalam kerjasama politik, prinsip ini menuntut bahawa kedua-dua gabungan politik dalam Kerajaan BN dan PH harus memastikan bahawa semua tindakan dan keputusan mereka memperhatikan kepentingan dan hak rakyat.

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Walaupun pembentukan kerjasama politik dalam kerajaan campuran ini terdiri daripada pelbagai latar belakang parti dan perbezaan dasar dan ideologi parti, namun gadingan kerjasama ini agak menarik dari segi komposisi etnik, dan pengalaman pemimpin dari BN yang pernah memegang tampuk pemerintahan dalam tempoh yang sangat lama. Namun Konsep Malaysia Madani mampu memberikan asas yang kukuh untuk membangun



kerjasama politik yang berjaya antara BN dan PH. Dengan menerapkan prinsip kemanusiaan, keadilan, dan keterangkuman, kedua-dua gabungan politik ini dapat memperkukuh perpaduan dan memastikan kestabilan politik Malaysia. Walaupun terdapat cabaran, dengan komitmen yang berterusan untuk menerapkan prinsip-prinsip ini, Malaysia berpotensi untuk mencapai kemakmuran yang lebih besar dan kesejahteraan rakyat yang lebih baik. Kajian masa depan boleh meneroka implikasi politik dan sosial daripada kerjasama politik dalam Kerajaan Perpaduan melalui perbandingan gabungan ini dengan gabungan parti politik lain di luar negara. Keunikan kerjasama politik dalam Kerajaan Perpaduan yang berlaku selepas pilihanraya boleh dikaji dengan lebih mendalam.

## RUJUKAN

- De Swaan, A. (1973). *Coalition theories and cabinet formations: A study of formal theories of coalition formation applied to nine European parliaments after 1918 (Vol. 4)*. Jossey-Bass.
- Lijphart, A. (1977). *Democracy in plural societies: A comparative exploration*. Yale University Press.
- Muller, W. C., & Strom, K. (2000). Coalition governance in Western Europe: An introduction. *Coalition Governments in Western Europe*, 1(1).
- Nur Ayuni Mohd Isa (2019). *Tahaluf Siyasi Parti Islam Se-Malaysia dalam Politik Malaysia dari Tahun 1973-2015*. (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Rizal, Y., & Jumaat, A. M. (2002). Politik Etnik dan Perkembangan Politik Baru. In: Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad (eds) *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabri, M. N. (2016). *Persaingan politik Melayu di Semenanjung Malaysia, 1978-2013* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

## MERUNGKAI ALIRAN FALSAFAH AIR DARI PERSPEKTIF PERADABAN SILAM SELURUH DUNIA

\*Ummi Zainab Mohd Ghazali, Muhammad Azizan Sabjan  
*Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang*  
Emel: \*ummighazali@gmail.com, mazizan@usm.my

### ABSTRAK

Kertas penyelidikan ini meneroka falsafah air dari pelbagai sudut dalam tamadun purba di seluruh dunia, bertujuan menyelami kerencaman budaya dalam mengamati dan menyantuni sumber asas yang penting ini. Dari Mesopotamia dan Mesir sehingga ke Yunani, membawa ke Lembah Indus dan Cina kuno, air adalah aspek tunjang dalam membentuk akar landskap falsafah dan ranting budaya masyarakat awal. Menggunakan metodologi penyelidikan perpustakaan secara am dan analisis kandungan secara khusus, kajian ini meneliti teks-teks sejarah, kitab-kitab agama, dan risalah falsafah untuk menjelajahi perspektif unik setiap tamadun mengenai kurniaan air. Di Mesopotamia, air dilihat sebagai pengurnia kehidupan yang menjalar ke dalam penciptaan mitos dan kegiatan pertanian mereka. Orang Mesir kuno menghormati Sungai Nil sebagai sumber penerus kehidupan, juga sebagai simbol kesuburan dan kebangkitan. Di India, sungai-sungai suci seperti Gangga adalah umpama tiang seri dalam amalan kerohanian dan penyucian. Falsafah Cina, terutamanya Taoisme, menekankan kelenturan dan kebolehsuaian air, serta peranannya dalam mencapai keseimbangan dan keharmonian dengan alam sekeliling. Tamadun Yunani memartabatkan status air dalam anyaman mitologi dan falsafah dengan mengaitkannya dengan dewa-dewi dan kosmologi semesta, di samping turut cemerlang dalam kejuruteraan praktikal dan kegunaan utilitarian air. Kertas kerja ini membuka jalan pengiktirafan sejagat terhadap kepentingan air dalam pelbagai tafsiran falsafah yang pernah wujud, menunjukkan bagaimana tamadun silam mengintegrasikan air ke dalam kosmologi, amalan harian, dan kemajuan teknologi mereka. Dengan memahami perspektif sejarah ini, kita memperoleh ilham dan pedoman mengenai hubungan abadi antara manusia dan elemen penting yang dipanggil air ini, ke arah memperbaharui pandangan kontemporari kita tentang peranan air dalam hubungan kemanusiaan.

**Kata Kunci:** falsafah air, hubungan manusia-air, interpretasi air, persepsi air, tamadun purba air.

### PENGENALAN

Persoalan mengenai kefahaman falsafah air yang bersifat abstrak (niskala) telah lama memukau imaginasi manusia sejagat untuk diterokai. Ia melangkaui sempadan budaya, menembusi tembok peradaban dan bertindak umpama lensa kamera yang tekun merakam dan mengamati perubahan strata pemikiran manusia mengenai sumber asas kehidupan iaitu air. Dalam tamadun dunia purba, hubungan antara air dan masyarakat manusia sering kali didasari oleh rasa penghormatan dan mistik yang mendalam. Air bukan sekadar sumber untuk dieksploitasi, tetapi merupakan entiti yang hidup dan bernafas, sarat dengan makna spiritual yang menghujani sumur pemikiran. Dalam pelbagai kepercayaan, ia sering dipersonifikasikan melalui dewa-dewa dan tokoh mitologi, mencerminkan betapa pentingnya air dalam mengatur ritma kehidupan dan memberi makna kepada eksistensi manusia.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif menerusi analisis kandungan untuk meneroka sudut pandangan falsafah air dalam kalangan tamadun-tamadun purba. Kaedah ini melibatkan kajian menyeluruh terhadap kandungan daripada lapangan literatur sedia ada yang diperoleh dari perpustakaan, termasuk buku, artikel jurnal, dan teks sejarah. Faedah utama analisis kandungan langsung ini adalah ia membolehkan tafsiran terus terhadap kehadiran elemen-elemen yang jelas dan boleh diamati dalam teks berkaitan dengan kepentingan, penggunaan, dan persepsi budaya masyarakat mengenai air dalam masyarakat purba.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Tamadun purba ialah masyarakat manusia silam yang mempunyai budaya dan organisasi sosialnya yang tersendiri, wujud pada masa lampau berkurun dahulu, terutamanya sebelum berakhirnya Empayar Rom. Tempoh zaman tamadun purba secara kasarnya merangkumi dari era sekitar tahun 3500 SM sehinggalah kira-kira tahun 500 M. Tamadun-tamadun ini merupakan komuniti pertama yang menetap bersama dan menjadi batu asas kepada negara, bangsa, dan empayar yang muncul kemudian. Kehadiran sumber air terutamanya air tawar di persekitaran menjadikan kebergantungan mereka kepada air adalah sangat kuat, dan ini mengilhamkan pemikiran falsafah yang puitis mengenai air dalam kehidupan mereka. Dalam kajian ini, lima tamadun purba yang paling terkenal dalam sejarah peradaban manusia mengikut kronologi kewujudan telah dipilih untuk dibincangkan bagi menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai pemikiran falsafah dan persepsi konseptual mereka mengenai air.

### **Falsafah Air dari Perspektif Tamadun Mesopotamia**

Orang Mesopotamia purba sangat menghargai kehadiran air. Mereka mendiami kawasan subur di antara sungai Tigris dan Euphrates, dan air adalah pusat kepada cara hidup mereka yang sarat dengan unsur mitologi dan falsafah. Air memainkan peranan penting dalam pertanian, perancangan bandar, agama, dan kosmologi dalam kehidupan seharian mereka. Penghormatan mereka terhadap air jelas terpancar menerusi kepercayaan mitos, amalan keagamaan, dan sistem pengairan canggih yang mereka bangunkan untuk memanfaatkan kuasa air untuk menyokong dan melicinkan urusan kehidupan seharian.

Air mempunyai tempat yang istimewa dalam mitologi Mesopotamia, di mana ia seringkali dikaitkan dengan dewa-dewi dan mitos penciptaan. Orang Mesopotamia percaya bahawa alam semesta berasal dari kekacauan hasil pertembungan dari dua Tuhan yang berunsurkan air. Kepercayaan ini digambarkan dengan jelas dalam *Enuma Elish*, sebuah epik penciptaan yang muncul pada era Babylon. Dalam mitos ini, Apsu (dewa air tawar) dan Tiamat (dewi air masin) adalah dewa-dewi pemula di mana kesatuan mereka melahirkan dewa-dewa yang terkemudian. Selain mitos penciptaan, air juga merupakan paksi kepada amalan dan ritual keagamaan orang Mesopotamia. Dewa Enki (Ea), salah satu dewa yang paling penting dalam kumpulan dewa agung Mesopotamia, merupakan dewa yang menguasai air, kebijaksanaan, dan penciptaan. Perwatakan Enki sering diilustrasikan sebagai memiliki alunan air yang mengalir dari susuk bahunya, melambangkan peranannya yang penting dalam menyediakan air yang memberi kehidupan serta kaitannya dengan kesuburan dan kemakmuran rezeki (Kramer & Maier, 2020).

### **Falsafah Air dari Perspektif Tamadun Mesir Purba**

Air berada pada tempat yang tinggi dalam kehidupan, budaya, dan falsafah Mesir purba.

Sungai Nil, yang sering dirujuk sebagai nadi kehidupan Mesir, memainkan peranan sebagai pendenyut sistem pertanian, agama, dan kehidupan harian tamadun itu. Bagi masyarakat Mesir purba, air bukan sahaja setakat memenuhi keperluan fizikal malahan juga bertindak sebagai simbol kehidupan, kesuburan, dan keberkatan dari langit.

Orang Mesir menganggap Sungai Nil sebagai kurniaan dari dewa. Sungai Nil itu sendiri dipersonifikasikan dan dijadikan sebagai dewa oleh masyarakat Mesir purba yang dikenali sebagai dewa Hapi. Hapi bertanggungjawab untuk menyediakan banjir tahunan bagi mengekalkan kesuburan tanah di lembangan sungai Nil. Hapi sering digambarkan sebagai seorang lelaki yang sihat dengan dada yang berbidang besar dan perut yang membonjol ke hadapan, melambangkan kelimpahan rezeki dan nikmat pemakanan yang meruah. Lagulagu pujian dan persembahan didendangkan khas kepada Hapi untuk memastikan kesuburan dan kemakmuran Mesir akan kekal dan berterusan (Pinch, 2004).

### **Falsafah Air dari Perspektif Tamadun India Purba**

Dalam falsafah India kuno, air meneraju kedudukan yang tinggi dan suci. Ia melambangkan penyucian, kehidupan, dan juga ketuhanan. Air mempunyai hubungan yang erat dan rapat dengan ritual-ritual keagamaan, mitologi, dan doktrin-doktrin falsafah Masyarakat India kuno. Penghormatan terhadap air jelas terlihat dalam kitab *Veda*, *Upanishad*, dan pelbagai *Purana*, di mana ia sering dikaitkan dengan kedudukan dewa-dewa, kesucian rohani, dan aturan kosmik cakerawala (Long & Long, 2017).

Rujukan terawal mengenai air dalam tamadun India kuno boleh ditemui dalam kitab *Veda*, satu koleksi teks suci kuno masyarakat India silam. *Rigveda*, salah satu teks tertua dalam sejarah manusia (bertarikh antara 1500SM hingga 1000SM, mungkin lebih awal), seringkali menuturkan pujian kepada kebaikan air. Teks kuno ini juga merujuk air sebagai kuasa yang menyucikan dan mampu memberi kehidupan. *Chandogya Upanishad*, sebagai contoh, membandingkan jiwa individu (Atman) dengan setitik air dan Brahman sebagai lautan, menggambarkan kesatuan individu yang kerdil dengan kekuasaan yang universal (Tung & Chi, 2022).

### **Falsafah Air dari Perspektif Tamadun Cina Purba**

Dalam masyarakat Cina kuno, falsafah air sangat berkait rapat dengan kerangka metafizik, etika, dan kosmologi yang lebih luas. Air dianggap sebagai elemen asas dalam alam semula jadi, air juga dianggap sebagai salah satu konsep yang terpenting untuk memahami alam semesta dan untuk membimbing tingkah laku manusia menjadi lebih bertamadun. Tradisi falsafah utama Cina seperti Taoisme, Konfusianisme, dan aliran pemikiran-pemikiran lain menawarkan perspektif yang padat dan pelbagai mengenai sifat dan kepentingan air.

Laozi, penulis legenda yang telah menghasilkan karya agung *Dao De Jing*, kerap kali menggunakan air sebagai simbol untuk menggambarkan konsep utama pengajaran Taoisme. Laozi menekankan paradoks atau percanggahan sifat kelembutan yang selalunya dikaitkan dengan air. Dengan menggunakan air sebagai metafora, iaitu lembut dan hanya menurut aliran, air mempunyai kemampuan untuk mengatasi permukaan yang keras dan kuat sekiranya diberi tempoh masa dan ruang. Zhuangzi, seorang lagi tokoh pengasas dalam falsafah Taoisme, mengemaskini idea-idea Laozi dengan menggunakan air sebagai metafora untuk hidup selaras dengan Tao. Dalam karyanya yang berjudul *Zhuangzi*, beliau menceritakan kisah-kisah dan perumpamaan yang menekankan peranan air dalam

menunjukkan sifat semulajadi dan kelangsungan kehidupan.

### **Falsafah Air Dari Perspektif Tamadun Yunani**

Orang Yunani purba memiliki pandangan yang pelbagai serta bermakna mengenai air, mereka mengakui keberadaan sifat fizikalnya sambil dalam masa yang sama mengaitkannya dengan makna falsafah yang mendalam. Perspektif ini boleh dijejak kepada ahli falsafah awal sebelum kemunculan Socrates, yang mana idea-idea mereka meletakkan asas bagi pemikiran tamadun Barat. Melalui tafsiran mereka, air muncul bukan sahaja sebagai elemen asas alam semula jadi tetapi juga sebagai metafora untuk memahami alam semesta dan keadaan manusia secara lebih mendalam.

Thales dari Miletus, yang sering dianggap sebagai ahli falsafah pertama dalam sejarah Barat, mencadangkan bahawa air (*hydor*) adalah *archê*, atau bahan utama dari mana segala-galanya berasal dan deklarasinya ini mencadangkan bahawa air adalah sumber segala kewujudan (Sison, 2009). Heraclitus dari Ephesus pula terkenal dengan kenyataannya, "Anda tidak boleh melangkah ke dalam sungai yang sama dua kali" (Sedley, 2003). Kenyataan ini secara tuntas menjelaskan intipati kepercayaan beliau bahawa segala-galanya yang zahir di alam fana ini berada dalam keadaan transformasi yang berterusan, dan ini tidak tertakluk hanya kepada air.

### **KESIMPULAN**

Eksplorasi falsafah air merentasi Mesopotamia, Mesir kuno, India, China, dan Yunani mendedahkan pemahaman yang mendalam dan pelbagai aspek mengenai bahan elemen ini, menonjolkan kepentingannya yang tiada tandingan dalam perkembangan tamadun manusia. Secara kolektif, tamadun-tamadun kuno ini menekankan peranan penting air bukan sahaja sebagai keperluan fizikal tetapi juga sebagai simbol mendalam kehidupan, kerohanian, dan penyelidikan falsafah. Dengan mengkaji perspektif-perspektif yang berbeza ini, kita memperoleh penghargaan yang lebih mendalam terhadap bagaimana elemen asas seperti air melampaui sekadar fizikaliti untuk menjadi pusat kepada identiti budaya, pemikiran metafizik, dan pencarian manusia untuk makna merentasi masa dan geografi.

### **PENGHARGAAN**

Para penulis mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) atas pemberian geran FRGS (FRGS/1/2021/SS10/USM/02/6) yang mana sebahagian daripada dana tersebut telah digunakan untuk menyiapkan kertas kerja ini.

### **RUJUKAN**

- Kramer, S. N., & Maier, J. (2020). *Myths of Enki, The Crafty God*. Wipf and Stock Publishers.
- Long, F., & Long, S. D. (2017). *Reading the Sacred Scriptures*. Taylor & Francis.
- Pinch, G. (2004). *Egyptian Mythology: A Guide to the Gods, Goddesses, and Traditions of Ancient Egypt*. Oxford University Press.
- Sedley, D. (2003). *Plato's Cratylus*. Cambridge University Press.  
[http://books.google.ie/books?id=ceOQKf0ZvFMC&printsec=frontcover&dq=Plato%27s+cratylus&hl=&cd=1&source=gbs\\_api](http://books.google.ie/books?id=ceOQKf0ZvFMC&printsec=frontcover&dq=Plato%27s+cratylus&hl=&cd=1&source=gbs_api)
- Sison, A. J. (2009). Water and wisdom as embodied in the works of Thales of Miletus. In *Taylor & Francis eBooks* (pp. 3–12).  
<https://www.taylorfrancis.com/chapters/edit/10.1201/9780203875438-7/water-wisdom-embodied-works-thales-miletus?context=ubx&refId=c2508541-9476-4fb0-b481->

e798c6d0527e

Tung, T. T., & Chi, T. T. K. (2022). Philosophical thought in the Upanishads-The transition from mythological-religious thinking to philosophical thinking. *Journal of Positive School Psychology, 6*(2), 4278-4285.  
<https://mail.journalppw.com/index.php/jpsp/article/view/2754/1775>.

## **MENDEPANI CABARAN EKONOMI: PENDEKATAN HOLISTIK PELAN TINDAKAN EKONOMI MADANI DALAM MENGURANGKAN TEKANAN KOS SARA HIDUP**

\*Nur'Jila Mohammad<sup>1</sup>, Nur Lina Abdullah<sup>2</sup>, Nur Khairina Muhamad Husin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*School of Government, UUM College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia*

<sup>2</sup>*Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban*

Emel: \*nurjila@uum.edu.my, nkhairina@uum.edu.my, lina7837@uitm.edu.my

### **ABSTRAK**

Peningkatan kos sara hidup telah menimbulkan kebimbangan kepada kesejahteraan masyarakat di Malaysia. Bagi menangani isu ini dan menggalakkan kesejahteraan masyarakat, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Tindakan Ekonomi MADANI yang holistik. Rangka kerja komprehensif ini membentangkan strategi komprehensif untuk menangani kos sara hidup yang tinggi di samping memupuk pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Rangka tindakan itu terdiri daripada pelbagai strategi, seperti subsidi yang disasarkan, program keselamatan sosial yang diperkukuh, dan inisiatif untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti. Dengan memberi tumpuan kepada aspek yang saling berkaitan ini, Pelan Tindakan Ekonomi MADANI bertujuan untuk meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh rakyat Malaysia, meningkatkan kualiti hidup mereka, dan memupuk masyarakat yang lebih saksama dan inklusif.

**Kata Kunci:** Pelan Tindakan MADANI, kos sara hidup, inflasi, pertumbuhan ekonomi

### **PENGENALAN**

Pelan Tindakan Ekonomi MADANI yang holistik bagi mencapai nilai aktiviti bernilai tambah tinggi, lebih berdaya saing dan lestari akan terjejas jika aspek peningkatan kualiti dan taraf hidup rakyat tidak dapat diterjemahkan kepada masyarakat. Kerangka MADANI mempunyai enam (6) nilai iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Nilai Hormat, Daya Cipta, Keyakinan dan Ihsan. Gabungan enam (6) nilai ini membentuk asas binaan serampang dua mata Ekonomi MADANI iaitu "Menaikkan Siling" kedudukan ekonomi Malaysia, dan "Menaikkan Lantai" darjat hidup rakyat Malaysia.

Komponen untuk 'Menaikkan Siling' adalah melalui keterjaminan dan kemampanan ekonomi. Umumnya, Malaysia dan kebanyakan negara bergelut dengan cabaran inflasi dan ketidaktentuan ekonomi. Keadaan ini mencetus kebimbangan dalam kalangan masyarakat terutama mengenai peningkatan harga barang dan perkhidmatan. Manakala komponen "Menaikkan Lantai" yakni darjat hidup rakyat Malaysia pula memastikan kesejahteraan masyarakat dapat dicapai melalui peluang yang lebih saksama, taraf hidup yang lebih baik dan perlindungan sosial.

Oleh itu, kajian ini menghipotesiskan yang Pelan Tindakan Ekonomi MADANI memberi 'kebaikan' kepada negara dalam "Menaikkan Lantai" iaitu yang dapat memacu keberhasilan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berdaya tahan. Analisis secara deskriptif dan graf mendapati Pelan Tindakan Ekonomi MADANI bertindak mengawal dan mengimbangi ketidaktentuan ekonomi. Justeru itu, masyarakat perlu berusaha meningkatkan keupayaan untuk berdaya tahan agar 'kebaikan' ini dapat dimaksimumkan.

## **PERTUMBUHAN EKONOMI DAN INFLASI**

Ekonomi Malaysia menunjukkan pemulihan memberangsangkan pada tahun 2021 berikutan berdepan dengan kemelesetan ekonomi pada tahun 2020. Penguatan dan pemulihan KDNK negara hasil daripada pakej rangsangan kerajaan, peningkatan eksport dan pelonggaran sekatan COVID-19 secara beransur-ansur ketika itu. Seterusnya, indikator seperti penggunaan domestik, pelaburan dan eskport telah memacu ekonomi negara untuk terus berkembang pada tahun 2022. Oleh itu, ekonomi memperlihatkan pertumbuhan yang berterusan. Tumpuan kerajaan pada ketika ini adalah terhadap pembangunan infrastruktur dan pendigitalan. Kedua-dua aspek indikator ini memainkan peranan penting untuk mengekalkan pertumbuhan.

Namun demikian, pada tahun 2023, Malaysia telah menghadapi beberapa cabaran, termasuklah peningkatan inflasi, ketegangan geopolitik dan gangguan rantai bekalan. Tetapi prospek ekonomi masih menunjukkan daya tahan yang mana pertumbuhan KDNK kekal positif. Selanjutnya, untuk tahun 2024, tinjauan ekonomi adalah optimistik dengan berhati-hati, dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Faktor utama yang mempengaruhi ekonomi ketika ini ialah persekitaran ekonomi global, dasar domestik dan pemulihan berterusan daripada wabak COVID-19. Bagi suku pertama 2024, ekonomi Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang pesat sebanyak 4.2 peratus. Prestasi yang memberangsangkan ini lebih baik berbanding negara-negara seperti Korea (3.4%), Singapura (2.7%) dan Thailand (1.5%). Hal ini kerana indikator seperti pemulihan prestasi eksport, kerancangan aktiviti pelancongan dan permintaan domestik kekal mampan walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran faktor luaran. Justeru itu, KDNK Malaysia telah mempamerkan pertumbuhan memberangsangkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, ia mencerminkan daya tahan ekonomi negara dan langkah dasar yang kukuh. Walaupun cabaran berterusan, trajektori positif menunjukkan masa depan yang menjanjikan untuk ekonomi Malaysia.

Hubungan antara inflasi dan pertumbuhan ekonomi adalah kompleks. Umumnya, kerangka kerja teori yang menganalisis hubungan antara inflasi, kos sara hidup dan pertumbuhan ekonomi diambil daripada teori Keynesian dan Moneteris. Ahli ekonomi Keynesian berpendapat inflasi sederhana boleh merangsang aktiviti ekonomi dengan menggalakkan pelaburan dan penggunaan. Sebaliknya, inflasi yang tinggi boleh menghakis kuasa beli, tidak menggalakkan simpanan, dan tentunya mewujudkan ketidaktentuan dan memudaratkan ekonomi dan pertumbuhan. Moneteris pula menekankan peranan bekalan wang dalam



menentukan inflasi dan menekankan bahawa pertumbuhan wang yang berlebihan membawa kepada inflasi, dan seterusnya memberi kesan buruk terhadap pertumbuhan ekonomi.

Terdapat pelbagai kajian yang mengkaji hubungan antara inflasi dan pertumbuhan ekonomi. Bruno dan Easterly (1998) dan Ball (2000) mendapati wujudnya hubungan negatif antara kedua-dua indikator tersebut di negara berpendapatan rendah dan negara berpendapatan tinggi. Ini bermakna inflasi yang tinggi boleh membawa kepada ketidaktentuan ekonomi dan tidak menggalakkan pelaburan. Namun demikian, Romer dan Romer (2002) berpendapat walaupun inflasi boleh memberi kesan rangsangan jangka pendek ke atas ekonomi, ia juga boleh membawa kepada kadar faedah yang lebih tinggi dan mengurangkan aktiviti ekonomi dalam jangka panjang. Kajian di negara berpendapatan sederhana oleh Khan dan Senhadji (2000) dan Rodrik (2008) menunjukkan tahap inflasi yang rendah boleh memberi manfaat kepada pertumbuhan sebaliknya inflasi yang tinggi boleh memudaratkan sesebuah negara. Ia juga bergantung kepada pelbagai factor seperti kualiti institusi dan struktur ekonomi.

### **INFLASI DAN KOS SARA HIDUP**

Inflasi secara lansung mempengaruhi kos sara hidup dengan menjadikan barangan dan perkhidmatan lebih mahal dari masa ke semasa. Oleh itu, inflasi boleh menghakis kuasa beli, terutamanya isi rumah yang berpendapatan rendah yang membelanjakan sebahagian besar pendapatan mereka untuk barangan keperluan. Stiglitz dan Greenwald (2015) berpendapat walaupun inflasi boleh membawa kepada kos sara hidup yang lebih tinggi, ia juga boleh merangsang aktiviti ekonomi dan penciptaan peluang pekerjaan. Namun, inflasi yang tinggi boleh memburukkan lagi kestabilan ekonomi dan ketidaksamaan pendapatan. Kajian oleh Blanchard dan Gali (2010) mendapati hubungan positif antara inflasi dan kos sara hidup di negara berpendapatan tinggi, terutamanya untuk harga makanan dan tenaga.

Selanjutnya, Mishra dan Prasad (2009) menganalisis kesan inflasi terhadap kos sara hidup di negara berpendapatan sederhana dan mendapati bahawa walaupun inflasi boleh meningkatkan kos barangan keperluan, ia juga boleh membawa kepada gaji yang lebih tinggi dan peningkatan aktiviti ekonomi. Caner dan Çelik (2013) mengkaji hubungan antara inflasi dan harga makanan di negara berpendapatan sederhana dan membuat kesimpulan bahawa inflasi mempunyai kesan yang besar terhadap kos makanan, terutamanya bagi isi rumah berpendapatan rendah. Selain itu, World Bank (2018) melaporkan bahawa inflasi boleh memberi kesan yang tidak seimbang terhadap kos sara hidup di negara berpendapatan rendah, kerana sebahagian besar pendapatan isi rumah dibelanjakan untuk barangan keperluan. Manakala kajian yang dijalankan oleh Banerjee dan Duflo (2010) mendapati bahawa inflasi boleh membawa kepada harga makanan yang lebih tinggi dan mengurangkan akses kepada perkhidmatan penting di negara berpendapatan rendah, memburukkan lagi kemiskinan dan ketidaksamaan.

### **EKONOMI MADANI DAN KOS SARA HIDUP**

Kerangka Ekonomi MADANI dalam mencapai “Menaikkan Siling” dan “Menaikkan Lantai”

merupakan pelan strategik yang bertujuan menyediakan pendekatan komprehensif untuk menangani inflasi dan mengekalkan kos sara hidup di Malaysia. Antara strateginya ialah pertama, ketahanan ekonomi melalui menggalakkan kepelbagaian ekonomi bagi mengurangkan pergantungan kepada beberapa sektor dan menjadikan ekonomi lebih berdaya tahan terhadap kejutan luaran, peningkatan produktiviti dengan membuat pelaburan dalam teknologi dan inovasi bagi mengurangkan kos dan mengutamakan pembangunan mampan untuk memastikan kestabilan dan daya tahan ekonomi jangka panjang. Kedua, perlindungan sosial seperti melaksanakan subsidi bersasar untuk menyediakan bantuan kepada kumpulan terdedah tanpa memburukkan lagi inflasi, memperkukuhkan jaringan keselamatan sosial untuk melindungi golongan yang mudah terancam dan mempromosikan inisiatif rumah mampu milik untuk mengurangkan kos perumahan bagi isi rumah berpendapatan rendah. Strategi ketiga ialah kawalan dan peraturan harga iaitu melaksanakan mekanisme pemantauan harga yang berkesan untuk mengelakkan kenaikan harga yang berlebihan, memastikan ketersediaan dan kemampuan barangan dan perkhidmatan penting dan menggalakkan persaingan yang adil untuk mengelakkan monopoli dan kartel.

Keempat, kecekapan rantai bekalan melalui pembangunan infrastruktur untuk meningkatkan kecekapan rantai bekalan dan mengurangkan kos, memanfaatkan teknologi digital bagi menyelaraskan rantai bekalan dan meningkatkan ketelusan dan menggalakkan pengeluaran tempatan untuk mengurangkan pergantungan kepada import dan mengurangkan gangguan rantai bekalan. Strategi yang terakhir ialah pendidikan pengguna iaitu dengan menggalakkan celik kewangan untuk memperkasakan pengguna membuat pilihan termaklum dan mengurus kewangan mereka dengan berkesan serta meningkatkan kesedaran tentang hak pengguna dan menyediakan jalan untuk mendapatkan ganti rugi.

## **KESIMPULAN**

Pelan Tindakan Ekonomi MADANI menawarkan pendekatan holistik untuk menangani inflasi dan mengekalkan kos sara hidup di Malaysia. Dengan memberi tumpuan kepada daya tahan ekonomi, perlindungan sosial, kawalan harga, kecekapan rantai bekalan, dan pendidikan pengguna, kerajaan berhasrat untuk mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan makmur untuk semua. Walaupun cabaran mungkin berterusan, Pelan Tindakan Ekonomi MADANI menyediakan landskap bagi Malaysia untuk mengharungi inflasi yang kompleks dan memastikan masa depan yang mampan untuk rakyatnya.

## **RUJUKAN**

- Ball, L. (2000). Inflation and output in the new Keynesian model. *Journal of Monetary Economics*, 46(1), 191-209.
- Banerjee, A., & Duflo, E. (2010). *Poor economics: The radical idea of giving the poor the means to escape poverty*. PublicAffairs.
- Blanchard, O., & Galí, J. (2010). The macroeconomic effects of energy price shocks:

Evidence from the US. NBER Working Paper No. 15942.

Caner, H., & Çelik, A. (2013). The impact of inflation on food prices: Evidence from developing countries. *Journal of International Money and Finance*, 35(1), 117-132.

Khan, M. S., & Senhadji, A. S. (2000). Inflation and economic growth: Reviewing the evidence. *International Monetary Fund Staff Papers*, 47(1), 83-108.

Mishra, P. K., & Prasad, E. S. (2009). The impact of inflation on income inequality: Evidence from developing countries. *Journal of International Economics*, 78(2), 227-240.

Rodrik, D. (2008). *The political economy of growth*. Cambridge University Press.

Romer, D., & Romer, C. D. (2002). Monetary policy and the welfare of society. In B. Bernanke & M. Woodford (Eds.), *The inflation targeting debate* (pp. 347-384). University of Chicago Press.

Stiglitz, J., & Greenwald, B. (2015). *Creating a more just economy: The role of government in the twenty-first century*. W.W. Norton & Company.

World Bank. (2018). *World development indicators*. World Bank.

## **PEMBINAAN EKOSISTEM SEKOLAH SEJAHTERA MELALUI PENGHAYATAN NILAI MADANI: TINJAUAN SUMBANGAN PERTUBUHAN SOKONGAN RAHMAH & HELWA ABIM**

Noratirah Rambli<sup>1</sup>, Nor Akmariah Abdullah<sup>1 2</sup>, \*Fatin Nur Majdina Nordin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> *Rahmah Support Team (RST)*

<sup>2</sup> *Universiti Selangor (UNISEL)*

<sup>3</sup> *Program Sains Gunaan dengan Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

Emel: atirahrambli@gmail.com, akmariah@unisel.com, \*fatinmajdina@um.edu.my\*

### **ABSTRAK**

Pendidikan ialah proses menyuntik ilmu dan adab kepada manusia, serta membina kemahiran dan karakter. Justeru, pembinaan ekosistem sekolah yang sejahtera merangkumi guru, murid, infrastruktur, juga ibu bapa adalah penting bagi memastikan seluruh komuniti sekolah berupaya merealisasikan objektif pendidikan. Hal ini adalah sebahagian daripada Agenda Pendidikan Manusiawi yang diangkat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah kepimpinan Menteri Pendidikan YB Fadhlina Sidek, yang seiring dengan gagasan Malaysia MADANI. Kerangka dasar MADANI bertujuan membina masyarakat dan negara Malaysia yang maju dari aspek pemikiran, kerohanian, kebendaan dengan keteguhan jati diri, serta nilai-nilai murni kekeluargaan. Penghayatan terhadap enam nilai teras MADANI iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan oleh setiap rakyat Malaysia khususnya dalam pendidikan dipercayai mampu merealisasikan proses pembinaan otak dan watak murid yang akan berkembang menjadi masyarakat yang berilmu dan berakhlak. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan menilai sumbangan dan impak gerak kerja Pertubuhan Sokongan Rahmah dan HELWA ABIM dalam pembinaan ekosistem sekolah sejahtera, khususnya melalui program dan modul yang dijalankan terhadap komuniti sekolah. Data dikumpulkan melalui analisis terhadap laporan dan penilaian akhir program pertubuhan. Terdapat beberapa program dan modul yang dijalankan adalah bersifat langsung kepada komuniti sekolah seperti pelajar sekolah, pembimbing rakan sebaya (PRS), guru dan ibu bapa. Penerapan nilai MADANI dikenalpasti melalui pemetaan nilai MADANI dengan objektif program dan modul. Penilaian terhadap impak modul dan program dirujuk kepada Teori Perubahan, seterusnya elemen penambahbaikan dibentangkan bagi memandu gerak kerja pertubuhan pada masa akan datang. Pembangunan negara harus didokong dan dilaksanakan oleh semua pihak merangkumi kerajaan bersama agensi kerajaan, juga universiti dan sekolah, serta badan bukan kerajaan.

**Kata kunci:** adab, karakter, Pendidikan Manusiawi, komuniti sekolah, badan bukan kerajaan

### **PENGENALAN**

Pendidikan ialah proses menyuntik ilmu dan adab kepada manusia, serta membina kemahiran dan karakter. Justeru, pembinaan ekosistem sekolah yang sejahtera merangkumi guru, murid, infrastruktur, juga ibu bapa adalah penting bagi memastikan seluruh komuniti sekolah berupaya merealisasikan objektif pendidikan. Pendidikan seharusnya tidak hanya berfokus pada pemindahan ilmu semata-mata, tetapi mesti memberi penekanan kepada

pembentukan akhlak dan nilai-nilai luhur. Sistem pendidikan perlu merangkumi aspek keimanan, moral, dan kesolehan, sejajar dengan konsep pendidikan khususnya pendidikan Islam yang universal.

Hal ini adalah sebahagian daripada Agenda Pendidikan Manusiawi yang diangkat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah kepimpinan Menteri Pendidikan YB Fadhlina Sidek, yang seiring dengan gagasan Malaysia MADANI. Kerangka dasar MADANI bertujuan membina masyarakat dan negara Malaysia yang maju dari aspek pemikiran, kerohanian, kebendaan dengan keteguhan jati diri, serta nilai-nilai murni kekeluargaan. Justeru dalam aspek pendidikan, kurikulum dan budaya sekolah perlu ditransformasi untuk mencerminkan nilai-nilai MADANI sambil tetap menjaga keseimbangan aspek jasmani, emosi, rohani, sosial dan intelektual pelajar. Di samping itu, keadilan dalam pendidikan adalah penting khususnya dalam menyediakan akses pendidikan yang adil kepada semua kanak-kanak di seluruh negara, tanpa mengira lokasi atau latar belakang sosio-ekonomi pelajar.

Mendepani cabaran zaman, pendidikan masa kini harus menyediakan pelajar dengan ilmu dan kemahiran yang bersesuaian sebagai alat dan bekalan untuk generasi muda mendepaninya. Justeru, integrasi teknologi dan nilai menjadi semakin penting. Sistem pendidikan kita perlu memastikan penggunaan teknologi tidak mengorbankan nilai-nilai murni. Pelajar perlu dididik untuk menggunakan teknologi secara beretika dan bertanggungjawab. Di samping itu, penerapan sifat saling menghormati tanpa mengira agama, bangsa, dan budaya perlu diperkukuhkan sejak dari peringkat prasekolah hingga universiti. Hal ini mampu membina masyarakat yang harmoni, maju dan bertamadun selaras dengan hasrat Malaysia Madani. Pelajar perlu dididik tentang penggunaan bahasa yang sopan, terutamanya di media sosial, untuk mengelakkan budaya sindir-menyindir yang boleh merosakkan keharmonian negara.

Penghayatan terhadap enam nilai teras MADANI iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan oleh setiap rakyat Malaysia khususnya dalam pendidikan dipercayai mampu merealisasikan proses pembinaan otak dan watak murid yang akan berkembang menjadi masyarakat yang berilmu dan berakhlak. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan menilai sumbangan dan impak gerak kerja Pertubuhan Sokongan Rahmah dan HELWA ABIM dalam pembinaan ekosistem sekolah sejahtera, khususnya melalui program dan modul yang dijalankan terhadap komuniti sekolah.

## **METODOLOGI**

Kajian kualitatif ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu kajian literatur dan analisis dokumen. Dokumen yang terlibat ialah laporan aktiviti anjuran RST dan HELWA ABIM, serta borang penilaian akhir program yang telah diedarkan oleh pertubuhan kepada peserta program. Data kemudian dianalisis secara deskriptif dengan mengenal pasti jenis dan jumlah program atau modul yang disasarkan kepada komuniti sekolah. Penerapan nilai madani dalam program dan modul dikenalpasti melalui pemetaan nilai MADANI dengan program dan modul yang telah dilaksanakan. Seterusnya impak program dan modul dibentangkan dengan merujuk kepada elemen dalam Teori Perubahan. Data dibentangkan dalam bentuk jadual secara sistematik dan tersusun.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

RST dan HELWA ABIM telah menyumbang kepada kesedaran isu kesihatan mental melalui program dan modul yang dirancang berdasarkan sasaran yang pelbagai iaitu merangkumi ahli pertubuhan, pelajar, mahasiswa, masyarakat awam, agensi kerajaan dan bukan kerajaan, aktivis dan pekerja sosial, golongan pekerja dan sebagainya. Namun, perbincangan ini memfokuskan kepada ekosistem sekolah yang merangkumi guru dan pelajar, termasuk infrastruktur sekolah, juga peranan ibu bapa. Justeru, lima program anjuran pertubuhan telah dikenalpasti iaitu program Swacinta Edisi Remaja 2023 yang disasarkan kepada Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) sekolah menengah sekitar Selangor, Program Keluarga Sejahtera 2023 yang mensasarkan individu dalam keluarga yang terdiri daripada ibu, bapa, dan anak, Projek Sokongan Psikososial Rahmah 2023 yang mensasarkan remaja sekolah menengah terdiri daripada pelajar asrama penuh dan pelajar yang tinggal di Program Perumahan Rakyat (PPR) sekitar Selangor, dan Webinar Kesejahteraan Mental 2021 yang mensasarkan pelajar sekolah ABIM tingkatan 4 dan 5. Lima program ini dipilih kerana sasaran program adalah khusus kepada entiti dalam komuniti sekolah iaitu pelajar, guru dan ibu bapa. Program lain anjuran pertubuhan memfokuskan kepada bantuan kemanusiaan bagi mangsa banjir dan COVID-19, latihan kesukarelawanan dan bengkel kesedaran melibatkan isu keluarga dan belia.

Modul yang digunakan bagi lima program terpilih adalah seperti berikut, (i) Modul PFA (*Psychological First Aid*) RAHMAH yang bertujuan melatih pelajar khususnya PRS sekolah dengan ilmu dan kemahiran PFA agar mereka dapat menggunakannya untuk membantu rakan-rakan dalam lingkungan mereka, (ii) Modul SEDAR (Kesedaran dan sokongan dalam isu kesihatan mental) yang bertujuan menyediakan ruang sokongan dan literasi ilmu serta kemahiran kepada mereka yang berdepan dengan isu kesihatan mental, sama ada sebagai pesakit mahupun penjaga. Penilaian terhadap program dan modul pertubuhan mendapati tiada program yang mensasarkan guru secara langsung, sebaliknya kebanyakan program bertumpukan kepada pelajar termasuk PRS sekolah. Guru termasuk pentadbir sekolah adalah tonggak utama dalam pembinaan ekosistem sekolah sejahtera, dan kesejahteraan guru menyumbang kepada kesejahteraan sekolah. Oleh itu, RST dan HELWA ABIM dicadangkan untuk mensasarkan guru dan pentadbir sekolah dalam program akan datang. Selain itu, RST dan HELWA ABIM juga banyak menjalankan program komuniti yang melibatkan ibu bapa secara umum.

Walau bagaimanapun, pihak KPM di bawah kepimpinan YBM Fadhlina Sidek telah melakukan beberapa inisiatif bagi memperkasa kebajikan dan mengurangkan beban guru seperti yang telah disampaikan dalam sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Tahun 2023, dengan hasrat melahirkan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera. Sebahagian daripada inisiatif tersebut ialah Cuti-cuti cikgu dan memperkenalkan Indeks Kesejahteraan Guru. Cuti-cuti guru melalui potongan harga tiket penerbangan, penginapan, pengangkutan darat serta taman tema dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Pengangkutan Malaysia serta rakan strategik yang lain. Manakala Indeks Kesejahteraan Guru yang mengenalpasti domain-domain yang memberikan tumpuan kepada bagaimana kesejahteraan guru dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa mampu menjadi alat bagi menambahbaik sokongan sedia ada kepada kesejahteraan ekosistem sekolah khususnya guru.

Pemetaan nilai MADANI bersama program anjuran pertubuhan mendapati kurang elemen

daya cipta ditekankan dalam modul dan aktiviti yang dijalankan kepada peserta program. Berdasarkan hasrat nilai daya cipta dalam gagasan Malaysia MADANI, elemen daya cipta dan inovasi penting bagi membantu individu meneroka potensi diri dan seterusnya melonjak kejayaan negara melalui inisiatif atau produk buatan Malaysia yang mempunyai identiti serta jati diri Malaysia yang unik. Pembinaan keyakinan dan jati diri pelajar boleh diintegrasikan dalam modul dan aktiviti yang menggalakkan daya cipta dalam kalangan pelajar. Oleh itu, RST dan HELWA ABIM dicadangkan memasukkan nilai daya cipta bersama nilai MADANI yang lain seperti mampan, sejahtera, hormat, keyakinan dan ihsan dalam modul dan aktiviti program pada masa akan datang.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Gagasan Malaysia MADANI melalui penerapan enam nilai teras adalah hasrat Perdana Menteri kesepuluh membina Malaysia yang maju dan bertamadun atau boleh disebut sebagai peradaban Malaysia yang melibatkan semua individu dalam Malaysia, dan ia harus bermula dari pembentukan masyarakat yang berakhlak dan beradab. Enam nilai teras MADANI adalah nilai penting yang harus difahami, dihayati dan diamalkan oleh semua masyarakat dan dalam semua aspek kehidupan termasuk pentadbiran, keluarga, pendidikan, dasar, dan ekonomi. Oleh itu, ekosistem sekolah sejahtera boleh dilaksanakan melalui penerapan dan penghayatan enam nilai teras MADANI dalam seluruh ekosistem sekolah iaitu guru, pelajar dan infrastruktur serta persekitaran, termasuk juga ibu bapa. Penghayatan MADANI oleh guru dan pentadbir adalah penting kerana mereka adalah tonggak kepada ekosistem sekolah, malah ia menjadi asas penting dalam penghayatan nilai tersebut untuk diamalkan dalam kehidupan seluruh entiti dalam ekosistem sekolah termasuk pelajar dan ibu bapa. Penghayatan bermaksud nilai-nilai MADANI menjadi budaya dan diamalkan dalam seluruh aspek kehidupan dalam semua peringkat sama ada di sekolah mahupun di rumah, tempat kerja, universiti dan sebagainya. Pembangunan negara harus didokong dan dilaksanakan oleh semua pihak merangkumi kerajaan bersama agensi kerajaan, juga universiti dan sekolah, serta badan bukan kerajaan.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah memberi sokongan dan saranan kepada kajian ini khususnya HELWA ABIM (Hal Ehwal Wanita Angkatan Belia Islam Malaysia), RST (Pertubuhan Sokongan Rahmah) dan Rumah perlindungan Bayt al-Rahmah. Semoga usaha dan sumbangan semua pihak ini akan terus membantu dalam pembinaan ekosistem sekolah yang lebih sejahtera dan masyarakat yang lebih penyayang.

## **RUJUKAN**

- Siti Idayu Hasan, Azizi Abu Bakar & Amer Siddiq Amer Nordin. (2023). A guide for creating impactful research. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Zuhaila @ Aishah Abu Bakar, Shahlan Surat & Saemah Rahman. (2023). Kesihatan Mental dan Sokongan Sosial Ibu Bapa Pelajar Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(8), e002375. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2375>
- Mohammad Saipol Mohd Sukor & Nabila Azman. (2021). Hubungan Antara Burnout Dan Penglibatan Kerja Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18 (8(SI)). pp. 12-22.
- Institute for Public Health. (2024). National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023: Non-

- communicable Diseases and Healthcare Demand - Key Findings. Ministry of Health Malaysia.
- Institute for Public Health. (2024). NHMS 2023 Fact Sheet: National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023 Non-Communicable Diseases & Healthcare Demand. Ministry of Health Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Laporan Tahunan 2019. Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU).
- Mohd Sukor, M. S., & Azman, N. (2021). Hubungan antara burnout dan penglibatan kerja dalam kalangan guru sekolah menengah. *Special Issue: Social Issues and Challenges of The Covid Pandemic* 19, 18(8), 12-22.
- Wasitah Hj. Mohd Yusof, Ma'rof Redzuan, Zainal Madon, Mohd Rizal Mohd Sham, Asnida Abd. Hamid & Norhidayah Omar. (2016). Stres Dalam Kalangan Belia Bekerja di Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan IYRES 2016*
- Mansor, N. R. (2020). Mengupayakan Pemikiran Aras Tinggi: Menyejahterakan Masyarakat Madani. *Journal of Business and Social Development*, 8(2), 77-90. DOI: 10.46754/jbsd.2020.09.008



## PEMERKASAAN PSIKOSOSIAL REMAJA B40 DALAM MASYARAKAT MADANI: KAJIAN PEMBENTUKAN MOTIVASI EKSTRINSIK PASCA COVID-19

Nursalina Amirul<sup>1</sup>, Nur Shahidah Pa'ad<sup>1</sup>, Che Zarrina Sa'ari<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

<sup>2</sup>Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Emel: nursalinaamirul@gmail.com, shaaz2301@um.edu.my, zarrina@um.edu.my

### ABSTRAK

Kajian ini meneliti pembentukan motivasi ekstrinsik berasaskan prinsip Islam sebagai strategi untuk memperkasa psikososial remaja B40 di Malaysia pasca COVID-19. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah dokumentasi dan analisis kandungan, kajian ini membincangkan dua dapatan utama. Dapatan pertama menyoroti pembentukan motivasi ekstrinsik melalui prinsip Islam iaitu *targhib* dan *tarhib*. Dapatan dan perbincangan menunjukkan *targhib* berfungsi sebagai kawalan eksternal yang mendorong tingkah laku bermatlamat berdasarkan dorongan positif, sementara *tarhib* menggalakkan introjeksi dengan memberi peringatan tentang akibat negatif yang menggerakkan remaja untuk menginternalisasi nilai-nilai moral. Dapatan kedua menunjukkan pengaruh pembentukan motivasi ini dalam memperkasakan psikososial remaja B40, termasuk pengukuhan identiti positif, pembinaan hubungan sosial yang sihat, serta pengembangan autonomi dan kompetensi. Kajian ini mencadangkan pelaksanaan program yang lebih holistik yang menyokong motivasi ekstrinsik dan merangkumi aspek pendidikan, sosial dan psikologi untuk meningkatkan kesejahteraan remaja B40. Implikasi kajian ini penting untuk merangka dasar sosial yang inklusif bagi membentuk generasi remaja yang berdaya saing dan masyarakat madani yang lebih sejahtera di masa depan.

**Kata kunci:** Motivasi Ekstrinsik, Psikososial, Remaja B40, Prinsip Islam, Pasca COVID-19.

### PENGENALAN

Remaja daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) di Malaysia merupakan golongan yang rentan disebabkan terpaksa berdepan cabaran psikososial yang berterusan (Chirnga et al., 2016; Kudzai, 2013; Niemeyer et al., 2019). Cabaran ini bertambah buruk disebabkan pandemik COVID-19 lalu yang telah membawa impak tekanan ekonomi dan sosial yang sedia ada (Ab Rahman et al., 2020). Remaja B40 yang pada awalnya mengalami pelbagai isu psikososial seperti tekanan, kebimbangan dan harga diri yang rendah, kini juga harus menghadapi kesan jangka panjang pasca pandemik yang menjejaskan kesihatan mental mereka (Ab Rahman et al., 2020; Niemeyer et al., 2019). Walaubagaimanapun Bagi remaja B40, motivasi ekstrinsik memainkan peranan penting untuk membantu remaja mengatasi cabaran psikososial dan memberi dorongan untuk mencapai matlamat dan mengubah tingkah laku mereka ke arah kesejahteraan (David C. Facer, 2012).

Oleh itu, kajian ini meneliti pembentukan motivasi ekstrinsik sebagai strategi untuk menangani isu psikososial yang dihadapi oleh remaja ini dalam era pasca-COVID-19 menerusi rangka kerja Masyarakat Madani di Malaysia yang mempromosikan inklusiviti, keadilan sosial dan kemakmuran bersama terutama terhadap golongan minoriti seperti remaja B40 (Anwar Ibrahim, 2023). Literatur sedia ada telah menunjukkan kesan signifikan

status sosioekonomi terhadap pembangunan psikososial remaja B40, di mana keluarga berpendapatan rendah sering dikaitkan dengan tahap tekanan yang lebih tinggi disebabkan akses yang terhad dan cabaran sekeliling (Mohamed Shamir Abdul Aziz et al., 2022). Kajian mengenai kesan pandemik COVID-19 pula boleh dikaitkan sama seperti kesan bencana yang boleh membawa kepada Gangguan Tekanan Pasca-Trauma (Robiatul Adawiyah Saiedin et al., 2022). Selain itu, meneliti kajian motivasi remaja, mereka didapati lebih terdorong melalui motivasi ekstrinsik berbanding intrinsik (Jaworska & MacQueen, 2015).

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pendekatan dokumentasi dan analisis kandungan. Dapatan awal menunjukkan bahawa integrasi strategi motivasi ekstrinsik dapat meningkatkan pemeraksanaan psikososial remaja B40 secara signifikan. Pendekatan motivasi ekstrinsik berasaskan prinsip Islam yang mengintegrasikan elemen keperluan material dan rohani dapat memupuk perubahan tingkah laku yang positif dan mengurangkan kesan negatif psikososial yang diperburuk oleh pandemik COVID-19. Kajian ini bertujuan untuk memberikan analisis terperinci mengenai dapatan ini serta implikasinya terhadap dasar dan amalan dalam konteks Masyarakat Madani di Malaysia.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan memberi tumpuan kepada pendekatan dokumentasi dan analisis kandungan untuk memahami secara mendalam pembentukan motivasi ekstrinsik pasca COVID-19 dalam konteks pemeraksanaan psikososial remaja B40 dalam masyarakat madani.

### **Pendekatan Dokumentasi**

Pendekatan dokumentasi merangkumi pengumpulan data daripada pelbagai dokumen yang relevan seperti laporan kerajaan, kajian kes, artikel jurnal, laporan media dan dokumen-dokumen lain (Rashidi et al., 2014) yang berkaitan pembentukan motivasi ekstrinsik pasca COVID-19 dalam konteks memperkasakan psikososial remaja dalam masyarakat madani.

### **Analisis Kandungan**

Analisis kandungan dilakukan untuk menganalisis maklumat yang diperolehi daripada dokumen-dokumen tersebut. Proses analisis kandungan melibatkan pengecaman tema-tema utama, corak dan kategori dalam data yang dikumpulkan (Rashidi et al., 2014). Ia melibatkan analisis teks secara sistematik untuk mengenal pasti secara mendalam (Aspers & Corte, 2019) pembentukan motivasi ekstrinsik berasaskan prinsip Islam dan pengaruh pendekatan tersebut dalam konteks pemeraksanaan remaja B40 dalam masyarakat madani di Malaysia.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan dan perbincangan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Pembentukan motivasi ekstrinsik berasaskan prinsip Islam dan pengaruh motivasi ekstrinsik berasaskan prinsip Islam tersebut dalam konteks pemeraksanaan psikososial remaja B40 dalam masyarakat madani di Malaysia.

### a. Pembentukan motivasi ekstrinsik berasaskan prinsip Islam

Dalam pembentukan motivasi ekstrinsik berasaskan prinsip Islam, konsep *targhib* dan *tarhib* memainkan peranan penting. *Targhib* iaitu dorongan kepada kebaikan melalui janji ganjaran dan *tarhib* iaitu peringatan terhadap keburukan melalui ancaman atau hukuman (Mohamed Hamdan Abdullah et al., 2018). Kedua-dua konsep ini dapat diintegrasikan dengan teori motivasi ekstrinsik Ryan dan Deci melalui pembentukan motivasi kawalan eksternal (*external regulation*) iaitu yang melibatkan kepada kawalan motivasi secara penuh disebabkan hal luaran seperti mendapat penghargaan, insentif dan ganjaran dan motivasi introjeksi (*introjection*) iaitu sejenis kawalan dalaman diri yang mengawal tindakan seseorang namun disebabkan perasaan tertekan berdasarkan hal luaran seperti rasa bersalah (Ryan & Deci, 2000).

#### i. Jenis Kawalan Eksternal (*External Regulation*)

Aspek Material: Motivasi ekstrinsik jenis kawalan eksternal dalam aspek material melibatkan ganjaran duniawi yang ditawarkan untuk mendorong tindakan tertentu (Hardy et al., 2022). Hal ini sepadan dengan prinsip *targhib*, dimana ganjaran material seperti biasiswa, bantuan kewangan atau peluang pekerjaan dan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan boleh digunakan untuk mendorong pembangunan diri remaja B40. Melalui aspek material ini, remaja dapat melihat peluang untuk memperbaiki taraf hidup mereka dan akan terdorong untuk mencapai matlamat diri mereka.

Aspek Rohani: Kawalan eksternal dan konteks *targhib* menggalakkan remaja B40 untuk mengamalkan nilai-nilai positif dengan janji ganjaran bersifat rohani seperti mendapat pahala dan ganjaran di akhirat (Mohamed Hamdan Abdullah et al., 2018). Selain itu, dalam aspek rohani, motivasi kawalan eksternal juga boleh didorong untuk mendapatkan ganjaran di dunia seperti ingin dihormati dalam masyarakat. Oleh itu, sokongan sosial juga boleh diberikan kepada remaja B40 seperti program kaunseling, program kemasyarakatan dan sebagainya untuk memotivasikan akhlak positif remaja B40 (Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2023).

#### ii. Jenis Introjeksi (*Introjection*)

Aspek Material: Dalam aspek material, introjeksi melibatkan dorongan internalisasi separa ke arah motivasi intrinsik. Motivasi ini mendorong merasa terdesak untuk mencapai matlamat dan kejayaan disebabkan tekanan sosial atau rasa bersalah (Hardy et al., 2022). Hal ini seperti konsep *Tarhib* yang berperanan memberi peringatan tentang akibat buruk seperti kemiskinan atau kegagalan hidup jika tanggungjawab diabaikan (Nor Azizah Mustapha et al., 2019). Kerajaan boleh memperkukuh motivasi ini melalui program pendidikan dan latihan yang menekankan tanggungjawab ekonomi terhadap diri dan keluarga.

Aspek Rohani: Dalam konteks rohani, *tarhib* memberi peringatan terhadap dosa dan hukuman akhirat jika kewajipan moral dan agama tidak dipenuhi (Mohamed Hamdan Abdullah et al., 2018). Introjeksi melibatkan rasa takut kepada balasan atau kesan negatif dikenal pasti boleh menggerakkan remaja untuk berpegang pada nilai agama dan membentuk psikososial yang lebih baik (Nor Azizah Mustapha et al., 2019). Kerajaan Malaysia Madani boleh mengukuhkan aspek ini melalui program dakwah dan pendidikan rohani yang menekankan pentingnya tanggungjawab agama dan moral dalam membina kehidupan sejahtera.

**b. Pengaruh pembentukan motivasi ekstrinsik berasaskan prinsip Islam tersebut dalam konteks pemeraksanaan psikososial remaja B40 dalam masyarakat madani di Malaysia**

Hasil dapatan menunjukkan terdapat tiga pengaruh utama pembentukan motivasi berasaskan prinsip Islam tersebut dalam konteks pemeraksanaan psikososial remaja B40 dalam masyarakat madani di Malaysia iaitu:

**i. Penguatan Identiti Positif Remaja**

Remaja B40 yang disuntik motivasi ekstrinsik yang berasaskan prinsip Islam seperti insentif dalam bentuk bantuan kewangan, sokongan pendidikan dan peluang pembangunan diri secara tidak langsung dapat mengukuhkan identiti positif remaja kerana mereka merasakan ada sokongan untuk membina masa depan yang lebih baik (Erikson, 1968). Selain itu, meskipun tanpa insentif, remaja juga boleh membangunkan identiti yang lebih positif dan berdaya tahan melalui perasaan sebabkan hal luaran yang mendesak seperti tidak mahu dipandang rendah dalam masyarakat atau takut akan balasan buruk di akhirat sekiranya bertindak secara buruk disebabkan masalah psikososial (Akram Abdul Cader, 2016) Dari sudut aspek rohani, remaja didorong untuk mengekalkan identiti remaja muslim melalui nilai-nilai Islam yang dipraktikkan dalam kehidupan harian seperti sifat tanggungjawab, kejujuran dan bersabar (Nor Azizah Mustapha et al., 2019).

**ii. Membentuk Kesejahteraan Hubungan Sosial**

Motivasi ekstrinsik juga membantu remaja B40 untuk membina hubungan sosial yang lebih ihsan dan penuh empati. Dalam konteks aspek material, kerajaan menyediakan program komuniti dan peluang kerjasama sosial yang menggalakkan interaksi positif antara remaja, masyarakat dan kerajaan (Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2023). Selain itu, remaja juga akan lebih yakin untuk membina hubungan sosial sekiranya mereka mendapat akses yang sama melalui insentif yang diberikan. Sementara itu, *targhib* dan *tarhib* berfungsi sebagai panduan rohani untuk membina hubungan yang berpandukan ajaran Islam (Amal Khalil, 2016). Melalui pembentukan motivasi ekstrinsik remaja B40, mereka dapat memupuk akhlak Islamiah seperti kasih sayang, keadilan dan saling menghormati dan menjauhi akhlak negatif yang penting untuk kesejahteraan hubungan sosial di kalangan remaja (Nor Azizah Mustapha et al., 2019).

**iii. Membangunkan Autonomi dan Kompetensi**

Motivasi ekstrinsik juga membawa pengaruh yang besar dalam mengembangkan autonomi dan kompetensi remaja B40 (Chickering & Reisser, 1993). Keadaan ini mampu dicapai melalui pelbagai sokongan aspek material yang disediakan oleh kerajaan seperti latihan kemahiran dan peluang pekerjaan. Pada masa yang sama, aspek rohani melalui prinsip *tarhib* yang menekankan tanggungjawab moral dan etika dalam pengurusan diri dan mengingatkan mereka tentang akibat negatif jika gagal menggunakan peluang yang ada dengan baik akan dan *targhib* menawarkan ganjaran apabila mereka berjaya memupuk daya tahan mental sekali gus membangkitkan kompetensi melalui usaha yang bersungguh-sungguh (Nor Azizah Mustapha et al., 2019).

**KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan motivasi ekstrinsik berasaskan prinsip Islam melalui konsep *targhib* dan *tarhib* dapat memperkasakan psikososial remaja B40 di Malaysia. Prinsip ini mengintegrasikan kawalan eksternal dan introjeksi untuk mendorong tindakan

positif ke arah mencapai matlamat hidup. Walau bagaimanapun, keberkesanan motivasi ekstrinsik mungkin terhalang disebabkan cara internalisasi nilai yang berbeza dalam kalangan remaja B40 iaitu apabila sebahagian mereka tidak sepenuhnya menginternalisasi nilai-nilai yang disampaikan melalui motivasi ini, terutamanya jika mereka lebih dipengaruhi oleh norma sosial atau tekanan rakan sebaya yang bertentangan. Implikasi kajian menunjukkan pemahaman yang lebih mendalam tentang motivasi ekstrinsik dapat membantu pemimpin negara dalam merangka polisi sosial dan ekonomi yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan masyarakat. Secara praktikal, kerajaan Malaysia Madani disarankan untuk memperkukuh sokongan material dan rohani bagi meningkatkan motivasi remaja B40. Kesimpulannya, pendekatan ini bukan sahaja membangunkan identiti positif dan autonomi remaja, tetapi juga menyumbang kepada pembentukan generasi yang lebih berdaya saing dan masyarakat yang lebih sejahtera di masa depan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah di taja oleh Geran Khas Penyelidikan (GKP) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UMG019L-2024).

## RUJUKAN

- Ab Rahman, Z., Kashim, M. I. A. M., Mohd Noor, A. Y., Saari, C. Z., Hasan, A. Z., Ridzuan, A. R., Ashaari, M. F., Kassim, S. B. M., & Norhayati Rafida, A. R. (2020). Critical Review Of Religion In Coping Against The Covid-19 Pandemic By Former Covid-19 Muslim Patients In Malaysia. *Journal Of Critical Reviews*, 7(5), 1145-1154.
- Akram Abdul Cader. (2016). Towards an Islamic model of work motivation. *Intellectual Discourse*, 24(1).
- Amal Khalil. (2016). The Islamic Perspective of Interpersonal Communication. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 4. <https://doi.org/10.15640/jisc.v4n2a3>
- Anwar Ibrahim. (2023). *Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi* (2 ed.). Institusi Darul Ehsan.
- Aspers, P., & Corte, U. (2019). What is Qualitative in Qualitative Research. *Qualitative Sociology*, 42(2), 139-160. <https://doi.org/10.1007/s11133-019-9413-7>
- Chickering, A. W., & Reisser, L. (1993). *Education and Identity*. JosseyBass.
- Chirnga, R., Haslee Sharil Lim Abdullah, Zainal Madon, & Li, L. P. (2016). Counselling The Stressed For Psychological Wellbeing. *Journal Of Islamic Social Sciences And Humanities*, 8, 45-61.
- David C. Facer, J. (2012). *The Motivation Beliefs Inventory: Measuring Motivation Beliefs Using Four Motivation Theories* [Tesis Kedoktoran, University Of San Diego].
- Erikson, E. H. (1968). *Identity youth and crisis*. WW Norton & company.
- Hardy, S. A., Nelson, J. M., Frandsen, S. B., Cazzell, A. R., & Goodman, M. A. (2022). Adolescent religious motivation: A self-determination theory approach. *The International Journal for the Psychology of Religion*, 32(1), 16-30.
- Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2023). *Facts & Figures: Kajian Indeks Belia Malaysia 2022 (IBM'22)*.
- Jaworska, N., & MacQueen, G. (2015). Adolescence as a unique developmental period. *J Psychiatry Neurosci*, 40(5), 291-293. <https://doi.org/10.1503/jpn.150268>
- Kudzai, C. (2013). *Psychosocial Effects Of Poverty On The Academic Performance Of The Girl Child In Zimbabwe* [Tesis Kedoktoran, University Of South Africa, Psychology Of Education].
- Mohamed Hamdan Abdullah, Fariza Md Sham, & A'dawiyah Ismail. (2018). Pendekatan

- Motivasi Dalam Dakwah Remaja. *Jurnal Hadhari* 10(1), 77-92.
- Mohamed Shamir Abdul Aziz, M Zainora Asmawi, & Lukman Hakim Mahamod. (2022). Analysing the Rural B40 Society in the Microcredit Programmes of Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), e001886-e001886.
- Niemeyer, H., Bieda, A., Michalak, J., Schneider, S., & Margraf, J. (2019). Education and mental health: Do psychosocial resources matter? *SSM Popul Health*, 7, 100392. <https://doi.org/10.1016/j.ssmph.2019.100392>
- Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham, & Ahmad Irdha Mokhtar. (2019). Pendekatan dakwah targhīb dan tarhīb dalam membina adab remaja. *Jurnal Hadhari*, 11(2), 267-289.
- Rashidi, M., Begum, R. A., Mokhtar, M., & Pereira, J. (2014). Pelaksanaan Analisis Kandungan Sebagai Metodologi Kajian bagi Mengenalpasti Kriteria Pembinaan Lestari. *Journal of Advanced Research Design*, 1, 18-27.
- Robiatul Adawiyah Saiedin, Aimi Ismail, Mohd Noor Hazri Ahmad, Mohamad Fahmi Md Hijazi, & Zainuddin, Z. (2022). Panduan Pasca COVID-19: Proses Pemulihan Post-Traumatic Stress Disorder (PTSD). In A. Jamil (Ed.), *Pasca COVID-19 - Persediaan Mental dan Psikologi* (pp. 85-105). Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Intrinsic and extrinsic motivations: Classic definitions and new directions. *Contemporary educational psychology*, 25(1), 54-67.

## **PENGHAYATAN NILAI IHSAN DALAM PEMBANGUNAN MALAYSIA MADANI: MANFAAT DAN CABARAN BAGI KOMUNITI AUTISME**

\*Siti Patonah Mohamad, Fatin Nur Majdina Nordin

*Program Sains Gunaan dengan Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya*

Emel: \*sitipatonah@um.edu.my, fatinmajdina@um.edu.my

### **ABSTRAK**

Kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan, merupakan 6 nilai teras dalam pembangunan Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Keenam-enam nilai ini sangat penting dalam memastikan kemakmuran negara dan mendapatkan kepercayaan antara kerajaan dengan masyarakat berbilang kaum dan bangsa. Penghayatan konsep ihsan dari perspektif Islam adalah cerminan kesempurnaan iman dalam diri individu, kerana antara ciri-ciri ihsan adalah ketaqwaan kepada Allah swt, berkasih sayang dan empati, dan sentiasa berperilaku mengikut etika Islam yang sebenar. Komuniti autisme di Malaysia akan mendapat banyak manfaat hasil daripada penerapan nilai ihsan ini yang mana jika nilai tersebut diterapkan dalam penghasilan polisi dan pembangunan negara, ini secara langsung akan memastikan matlamat pembangunan lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dalam beberapa aspek akan dapat dicapai seperti SDG 3, SDG 4, SDG 5, SDG 8, SDG 10, SDG 11, SDG 16 dan SDG 17. Walaubagaimanapun, masih lagi terdapat kelompangan yang besar dalam banyak aspek kehidupan seharian yang belum dapat ditangani lagi. Antara inisiatif kerajaan dalam memastikan kesejahteraan komuniti autisme adalah dengan mempersiapkan pelbagai infrastruktur dan kemudahan yang boleh dirasai oleh individu dengan autisme mahupun ibu bapa mereka, seperti perkhidmatan pelancongan mesra-autisme, inisiatif persekitaran mesra autisme dan pelbagai lagi kemudahan-kemudahan yang lain. Namun begitu, didapati cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti ini adalah dari segi kesedaran, pendidikan dan penerimaan yang sebenar dalam menyantuni mereka. Masih terdapat stigma dan salah faham terhadap individu dengan autisme, yang mengakibatkan diskriminasi dan halangan dalam interaksi sosial serta peluang pekerjaan. Oleh itu, usaha yang lebih komprehensif diperlukan dalam mendidik masyarakat tentang autisme dan kepentingan nilai ihsan dalam berinteraksi dengan komuniti ini. Kerjasama antara badan kerajaan dan juga bukan kerajaan adalah penting bagi merealisasikan matlamat Pembangunan lestari dapat tercapai. Dengan penglibatan semua pihak, ini akan memastikan keberkesanan program-program yang dilaksanakan serta memperkukuhkan lagi jaringan sokongan untuk komuniti autisme di Malaysia. Kesimpulannya, penghayatan nilai ihsan dalam pembangunan Malaysia MADANI bukan sahaja membawa manfaat kepada komuniti autisme, tetapi juga menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih inklusif, empatik, dan berdaya saing. Dengan komitmen bersama dari semua pihak, Malaysia mampu mencapai aspirasi sebagai negara yang makmur dan harmoni terutamanya dalam pembangunan kemudahan orang kurang upaya.

**Kata kunci:** komuniti autisme, matlamat pembangunan lestari, ihsan, inklusif

## **PENGENALAN**

Islam merupakan satu agama yang sempurna (*syumul*) dengan adanya sumber rujukan utama yang berpandukan dengan Al-Quran dan Al-Sunnah. Islam memelihara kesejahteraan manusia sejagat dalam pelbagai aspek kehidupan, sama ada dari segi mental, emosi, akhlak, sosial dan spiritual. Meskipun manusia berbeza dari segi bangsa, agama, kebolehan fizikal atau mental, lokasi geografi, adat, dan budaya, panduan yang disediakan oleh Islam memungkinkan umat manusia bekerjasama dalam menangani pelbagai cabaran dan perbezaan yang wujud akibat kepelbagaian ini, seperti mengamalkan prinsip toleransi (*tasamuh*) (Ali et al., 2021) dan sebagainya.

Menjadi satu kewajipan bagi seorang pemimpin, terutamanya dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan dalam negara dapat dikekalkan melalui corak kepimpinan dan pentadbiran yang jelas, terutamanya bagi mengetuai masyarakat yang pelbagai dan berbilang kaum. Enam nilai teras utama dalam pembangunan Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan, dilihat mampu mengekalkan keharmonian negara serta memastikan masyarakat mampu mencapai kemajuan di samping mengekalkan kesejahteraan hidup mereka (Ja'far, 2023).

Keenam-enam nilai ini sangat penting dalam memastikan kemakmuran negara dan mendapatkan kepercayaan antara kerajaan dengan masyarakat berbilang kaum dan bangsa. Dalam kertas kerja ini, penghayatan konsep ihsan akan dikupas dengan lebih mendalam bagi menyoroti isu-isu yang dihadapi oleh komuniti autisme di Malaysia dan bagaimana nilai teras Ihsan dari nilai teras Malaysia Madani ini dapat membantu dan menyokong komuniti ini untuk mampu bermandiri dalam masyarakat.

Nilai Ihsan dari perspektif Islam adalah cerminan kesempurnaan iman dalam diri individu, kerana antara ciri-ciri ihsan adalah ketaqwaan kepada Allah swt, berkasih sayang dan empati, dan sentiasa berperilaku mengikut etika Islam yang sebenar (Pamungkas, 2019). Komuniti autisme di Malaysia akan mendapat banyak manfaat hasil daripada penerapan nilai ihsan ini yang mana jika nilai tersebut diterapkan dalam penghasilan polisi dan pembangunan negara, ini secara langsung akan memastikan matlamat pembangunan lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dalam beberapa aspek akan dapat dicapai seperti SDG 3, SDG 4, SDG 5, SDG 8, SDG 10, SDG 11, SDG 16 dan SDG 17.

Kertas kerja ini juga akan membawa contoh-contoh implementasi atau solusi yang terhasil daripada penerapan sifat Ihsan dalam pembangunan Malaysia Madani yang berkaitan dengan komuniti autisme serta cabaran dan kelompangan yang masih wujud dan belum dapat ditangani lagi.

## **METODOLOGI**

Kertas kerja ini melibatkan analisis dokumen daripada pelbagai sumber primer dan sekunder yang bersesuaian dengan menekankan konsep ihsan serta prinsip-prinsip Islam lain yang bersesuaian dan kaitannya dengan komuniti autisme. Kajian ini melibatkan pencarian maklumat dalam pangkalan data akademik dan penyelidikan seperti Scopus, Science Direct, dan Google Scholar dengan menggunakan kata kunci seperti ihsan, adil, autisme, cabaran autisme dan beberapa kata kunci lain yang bersesuaian.



## **PRINSIP-PRINSIP ISLAM DALAM MENANYANTUNI AUTISME**

Konsep ihsan boleh difahami dari dua aspek utama iaitu sama ada (1) ihsan dalam beribadat kepada Allah swt dan (2) ihsan dalam menjalankan hak sesama makhluk. Apabila seseorang insan berperilaku ihsan, maka secara tidak langsung sebenarnya mereka telah mengamalkan beberapa konsep lain seperti adil, ikhlas dan lain-lain (Kadhim et al., 2017). Dua peringkat ihsan yang biasa dibicarakan adalah muraqabah dan musyahadah, yang mana musyahadah adalah peringkat yang paling tinggi berbanding muraqabah terutamanya dalam proses penyucian diri (*tazkiyatul al-nafs*) (Zainol et al., 2021).

## **INISIATIF/ MANFAAT PEMBANGUNAN PERSEKITARAN MESRA AUTISME**

Kewujudan individu dengan autisme sebenarnya merupakan satu rahmah dan peluang ganjaran yang diberikan Allah swt kepada individu tipikal atau normal, terutamanya apabila mereka berusaha untuk membantu golongan ini dalam meneruskan kehidupan mereka. Ini kerana, dengan usaha mereka untuk membantu komuniti autisme ini, akan membuka pintu kebajikan dan pahala yang dijanjikan Allah swt terutamanya apabila menolong individu yang lemah seperti autisme.

Hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn Amr ibn al-'As yang bermaksud "Orang yang bersifat kasihan, dikasihi oleh yang Maha Mengasihi. Kasihanilah mereka di Bumi, nescaya yang di langit akan mengasihi kamu" (Riwayat Abu Daud).

Antara inisiatif kerajaan dalam memastikan kesejahteraan komuniti autisme adalah dengan mempersiapkan pelbagai infrastruktur dan kemudahan yang boleh dirasai oleh individu dengan autisme mahupun ibu bapa mereka, seperti perkhidmatan pelancongan mesra-autisme, inisiatif persekitaran mesra autisme dan pelbagai lagi kemudahan-kemudahan yang lain.

## **CABARAN DALAM MENERAPKAN NILAI IHSAN DALAM PENSTRUKTURAN PERSEKITARAN MESRA AUTISME**

Namun begitu, didapati cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti ini adalah dari segi kesedaran, pendidikan dan penerimaan yang sebenar dalam menyantuni mereka. Masih terdapat stigma dan salah faham terhadap individu dengan autisme, yang mengakibatkan diskriminasi dan halangan dalam interaksi sosial serta peluang pekerjaan.

Oleh itu, usaha yang lebih komprehensif diperlukan dalam mendidik masyarakat tentang autisme dan kepentingan nilai ihsan dalam berinteraksi dengan komuniti ini. Kerjasama antara badan kerajaan dan juga bukan kerajaan adalah penting bagi merealisasikan matlamat pembangunan lestari dapat tercapai. Dengan penglibatan semua pihak, ini akan memastikan keberkesanan program-program yang dilaksanakan serta memperkukuhkan lagi jaringan sokongan untuk komuniti autisme di Malaysia.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, penghayatan nilai ihsan dalam pembangunan Malaysia MADANI bukan sahaja membawa manfaat kepada komuniti autisme, tetapi juga menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih inklusif, empatik, dan berdaya saing. Dengan komitmen bersama dari semua pihak, Malaysia mampu mencapai aspirasi sebagai negara yang makmur dan harmoni terutamanya dalam pembangunan kemudahan orang kurang upaya.

## PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian dapatan geran Bantuan Khas Penyelidikan- Early Career Researcher (BKP-ECR) 2023 (Nombor Projek: BKP025-2023-ECR) yang dianugerahkan daripada Universiti Malaya dan telah mendapat kelulusan daripada pihak Universiti Malaya Research Ethic Committee (Nombor rujukan: UM.TNC2/UMREC\_3708).

## RUJUKAN

- Ali, S., Hamzah, M. I., Lubis, M. A., Yusnaldi, E., Ikwan Lubis SE, M. M., & Taib, S. H. (2021). Prinsip Toleransi Islam Dalam Menangani Konflik Kepelbagaian Kaum di Malaysia. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (Acer-J)*. eISSN2600-769X, 4(2), 142-168.
- Ja'afar, S. (2023). Fungsi Leksikal Enam Teras dalam Naratif Baru Kerajaan Malaysia Madani Dari Perspektif Pengajian Melayu. *SEBAHTERA* 2023, 24.
- Kadhim, A. S., Ahmad, S. B., Owoyemi, M. Y., & Ahmad, M. (2017). Islamic ethics: The attributes of Al-Ihsan in the Quran and its effects on muslim morality. *International Journal of Business and Social Science*, 8(11), 2219-1933.
- Pamungkas, D. D. (2019). *Konsep Ihsan Dalam Al-Qur'an Perspektif Tasawuf* (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung)
- Zainol, N. Z. N., Mustapaha, A. S., Mohammad, C. A., Mohamed, N. K., & Saad, M. F. M. (2021). The Propose on Tazkiyah Al-Nafs Approach by Sheikh Said Hawwa for Women Rehabilitation Centre. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11, 427-438.

**PENGLIBATAN PIHAK BERKUASA KESELAMATAN BERSAMA KOMUNITI  
TEMPATAN DALAM MENANGANI JENAYAH DADAH:  
KAJIAN KES DI JINJANG, KUALA LUMPUR**

\*Mohd Syahril Said, Muhammad Allif Zahidi Azmi  
*Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia*  
Emel: \*md.syahril@uum.edu.my, allifzahidi06@gmail.com

**ABSTRAK**

Kertas kerja ini membincangkan aspek penglibatan pihak berkuasa keselamatan bersama-sama dengan komuniti tempatan dalam menangani jenayah dadah di Jinjang, Kuala Lumpur. Statistik kadar jenayah dadah di Kuala Lumpur adalah tinggi iaitu mencatatkan 6,367 kes pada tahun 2022 dengan Daerah Sentul merekodkan 1,844 kes jenayah dadah merupakan antara jumlah yang tertinggi di Kuala Lumpur. Situasi ini semestinya memberikan impak negatif terhadap keselamatan dan kesejahteraan masyarakat setempat. Sehubungan itu, objektif kajian dalam kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti isu dan permasalahan berlakunya peningkatan kes jenayah dadah di Kuala Lumpur, kesan terhadap penduduk setempat dan mengkaji peranan serta penglibatan pihak berkuasa tempatan serta komuniti tempatan dalam menangani jenayah dadah yang berlaku di persekitaran tempat tinggal mereka khususnya di kawasan Jinjang dalam Daerah Sentul dijadikan sebagai kajian kes. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan komuniti yang aktif melalui program kesedaran dan pendidikan serta kerjasama erat dengan pihak berkuasa keselamatan adalah kunci dalam mengurangkan penagihan dadah dan meningkatkan keselamatan komuniti. Kajian juga mengesyorkan penambahbaikan dalam strategi penglibatan komuniti dan peranan agensi keselamatan untuk impak yang lebih berkesan dan berpanjangan terhadap aktiviti mengurangkan kadar kes jenayah dadah di Kuala Lumpur.

**Kata kunci:** Penglibatan Komuniti, Jenayah Dadah, Pihak Berkuasa Keselamatan

**PENGENALAN**

Penagihan dadah di Malaysia telah menjadi isu berterusan selama beberapa dekad. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaporkan terdapat 130,000 penagih dadah berdaftar di Malaysia pada tahun 2022. Penagihan dadah menyumbang kepada pelbagai isu kesihatan, termasuk penularan penyakit berjangkit seperti HIV/AIDS dan Hepatitis C. Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) juga melaporkan bahawa pada tahun 2022, 70% jangkitan HIV baharu dikaitkan dengan penggunaan dadah (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022).

Statistik menunjukkan Daerah Sentul yang merupakan kawasan kajian menunjukkan peningkatan statistik penagihan dadah daripada tahun 2021 ke tahun 2022 iaitu daripada 1740 penagih dadah kepada 1844 kes baharu (Jadual 1). Kesan peningkatan penagihan dadah ke atas komuniti adalah mendatangkan masalah besar kepada masyarakat atau komuniti setempat berikutan peningkatan jenayah berkaitan dadah yang boleh mengancam keselamatan komuniti yang terlibat.

Jadual 1: Statistik Penyalahgunaan Dadah Dan Penagih Dadah Di Kuala Lumpur

Jadual 1: Statistik Penyalahgunaan Dadah dan Penagih Dadah Di Kuala Lumpur					
Daerah pentadbiran	2018	2019	2020	2021	2022
W.P. Kuala Lumpur	8,441	8,410	7,117	5,888	6,367
Brickfield	1,015	1,323	927	845	833
Cheras	2,365	1,611	1,541	1,592	1,874
Dang Wangi	2,527	2,233	2,027	1,455	1,407
Sentul	2,198	2,896	2,316	1,740	1,844
W.P. Putrajaya	336	347	306	256	409

*Sumber: Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2024*

Justeru, berhubungan jumlah kes jenayah penagihan dadah yang semakin meningkat di Kuala Lumpur, objektif kajian adalah bertujuan mengkaji kesan pemasalahan jenayah dadah terhadap komuniti tempatan Kuala Lumpur dan menganalisis tahap penglibatan komuniti bersama dengan pihak berkuasa keselamatan terutamanya PDRM dalam menangani isu dan permasalahan jenayah akibat penagihan dadah.

## **METODOLOGI KAJIAN**


Kajian dilaksanakan secara tinjauan soal-selidik ke atas komuniti penduduk Flat Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar kawasan Jinjang yang terletak di daerah Sentul, Kuala Lumpur yang merupakan kawasan yang dilabel antara 'kawasan panas' yang mempunyai jumlah kes tangkapan aktiviti jenayah melibatkan penagihan dadah.

## **PERBINCANGAN**

Hasil dapatan kajian adalah tertumpu kepada tiga aspek untuk yang ditetapkan dalam objektif kajian iaitu kesan jenayah penagihan dadah ke atas komuniti, tahap penglibatan komuniti dalam membanteras aktiviti penagihan dadah dan bentuk kerjasama yang berkesan di antara komuniti setempat dengan pihak berkuasa keselamatan iaitu PDRM dalam menanganis isu penagihan dadah secara bersama.

### **1. Kesan Penagihan Dadah Terhadap Komuniti**


Persekitaran sosial di kawasan berpendapatan rendah seperti perumahan flat mempengaruhi kadar penyalahgunaan dadah. Kajian mendapati bahawa keadaan hidup yang buruk, kekurangan peluang pendidikan, dan akses terhad kepada penjagaan kesihatan menyumbang kepada kadar penyalahgunaan dadah yang lebih tinggi. Hasil kajian juga menunjukkan kesan utama akibat penagihan dadah ke atas komuniti adalah peningkatan kadar jenayah dan ancaman keselamatan ke atas penduduk setempat. Selain itu, isu berkaitan masalah sosial juga berlaku seperti pergaduhan, kesan ke atas kesihatan mental dan juga gangguan ketenteraman awam (Rajah 1).



Rajah 1: Kesan Penagihan Dadah Ke Atas Komuniti

## 2. Aktiviti Dan Penglibatan Komuniti Dalam Menangani Masalah Jenayah Penagihan Dadah


Persatuan penduduk memainkan peranan penting dalam pencegahan jenayah melalui keterlibatan masyarakat, pengawasan, dan kerjasama dengan jabatan keselamatan tempatan. Hasil kajian mendapati penglibatan komuniti setempat dalam mencegah aktiviti penagihan dadah boleh mengurangkan risiko ancaman ke atas komuniti dan menurunkan jumlah kes jenayah akibat penagihan dadah melalui kekerapan aktiviti rondaan keselamatan, program kesedaran mengenai bahaya dadah dan keaktifan persatuan penduduk aktiviti-aktiviti yang berkaitan kawalan keselamatan penduduk (Rajah 2)



Rajah 2: Aktiviti dan Penglibatan Komuniti Dalam Mencegah Penagihan Dadah

## 3. Kerjasama Di Antara Komuniti Dengan Pihak Berkuasa Keselamatan

Kajian juga mendapati, hasil kerjasama dan hubungan yang baik di antara komuniti tempatan, persatuan penduduk dan pihak berkuasa keselamatan seperti PDRM adalah amat penting dalam memastikan usaha pencegahan aktiviti penagihan dadah dan jenayah berkaitannya dapat dikurangkan (Rajah 3).



Rajah 3: Keperluan Kerjasama

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian mendapati penglibatan komuniti yang aktif melalui program kesedaran dan pendidikan serta kerjasama erat dengan pihak berkuasa keselamatan adalah kunci dalam mengurangkan penagihan dadah dan meningkatkan keselamatan komuniti.

## RUJUKAN

- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). (2022). *Statistik ketagihan dadah*. <https://www.adk.gov.my/en/public/drug-statistics>. Dicapai pada 13 Mei 2024.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2022). *Laporan statistik kesihatan tahunan*. <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/58>. Dicapai pada 13 Mei 2024.

## **PERANAN NGO DALAM MEMPERKASA KOMUNITI MISKIN BANDAR MELALUI PROGRAM BANTUAN MAKANAN: SATU KAJIAN KES DI CHOW KIT**

\*Akhmal Ayob, Choo Yeong Khong, Hasmiza Idris

*Centre of General Studies, HELP University*

Emel: \*akhmal.ayob@help.edu.my, yk.choo@help.edu.my, hasmiza.i@help.edu.my

### **ABSTRAK**

Hak untuk makanan merupakan hak asasi manusia untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan. Ketidajaminan makanan merupakan masalah yang mendesak, terutamanya dalam kalangan gelandangan yang menghadapi halangan besar dalam mendapatkan makanan yang mencukupi dan berkhasiat. Namun, sejauh manakah golongan gelandangan yang sering menghadapi masalah kemiskinan dan ketidajaminan makanan, mendapat perhatian daripada pihak berkuasa dan masyarakat umum? Kajian yang menumpukan kepada gelandangan dan ketidajaminan makanan di kawasan bandar masih terhad. Badan bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan penting dalam menangani isu ini dengan menawarkan program bantuan makanan kepada gelandangan. Kertas kerja ini membincangkan pelaksanaan program bantuan makanan yang dijalankan oleh salah sebuah NGO yang dikenali Food4U. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, dengan data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur dengan tujuh informan gelandangan di Chow Kit, Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa program bantuan makanan sangat membantu dalam meningkatkan tahap keterjaminan makanan. Kajian ini penting dalam menyumbang kepada wacana berterusan tentang gelandangan dan keterjaminan makanan, serta menawarkan cadangan yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan dan NGO untuk meningkatkan keberkesanan program bantuan makanan pada masa akan datang.

**Kata kunci:** Program bantuan makanan, gelandangan, kemiskinan, ketidajaminan makanan, NGO

### **PENGENALAN**

Hak untuk makanan merupakan hak asasi manusia untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan. Ketidajaminan makanan merupakan masalah yang mendesak, terutamanya dalam kalangan gelandangan yang menghadapi halangan besar dalam mendapatkan makanan yang mencukupi dan berkhasiat. Namun, golongan gelandangan yang sering menghadapi masalah kemiskinan dan ketidajaminan makanan masih kurang mendapat perhatian daripada pihak berkuasa dan masyarakat umum. Kajian yang menumpukan kepada gelandangan dan ketidajaminan makanan di kawasan bandar masih terhad. Saharudin et al. (2023) menyatakan bahawa peningkatan dalam peruntukan perbelanjaan pembangunan dalam Bajet 2023 untuk menangani isu kemiskinan tidak menunjukkan satu hubung kait yang konkrit ke arah kejayaan pembasmian isu kemiskinan. Oleh itu, perancangan bajet secara strategik diperlukan bagi menjamin pembahagian saksama (*equitable distribution*) untuk membantu golongan rentan dalam semua sektor (Saharudin et al, 2023).

Badan bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan penting dalam menangani isu ini dengan menawarkan program bantuan makanan kepada gelandangan. Kertas kerja ini

membincangkan pelaksanaan program bantuan makanan yang dijalankan oleh salah sebuah NGO yang dikenali Food4U. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, dengan data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur dengan tujuh informan gelandangan di Chow Kit, Kuala Lumpur. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa program bantuan makanan sangat membantu dalam meningkatkan tahap keterjaminan makanan. Kajian ini penting dalam menyumbang kepada wacana berterusan tentang gelandangan dan keterjaminan makanan, serta menawarkan cadangan yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan dan NGO untuk meningkatkan keberkesanan program bantuan makanan pada masa akan datang.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka peranan NGO dalam memperkasa komuniti miskin bandar melalui program bantuan makanan di Chow Kit, Kuala Lumpur. Tujuh orang informan yang terlibat dalam kajian ini telah dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur dan pemerhatian tidak turut serta. Analisis tematik digunakan untuk menganalisis data kajian.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian ini telah mengenalpasti dua faktor utama yang menyebabkan gelandangan dan kemiskinan bandar di Chow Kit iaitu kehilangan kerja dan menghadapi penyakit serta kecelakaan. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kesan program pengagihan makanan termasuk meringankan bebanan kehidupan dan mengurangkan masalah kemurungan dalam kalangan gelandangan yang menghadapi kemiskinan.

### **Faktor Gelandangan dan Kemiskinan Bandar**

#### **Kehilangan kerja**

*“Banyak syarikat saya pergi temu duga...dia menolak kerana umur 50 ke atas...agak susah kerana peluang pekerjaan tiada kepada banyak orang selepas PKP...macam buat (pekerjaan) online itu saya rasa saya tak boleh nak absorb...saya tak boleh nak hadap macam very stress bila buat online business, online Zoom lah, kelas-kelas online tu saya tak boleh terima sebab saya bukan kerja online, saya kerja service. Macam saya jadi tour guide, saya travel...jadi nak saya tukar pekerjaan baru susah nak dapat...” (P1, Perempuan, 53 tahun)*

*“Bantuan sara hidup tak dapat, bantuan rumah pun tak dapat...tak tahu apa sebab...sebab saya umur dah meningkat, mana orang nak ambil kerja kan...kalau umur dah 60 lebih macam tu...kerja yang berat pun tak boleh” (P2, Perempuan, 60 tahun)*

#### **Menghidapi penyakit dan kecelakaan**

*“Saya mengalami kemalangan jalan raya tahun lepas...selepas rawatan, semua wang saya sudah habis...kemudian saya datang NGO ini...saya masih boleh bekerja tapi tiada sesiapa yang ambil saya sebab umur saya. Jadi saya bergantung kepada NGO ini untuk mendapatkan makanan. Walaupun tak banyak, tapi saya berterima kasih kerana ia telah menyelesaikan masalah makanan saya...” (P3, Lelaki, Umur tidak diketahui)*

Gelandangan dan kemiskinan bandar merupakan isu sosial yang kompleks. Hussin et al. (2018) menyatakan bahawa urbanisasi yang pesat menyebabkan peningkatan populasi bandar yang tidak seimbang dengan peluang pekerjaan dan perumahan yang mencukupi,



menyumbang kepada kemiskinan bandar. Kekurangan perumahan yang selamat, terjamin, dan mampu milik menyebabkan individu terpaksa tinggal di jalan atau tempat perlindungan sementara (Kamis & Selamat, 2014). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Jasni et al. (2021) yang menunjukkan bahawa kehilangan pekerjaan dan pendapatan adalah faktor utama gelandangan, terutamanya semasa krisis ekonomi atau pandemik seperti COVID-19. Kekurangan pendidikan dalam kalangan miskin bandar juga menghalang mereka daripada mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan meningkatkan taraf hidup mereka (Jasni et al., 2022). Hal ini bertambah buruk apabila stigma dan diskriminasi terhadap golongan gelandangan menghalang mereka daripada mendapatkan bantuan dan sokongan yang diperlukan untuk keluar dari kitaran gelandangan (Oria et al., 2014).

## **Kesan Program Pengagihan Makanan**

### **Meringankan bebanan kehidupan**

*“Makanan yang diberi dekat sini setiap hari boleh cover kelangsungan hidup...sebab saya memang hanya terima RM500 satu bulan daripada Baitumal untuk bayar bilik sewa saya...dan makanan harian saya memang ambil dekat sini.” (P1, Perempuan, 53 tahun)*

*“Bantuan makanan banyak membantu dalam mengurangkan perbelanjaan hidup saya...jimat banyak duit...kerana saya bukan saja menerima bantuan makanan dari sini, saya juga ambil dari Medan Tuanku, dan juga NGO Kechara di Jalan Imbi.” (P4, Perempuan, 66)*

*“Dengan bantuan makanan ini, ia sangat membantu...kalau balik kerja, penat, ambil nasi terus balik...tapi sekarang saya tak kerja lagi.” (P5, Perempuan, 57)*

*“Masa tu saya memang tidak ada duit langsung dalam poket. Memang habuk pun tak ada, yang ada pun satu ringgit sahaja... masa tu saya nak beli susu anak pun tak ada duit...nak beli pampers pun tak ada duit...baguslah ada NGO macam ni boleh mengurangkan beban kami yang tidak berkemampuan.” (P6, Lelaki, Umur tidak diketahui)*

### **Mengurangkan masalah kemurungan**

*“Saya tinggal sendiri saja, anak-anak saya sudah berpindah keluar...oleh itu saya datang sini, memang ramai orang datang sini...saya tak kisah lah, saya dah hampir mati, sudah kena kanser tahap empat...saya hanya jalan-jalan di rumah, anak-anak tidak mempedulikan saya...saya pergi mana-mana saja asalkan gembira, doktor pun kata macam tu juga...” (P7, Perempuan, Umur tidak diketahui)*

*“Perlu ada pusat untuk warga emas mengadakan aktiviti bersama...bukan sekadar beri makanan...makanan perlu, tapi aktiviti bersama dan aktiviti kaunseling kepada warga emas...supaya mereka gembira di akhir usia...Jangan simpan sendiri masalah...” (P1, Perempuan, 53 tahun)*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa program pengagihan makanan memainkan peranan penting dalam meringankan bebanan kehidupan dan mengurangkan masalah kemurungan dalam golongan gelandangan yang sering menghadapi kemiskinan. Kos hidup yang tinggi di bandar menyebabkan golongan berpendapatan rendah sukar untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, perumahan, dan kesihatan (Ahad et al., 2023). Pendapatan yang

tidak mencukupi untuk menampung kos hidup di bandar menyumbang kepada kemiskinan bandar. Keruntuhan institusi kekeluargaan seperti kematian atau kehilangan ahli keluarga, perceraian, dan konflik keluarga menyumbang kepada gelandangan, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja (Jasni et al., 2022).

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Gelandangan dan kemiskinan bandar merupakan isu sosial yang kompleks. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan, cabaran masih wujud, dan memerlukan pendekatan yang komprehensif untuk menangani isu-isu ini dengan berkesan serta memerlukan kerjasama dengan NGO, justeru tinjauan keberkesanan program NGO perlu juga dipantau. Terdapat bukti yang ketara hasil dari pemerhatian, peluang untuk berkumpul semasa program pengedaran makanan adalah tempat untuk komuniti beramah mesra, bertemu dan bertanya khabar. Kajian yang lebih mendalam dan memberi fokus kepada kalangan komuniti tersebut adalah amat diperlukan bagi memberikan data yang terkini dan pemahaman yang jitu tentang isu yang dihadapi oleh golongan tersebut. Malaysia Madani menekankan keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat. Penglibatan NGO dan masyarakat dalam pemeraksanaan komuniti miskin bandar dan gelandangan adalah bertepatan dengan nilai teras Malaysia Madani supaya tiada mana-mana pihak ditinggalkan.

## **PENGAKUAN**

Kami mengucapkan terima kasih kepada pihak Food4U atas bantuan murni mereka dan para informan yang telah menyumbang kepada kejayaan kajian ini.

## **RUJUKAN**

- Ahad, R., Ismail, K., & Radzi, Z. M. (2023). Urban poverty and life well-being among lower-ranking police officers: An exploratory study in Kuala Lumpur. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 19(3), 90-103.
- Hussin, M. F. A., Salleh, M. A., Hehsan, A., & Junaidi, J. (2018). The roles of non-state actors in eradicating poverty in Malaysia. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 175(1), 012166.
- Jasni, M. A., Hassan, N., Ibrahim, F., Kamaluddin, M. R., & Nasir, N. C. M. (2022). Assessing the types of rehabilitation and care for the homeless in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), e001414.
- Kamis, B. A., & Salamat, N. L. A. (2014). A study on factors contribute to homelessness issue in Malaysia: A case study at Anjung Singgah YKN in Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/14856/>
- Oria, P. A. S., Ahmad, N., & Hamsan, H. H. (2014). NGOs and the homelessness in Kuala Lumpur: Towards moralistic trust. *Jati-Journal of Southeast Asian Studies*, 19, 117-127.
- Saharudin, Y., Law, S. H., Norashidah, M. N., & Wana, I. N. (2023). Effects of government expenditure on the poverty level: A nonlinear ARDL approach. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 60(1), 45-67.

## **PERANAN SPIRITUALITI DALAM MEMAKNAKAN KECEMERLANGAN MASYARAKAT MADANI**

Ratna Roshida Ab Razak

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia*

Emel: ratna\_razak@upm.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini meneroka peranan spiritualiti dalam membentuk kecemerlangan masyarakat madani. Ia bertujuan untuk mengenal pasti bagaimana nilai-nilai spiritual menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang harmoni, beretika, dan berdaya saing. Menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen, kajian mendapati bahawa spiritualiti berfungsi sebagai asas etika yang memandu pembuatan keputusan dan tindakan individu. Penemuan menunjukkan bahawa spiritualiti memainkan peranan penting dalam memberi makna kepada kecemerlangan masyarakat dengan memupuk kepekaan terhadap hubungan dengan Tuhan, diri sendiri, orang lain, dan alam sekitar. Kajian ini menekankan kepentingan mengintegrasikan nilai-nilai spiritual dalam kehidupan seharian untuk mencapai kecemerlangan yang bukan sahaja bersifat material tetapi juga dipenuhi dengan roh, makna, tujuan, dan nilai.

**Kata kunci:** Spiritualiti, Kecemerlangan, Masyarakat Madani, Nilai, Kesejahteraan

### **PENGENALAN**

Kecemerlangan masyarakat madani bukan hanya diukur melalui pencapaian material dan ekonomi, tetapi juga melalui nilai-nilai spiritual yang membentuk karakter dan adab individu. Dalam konteks ini, spiritualiti memainkan peranan penting dalam memaknakan kecemerlangan masyarakat madani. Kajian ini bertujuan untuk meneroka peranan spiritualiti dalam membentuk kecemerlangan masyarakat madani dan mengenal pasti bagaimana nilai-nilai spiritual dapat menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang harmoni, beretika, dan berdaya saing.

### **KAEDAH**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data melalui analisis dokumen. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan teknik analisis tema untuk mengenal pasti corak dan hubungan antara spiritualiti dan kecemerlangan masyarakat.

### **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa spiritualiti berfungsi sebagai asas etika yang memandu individu dalam membuat keputusan dan bertindak. Masyarakat yang memiliki spiritualiti ialah mereka yang memiliki makna, tujuan dan nilai. Individu sedemikian lebih peka terhadap hubungan mereka dengan Tuhan, diri sendiri, orang lain, dan alam sekitar.

Spiritualiti, yang ditakrifkan sebagai pemilikan makna, tujuan, dan nilai berdasarkan pandangan alam individu, mengukuhkan empat hubungan asas manusia: dengan Tuhan, diri sendiri, orang lain, dan alam, yang digerakkan oleh organ HATI. Pendekatan holistik terhadap spiritualiti ini menyumbang secara signifikan kepada pembangunan masyarakat madani yang bukan sahaja makmur dari segi material tetapi juga berasaskan etika dan bertanggungjawab sosial.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Kajian ini mengesahkan bahawa spiritualiti memainkan peranan penting dalam memberi makna kepada kecemerlangan masyarakat. Dengan mengintegrasikan nilai-nilai spiritual dalam kehidupan seharian, masyarakat dapat mencapai kecemerlangan yang bukan sahaja bersifat material tetapi juga mempunyai roh, makna, tujuan, dan nilai. Oleh itu, adalah penting untuk mempromosikan kesedaran tentang kepentingan spiritualiti dalam usaha membina masyarakat Malaysia yang madani, sejahtera dan harmoni. Kajian masa depan boleh meneroka cara-cara praktikal untuk menerapkan nilai-nilai spiritual dalam pelbagai sektor masyarakat, termasuk pendidikan, tadbir urus, dan perniagaan, untuk meningkatkan lagi pembangunan masyarakat madani yang benar-benar cemerlang.

## **PENGHARGAAN**

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana menyediakan dana melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan nombor rujukan FRGS/1/2021/SSI0/UPM/02/1. Abstrak lanjutan ini merupakan salah satu penerbitan yang dihasilkan sebagai sebahagian daripada proses menyiapkan kajian asal yang dibiayai oleh geran ini.

## **RUJUKAN**

- Adeng Machtar. (2005). *Pemikiran Islam Kontemporer: Suatu Refleksi Keagamaan yang Dialogis*. Pustaka Setia.
- Al-Darini, A. A. (2008). *Terapi Menyucikan Hati*. Bandung: Pustaka Mizan.
- Elbers, J., & McCraty, R. (2020). HeartMath approach to self-regulation and psychosocial well-being. *Journal of Psychology in Africa*, 30(1), 69-79. DOI: 10.1080/14330237.2020.1712797
- Gulen, F. (2013). *Tasawuf Untuk Kita Semua*. (F. S. Nur, Trans.). Republika.
- Hamza, Y. (2001). *Agenda to Change Our Condition*. Hayward, CA: Zaytuna Institute.
- Helminski, K. (1999). *The Knowing Heart: A Sufi Path of Transformation*. Boston, MA: Shambhala Publications.
- Mushtaq, A. (2015). *The Intelligent Heart, The Pure Heart: An Insight into Heart on the Quran, Sunnah and Modern Science*. Taha Publisher
- Muvid, M. B. (2020). *Tasawuf Kontemporer*. Penerbit Amzah.
- Razak, R. R. (2020, May 22). *Spirituality for Human Civilization in the 21st Century: A Conceptual Review*. Available at SSRN: <https://ssrn.com/abstract=3607655> or <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3607655>

- Syukur, M. A. (2006). *Tasawuf Bagi Orang Awam: Menjawab Problem Kehidupan [Sufism for the Layman: Answering Life's Problems]*. Pustaka Pelajar.
- Weinstein, N. (2009). Can nature make us more caring? Effects of immersion in nature on intrinsic aspirations and generosity. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 35, 1315.
- Malay Mail, 14 September 2023

## PERSAMAAN TEORI KITARAN IBN KHALDUN DAN MALEK BENNABI DALAM ASPEK INTELEKTUAL-DALAMAN

Abdul Qayuum Abdul Razak<sup>1 2</sup>, Adlina Ab. Halim<sup>1</sup>, Zaid Ahmad<sup>1</sup>, Normala Othman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Emel: adlina@upm.edu.my

### ABSTRAK

Malek bennabi dan Ibn Khaldun merupakan dua tokoh falsafah yang membicarakan isu ketamadunan dunia Islam. Kedua-dua tokoh dilihat mempunyai persamaan dalam pendekatan teori kitaran sejarah. Persamaan tersebut boleh dilihat dalam aspek pemikiran kedua tokoh ketika membahaskan teori mereka. Oleh itu, matlamat kajian ialah menganalisis persamaan teori kitaran Ibn Khaldun dan Malek Bennabi dalam aspek intelektual. Pengkaji menggunakan metodologi metateori *Mu (Metatheorizing of Understanding)* Ritzer untuk menganalisis aspek persamaan intelektual-dalaman kedua teori. Untuk ini, tiga teknik kajian digunakan dalam artikel iaitu analisis kandungan, analisis sejarah dan analisis komparatif. Dapatan persamaan boleh dilihat di mana kedua-dua teori menggunakan konsep dan alat analisis yang sama, kedua mereka menerapkan falsafah atau pandangan alam Islam, dan ketiga ialah bahan kajian (*substance*) kedua teori ialah manusia seperti sifat dan karakter.

**Kata kunci:** Ibn Khaldun, Malek Bennabi, teori kitaran, perkembangan tamadun, metateori

### PENDAHULUAN

Falsafah sejarah dan tamadun ialah satu bentuk ilmu yang bertujuan untuk memahami hakikat dan realiti sejarah masa lalu. Sejak dari zaman Aristotle hingga kini, ilmu falsafah sejarah mengalami perubahan mengikut perkembangan zaman. Setiap tokoh falsafah cuba untuk mengemukakan idea dan pendekatan tertentu untuk menjelaskan hujah masing-masing mengenai sejarah. Oleh itu, terdapat sekurang-kurangnya dua sekolah pemikiran dalam kajian ilmu falsafah sejarah iaitu kitaran dan linear. Bagi pendukung teori kitaran pula, terdapat dua tokoh Muslim yang terkenal dalam sejarah iaitu Ibn Khaldun dan Malek Bennabi. Pada pertengahan abad ke-14 Masihi, Ibn Khaldun yang juga dikenali sebagai pengasas ilmu sejarah moden membentuk teori kitaran menerusi bukunya *Muqaddimah*. Dalam bukunya, beliau memperkenalkan *'ilm al-'umran* iaitu ilmu baharu yang berdiri sendiri yang bertujuan menganalisis sejarah dengan logik dan lebih komprehensif. Pada pertengahan abad ke-20 Masihi pula, muncul Malek Bennabi dengan mengentengahkan teori yang sama tetapi membawa sudut pandang dan pendekatan tersendiri bagi memahami sejarah. Dari sudut kajian ini, pengkaji mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kedua teori kitaran tersebut. Hubungan yang dimaksudkan ialah kedua tokoh menggunakan alat analisis sejarah yang sama iaitu 'sifat dan karakter manusia'. Kedua tokoh melihat bahawa perubahan berlaku dalam diri manusia dan ia berbeza dari satu peringkat dengan peringkat yang lain. Hubungan ini disebut oleh pengkaji kontemporari seperti Bariun (1993) dan Berghout & Berghout (2015) yang menyatakan sememangnya ada persamaan jelas antara kedua teori kitaran Ibn Khaldun dan Malek Bennabi. Kenyataan ini mencetuskan persoalan iaitu apakah persamaan daripada kedua teori tokoh tersebut? Oleh itu, kajian ini bermatlamat untuk

menganalisis persamaan antara teori kedua tokoh.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian yang digunakan ialah meta-teori *Mu* menurut dimensi intelektual-dalaman. Setiap dimensi ini mempunyai prinsip tertentu seperti paradigma kognitif, sekolah pemikiran, perubahan dalam paradigma, alat-alat metateori dan teori-teori (Ritzer, 1990 & 2001). Sumber primer yang dikaji ialah *Muqaddimah* karya Ibn Khaldun dan *Shurut al-Nahdah, Islam in History and Society* serta *On the Origins of Human Society* karya Malek Bennabi. Untuk itu, kajian akan menerapkan tiga teknik iaitu analisis kandungan, analisis sejarah dan analisis komparatif.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan menunjukkan dari sudut persamaan intelektual-dalaman, pengkaji mendapati persamaan pertama antara keduanya ada pada konsep dan alat analisis yang digunakan. Sebagai contoh, Berghout (2015) menyebut persamaan ini ialah apabila Bennabi menerapkan konsep yang lebih kurang sama dengan Ibn Khaldun iaitu antara konsep '*asabiyyah*' dan konsep hubungan sosial (*social relation*). Konsep yang digunakan Bennabi menjelaskan bagaimana kekuatan kerjasama antara masyarakat menjadi faktor penting kepada jatuh naik tamadun. Semakin kuat hubungan dan kerjasama antara mereka, maka semakin baik tamadun yang dibina. Konsep '*asabiyyah*' ialah rasa kekitaan dalam sesebuah kumpulan. Bennabi menerapkan konsep jaringan sosial antara masyarakat dengan penjelasan beliau tersendiri. Beliau menerapkan konsep '*asabiyyah*' ini ke dalam konsep sosiologi moden bagi menggambarkan kekuatan kerjasama antara masyarakat (Benlahcene, 2013).

Aspek kedua dalam bahagian ini pula ialah kedua-dua tokoh menerapkan pandangan alam Islam (*Islamic world-view*) dalam pendekatan mereka. Selain kedua-dua tokoh merupakan Muslim, pengaruh ini dilihat begitu jelas dalam kenyataan-kenyataan mereka. Ibn Khaldun menyatakan agama merupakan pemangkin dan penguat kepada '*asabiyyah*' dalam kalangan masyarakat Muslim semasa zaman Nabi SAW. Begitu juga, untuk menyebarkan dakwah agama, seseorang itu hendaklah mempunyai '*asabiyyah*' dari pengikut-pengikut untuk memudahkan urusan tersebut. Ibn Khaldun (t.th.) menyebut "*anna al-da'wah al-diniyyah min ghayr 'asabiyyah la tatimm*" yang bermaksud dakwah agama tidak berjaya tanpa adanya '*asabiyyah*'. Bukan itu sahaja, di perenggan ayat-ayat ditulis Ibn Khaldun, beliau meletakkan perkataan seperti "*wa Allahu 'alam*" (Allah Maha Mengetahui), "*wa ma utitum min al-'ilmi illa qalila*" (tidaklah diberikan kepada manusia dari Allah itu kecuali ilmu yang sedikit), "*a'ta kulli shayi' khalqahu thumma hada*" (Allah memberi petunjuk kepada hamba-hamba-Nya) dan seumpamanya (Ibn Khaldun, t.th.). Pada pandangan Bennabi, agama merupakan falsafah hidup dan mempunyai peranan utama dalam teorinya. Buku pertamanya iaitu *al-Zahirat al-Qur'aniyyah* (Fenomena al-Quran) ialah panduan dan visi Bennabi. Buku ini menjelaskan bagaimana al-Quran merupakan ayat yang penting untuk ditafsir semula menurut konteks semasa. Penulisan beliau dalam buku ini menjelaskan secara tuntas falsafah agama dalam ke semua karya-karya yang kemudian.

Aspek ketiga yang menjadi persamaan intelektual ialah bahan kajian (*substance*) kedua teori iaitu manusia, karakter dan sifatnya. Dalam kedua-dua karya kedua tokoh, manusia merupakan agen utama jatuh bangun sesebuah negara atau tamadun (Ibn Khaldun, t.th.; Bennabi, 1998 & 2007). Dari sejak penciptaan dan biologinya, manusia tidak lari dari

dikaitkan dengan fitrah kejadian. Dalam sejarah Islam, kelahiran manusia pertama iaitu Adam AS dikaitkan dengan keingkaran baginda kepada larangan Allah SWT untuk memakan buah larangan dan mereka diturunkan ke dunia. Begitu juga pada zaman Nabi Musa AS, beliau menghadapi cabaran dari Firaun yang sombong dan berbuat kejahatan kepada mereka yang menentanginya. Perangai dan sifat sombong ini merupakan perkara pokok yang ada pada semua manusia di dunia hingga kini. Sifat buruk ini tidak hilang dalam hidup manusia hingga bila-bila. Dalam *Muqaddimah*, Ibn Khaldun menyebut tentang sifat zalim, tamak dan dengki antara sifat jahat manusia. Kejatuhan *dawlah* juga dipengaruhi oleh faktor atau sifat manusia yang mementingkan diri. Beliau sendiri sering dicemburui dan difitnah ketika hidupnya (antaranya ketika memegang jawatan *qadi* di Mesir) (Ibn Khaldun, 1979). Dalam karya Bennabi, beliau menyebut tentang bagaimana kejatuhan tamadun itu berkait dengan sifat manusia yang tidak lagi berpegang kepada ajaran agama (Bennabi, 1987 & 2006). Budaya Islam yang diajar Nabi SAW tidak lagi dihayati oleh umat Islam, natijahnya mereka tidak bersatu atas nama agama. Budaya Nabi SAW antaranya menjalin kerjasama dan bersatu antara masyarakat dalam melakukan sesuatu arahan wahyu tidak diamalkan. Dalam aspek psikologi, umat Islam pasca-al-Muwahhidun tidak lagi dikuasai oleh *ruh* nya, tetapi lebih kepada 'naluri'. Mereka tidak lagi mampu bereaksi dengan agama sepenuhnya dan menatijahkan tamadun yang mundur (Bennabi, 1987, 1998 & 2007).

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Kesimpulannya, terdapat tiga persamaan intelektual-dalaman antara teori kitaran Ibn Khaldun dan Bennabi. Pertama, kedua-duanya menggunakan konsep dan alat analisis yang serupa, seperti konsep '*asabiyyah*' dan hubungan sosial yang menekankan pentingnya kerjasama dalam masyarakat untuk kejayaan tamadun. Bennabi menerapkan konsep ini dalam konteks sosiologi moden yang menekankan konsep kekuatan jaringan sosial. Kedua, kedua tokoh menerapkan pandangan alam Islam dalam teori mereka. Ibn Khaldun menyatakan bahawa agama memperkuat '*asabiyyah*', sementara Bennabi menekankan peranan agama sebagai falsafah hidup yang penting dalam karyanya, terutama melalui bukunya, *al-Zahirat al-Qur'aniyyah*. Ketiga, fokus kajian kedua-dua tokoh adalah manusia dan sifatnya. Mereka melihat manusia sebagai agen utama dalam kebangkitan dan kejatuhan tamadun. Ibn Khaldun menekankan sifat buruk manusia seperti zalim dan tamak yang membawa kepada kejatuhan negara, manakala Bennabi menekankan kejatuhan tamadun disebabkan oleh umat Islam yang tidak lagi berpegang pada ajaran agama dan budaya Nabi. Cadangan kajian ialah penerokaan mendalam terhadap teori kitaran boleh diperhalusi dengan perbandingan dengan teori falsafah sejarah Barat seperti Hegel, Marx dan lain-lain.

### **PENGHARGAAN**

Penghargaan diucapkan kepada pihak JPKK, FEM dan Pusat University Research Center (RMC), Universiti Putra Malaysia atas pembiayaan dana di bawah geran kod GP-IPS/2022/9738900.

### **RUJUKAN**

Bariun, Fawzia. (1993). *Malik Bennabi: His Life and Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).

Benlahcene, Badrane. (2013). *The Socio-Intellectual Foundations of Malek Bennabi's Approach to Civilization*. UK: International Institute of Islamic Thought.

Bennabi, (2006). *Islam in History and Society*. Terjemahan. Asma Rashid. New Delhi: Kitab



Bhavan.

Bennabi, Malek. (1987). *Shurut al-Nahdah*. Dimashq: Dar al-Fikr.

Bennabi, Malek. (1998). *On the Origins of Human Society*. Terj. Mohamed Tahir El-Mesawi. Kuala Lumpur: Open Press.

Bennabi, Malek. (2007). *Asal Usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan Sosial*. Terjemahan. Muhammad Uthman El-Muhammady. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Berghout, Abdel Aziz & Zakia Berghout. (2015). The pattern of cycle civilization: resemblance between Ibn Khaldun and Malik Bennabi's views, *Journal of Islam in Asia*, Vol. 12(1), 228-245.

Ibn Khaldūn, (1979). *al-Ta'rif bi Ibn Khaldūn wa Rihlatuhu Gharbān wa Sharqān*; Dār al-Kitāb al-Lubnānī: Lubnān.

Ibn Khaldun. (2015). *The Muqaddimah: An Introduction to History - Abridged Edition*; Trans Rosenthal, Franz, Princeton University Press: New Jersey, US.

Ibn Khaldun. (t.th.). *Muqaddimah Tarikh Ibn Khaldun (al'lbar wa al-Diwan al-Mubtada' wa l-Khabr fi Ayyam al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Barbar wa man 'Asarahum min Dhaw al-Sultan al-Akbar)*. 'Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.

Ritzer, G. (2001). *Explorations in social theory: From metatheorizing to rationalization*. SAGE Publications Ltd, <https://dx.doi.org/10.4135/9781446220160>.

Ritzer, George. (1990). Metatheorizing in sociology, *Sociological Forum* 5, 3–15 (1990) doi:10.1007/BF01115134.

## **PERSEPSI MAHASISWA UPM TERHADAP PEMBELAJARAN KURSUS MATA PELAJARAN UMUM MENGGUNAKAN PENDEKATAN MICRO-CREDENTIAL**

Ahmad Nasir Mohd Yusoff

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia*

Emel: ahmadnasir@upm.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) kohot pertama semester 3 sesi 2023/2024 dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang mengambil Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) seperti Falsafah dan Isu Semasa, Penghayatan Etika dan Peradaban, serta Kenegaraan, menggunakan pendekatan 'Micro-Credential.' Pembelajaran tradisional sering menghadapi cabaran dalam memenuhi keperluan pendidikan moden, terutamanya dalam konteks pembelajaran yang lebih fleksibel dan berfokuskan kemahiran. Oleh itu, pendekatan 'Micro-Credential' diperkenalkan sebagai satu usaha untuk menambah nilai kepada pendidikan tinggi. Kajian ini bertujuan mengkaji persepsi mahasiswa terhadap keberkesanan pendekatan ini, faktor yang mempengaruhi penerimaan, serta cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Seramai 78 responden kajian diperolehi, melibatkan sampel pelajar kohot pertama Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang mengambil kursus MPU dengan pendekatan 'Micro-Credential,' serta pensyarah yang mengajar kursus tersebut dan pembangun platform Micro-Credential. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi bagi mengenal pasti tahap persepsi, penerimaan, dan pandangan terhadap keberkesanan pendekatan ini dari sudut pelajar, pensyarah, serta pembangun kursus. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar dan pensyarah mempunyai pandangan positif terhadap 'Micro-Credential' dari segi fleksibiliti, aksesibiliti, dan keupayaan untuk mengembangkan kemahiran spesifik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang dikenal pasti seperti kekurangan panduan yang jelas, sokongan teknikal yang terhad, dan cabaran dalam interaksi antara pelajar dan pensyarah. Perbincangan hasil kajian ini mendapati bahawa walaupun pelajar dan pensyarah mengakui kelebihan pendekatan ini, beberapa kekangan perlu diatasi untuk memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan. Cadangan untuk menambah baik sokongan teknikal dan penyediaan bahan pembelajaran yang lebih terstruktur diutarakan bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dan keberkesanan pengajaran pensyarah. Secara keseluruhannya, pendekatan 'Micro-Credential' berpotensi untuk memperkasakan pelajar dan pensyarah dalam mengakses pembelajaran yang lebih fleksibel dan relevan dengan keperluan industri. Kajian ini mencadangkan agar pihak universiti mempertimbangkan penambahbaikan dari segi infrastruktur, bimbingan, dan sokongan teknikal bagi memastikan keberkesanan pendekatan

ini dalam Kursus Mata Pelajaran Umum. Penghargaan diberikan kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini, termasuk mahasiswa kohort pertama Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, pensyarah, dan pembangun kursus yang telah memberi kerjasama dalam menjawab soal selidik serta memberikan panduan dalam pelaksanaan kajian.

**Kata kunci:** Persepsi, Mahasiswa, Kursus, Mata Pelajaran Umum, Micro-Credential.

## **PENGENALAN**

Perkembangan teknologi dalam pendidikan telah membawa kepada pelbagai inovasi dalam pembelajaran. Salah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian ialah penggunaan micro-credential, yang merujuk kepada pensijilan bagi kemahiran khusus atau pencapaian yang diperoleh melalui kursus-kursus pendek atau pembelajaran modular. Di Malaysia, kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) adalah komponen wajib dalam program akademik universiti bagi membentuk pelajar yang seimbang dari segi akademik, sahsiah, dan kemahiran insaniah. Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mula meneroka penggunaan pendekatan micro-credential dalam pengajaran kursus MPU sebagai usaha memperkasakan pembelajaran fleksibel dan menambah baik pengalaman pelajar. Kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi mahasiswa UPM terhadap keberkesanan dan potensi pendekatan ini dalam pembelajaran kursus MPU, khususnya dalam meningkatkan motivasi, penglibatan, dan kemahiran pelajar.

## **KAEDAH**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah soal selidik untuk mengumpul data daripada mahasiswa UPM. Sampel kajian akan terdiri daripada pelajar yang telah mengikuti kursus MPU menggunakan pendekatan micro-credential. Instrumen kajian akan merangkumi soalan berstruktur yang direka untuk mengukur persepsi pelajar terhadap keberkesanan, kefahaman, dan motivasi mereka dalam menggunakan micro-credential. Data akan dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk melihat hubungan antara tahap pemahaman pelajar dengan persepsi mereka terhadap keberkesanan pendekatan ini. Selain itu, ujian statistik seperti chi-square dan korelasi Pearson akan digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji.

## **KEPUTUSAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan mahasiswa UPM, terutama dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, memberikan maklum balas positif terhadap penggunaan pendekatan 'micro-credential' dalam Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU). Pelajar mendapati bahawa pendekatan ini memberikan fleksibiliti yang lebih besar, di mana mereka boleh mengakses kandungan kursus pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Ini membantu mereka menyesuaikan pembelajaran dengan keperluan peribadi dan jadual yang padat, serta meningkatkan peluang untuk menguasai kemahiran spesifik yang relevan dengan industri. Di samping itu, pensyarah juga melihat manfaat dari segi keberkesanan pengajaran, dengan menyatakan bahawa pendekatan ini mampu meningkatkan interaksi dan penglibatan

pelajar secara lebih dinamik. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendedahkan beberapa kekangan yang perlu diberi perhatian, seperti kekurangan bimbingan yang jelas mengenai cara penggunaan platform 'micro-credential', serta isu teknikal yang menjejaskan kelancaran pembelajaran. Selain itu, interaksi antara pelajar dan pensyarah juga perlu ditambah baik bagi memastikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap kandungan kursus. Kekurangan pengalaman dalam penggunaan teknologi ini, terutamanya dalam kalangan pensyarah baru, menambah kepada cabaran yang dihadapi. Oleh itu, kajian ini mencadangkan penambahbaikan dalam sokongan teknikal dan penyediaan bahan pembelajaran yang lebih tersusun serta latihan lanjut untuk pensyarah bagi memastikan pelajar mendapat manfaat sepenuhnya daripada pendekatan ini. Jika langkah-langkah ini dilaksanakan, pendekatan 'micro-credential' boleh menjadi alat yang lebih efektif dalam memperkasakan pembelajaran di UPM, sekaligus menyokong keperluan pendidikan tinggi yang fleksibel dan lebih relevan dengan keperluan semasa industri

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Pendekatan Micro-Credential dalam kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di UPM menawarkan potensi besar untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran mahasiswa, terutamanya dalam era digital yang menuntut kemahiran yang lebih fleksibel dan relevan dengan keperluan industri. Dengan adanya pendekatan ini, pelajar dapat memperoleh kemahiran yang lebih khusus melalui kursus-kursus modular yang diiktiraf, memberikan mereka kelebihan dalam meningkatkan kebolehpasaran serta bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang semakin kompetitif. Secara umumnya, persepsi mahasiswa terhadap pendekatan ini adalah positif. Mereka mengakui manfaatnya dalam menyediakan mereka untuk menjadi lebih berdikari dalam pembelajaran dan memberi peluang untuk mengurus masa serta sumber dengan lebih baik. Walaupun begitu, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi, khususnya dari segi kefahaman pelajar mengenai konsep micro-credential serta cara terbaik untuk berinteraksi dengan sistem pembelajaran ini. Ketiadaan pendedahan yang mencukupi tentang bagaimana micro-credential boleh digunakan secara optimum dalam pembelajaran menyebabkan beberapa pelajar mungkin merasa keliru atau kurang yakin untuk mengadaptasi pendekatan ini. Oleh itu, untuk memastikan keberkesanan penuh pendekatan ini, langkah-langkah penambahbaikan perlu diambil. Antaranya adalah memperkenalkan program-program orientasi atau bengkel yang memberi penerangan lebih jelas mengenai konsep micro-credential serta manfaatnya dalam jangka panjang. Selain itu, kerjasama yang lebih erat antara pihak universiti dan pensyarah juga perlu diperkuatkan dalam menyokong pelajar untuk menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran yang lebih fleksibel ini. Dengan penambahbaikan ini, pendekatan micro-credential dapat digunakan sepenuhnya untuk mendidik mahasiswa yang lebih berdaya saing, fleksibel, dan bersedia untuk menghadapi perubahan pesat dalam dunia pekerjaan masa kini. Tuntasnya, walaupun terdapat cabaran, potensi micro-credential dalam memperkasakan pelajar dan memperkayakan pengalaman pembelajaran tidak boleh dipandang remeh. Ini adalah satu langkah ke arah pembelajaran yang lebih terbuka, fleksibel, dan holistik, sesuai dengan tuntutan pendidikan tinggi moden.

## PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan khas kepada mahasiswa Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Semester 3 2023/2024, para pensyarah, dan pembangun kursus yang terlibat dalam kajian ini serta pihak cاده\_lead UPM.

## RUJUKAN

- Ali, N. A., & Ibrahim, S. R. (2021). Penerapan kecerdasan buatan dalam pendidikan di Malaysia: Cabaran dan peluang. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(1), 65-79. <https://doi.org/10.17576/JPEN-2021-46-01-06>
- Hassan, N. H., & Yusof, M. (2020). Penggunaan teknologi AI dalam pembelajaran dan pengajaran: Analisis manfaat dan kekangan. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 38(4), 45-60. <https://doi.org/10.2139/jte-38202045>
- Mohd Zaki, M. A., & Salleh, F. (2022). Penerapan teknologi kecerdasan buatan dalam pengajaran di universiti awam: Kajian kes di UPM. *Jurnal Teknologi & Inovasi*, 14(2), 92-108.
- Salleh, M., & Aziz, S. H. (2019). Integrasi AI dalam pembelajaran pelajar universiti: Tinjauan literatur. *Jurnal Pendidikan dan Teknologi*, 7(3), 23-38. <https://doi.org/10.17576/jpedtek-2019-7-03-02>
- Latiff, R. A., & Omar, Z. (2023). Revolusi AI dalam pendidikan tinggi Malaysia: Kajian impak terhadap kemahiran guru. *Jurnal Pendidikan Tinggi Malaysia*, 31(1), 85-97.
- Anderson, C., & Smith, J. (2020). Artificial intelligence in education: Opportunities and challenges in teaching and learning. *International Journal of Educational Technology*, 10(2), 119-135. <https://doi.org/10.1177/1469787420972726>
- Zhang, Y., & Zhou, H. (2021). The role of AI in reshaping higher education: A systematic review. *Computers & Education*, 167, 104175. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2021.104175>
- Luckin, R., Holmes, W., Griffiths, M., & Forcier, L. B. (2016). *Intelligence unleashed: An argument for AI in education*. Pearson. <https://www.pearson.com>
- Chen, X., & Chen, H. (2019). Artificial intelligence-assisted education: Current developments and future prospects. *Journal of Educational Computing Research*, 57(3), 770-795. <https://doi.org/10.1177/0735633118780179>
- Roll, I., & Wylie, R. (2016). Evolution and revolution in artificial intelligence in education. *International Journal of Artificial Intelligence in Education*, 26(2), 582-599. <https://doi.org/10.1007/s40593-016-0108-5>

## **TAHAP PENERIMAAN RESPONDEN TERHADAP PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEMURUNGAN SEMASA PANDEMIK COVID 19**

Nurul Syazwani Zainuddin, \*Adlina Ab. Halim  
*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia*  
Emel: \*adlina@upm.edu.my

### **ABSTRAK**

Pandemik Covid-19 telah mengubah corak pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian bagi mengekang penularan wabak ini. Perubahan yang berlaku secara mendadak dalam sektor pendidikan ini menyebabkan para pelajar kurang bersedia untuk menerima pembelajaran norma baharu. Antara masalah yang mungkin timbul akibat daripada pembelajaran secara dalam talian seperti pelajar mengalami kemurungan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan antara penerimaan terhadap pembelajaran dalam talian dan tahap kemurungan dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) semasa pandemik Covid 19. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan teknik survei melalui persampelan berkelompok dan rawak mudah. Responden kajian adalah seramai 180 orang pelajar Universiti Putra Malaysia. Terdapat dua instrumen kajian yang telah diadaptasi daripada Learner Readiness for Online Learning: Scale Development and Student Perception (pembolehkan tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian) dan Manual for the Depression, Anxiety & Stress Scales (pembolehkan tahap kemurungan pelajar semasa pandemik Covid-19). Dapatan kajian ini menunjukkan responden boleh menerima dan mengikuti pembelajaran dalam talian dan mempunyai kemurungan pada tahap yang tidak membimbangkan. Kajian ini mencadangkan agar pihak kerajaan, NGO, pihak universiti, ibu bapa dan rakan sebaya lebih peka dengan pendekatan pembelajaran dalam talian dan isu kemurungan dalam kalangan pelajar.

**Kata kunci:** pembelajaran dalam talian, kemurungan, COVID 19, mahasiswa, penerimaan

### **PENGENALAN**

Wabak Covid-19 telah mengubah lanskap pendidikan di Malaysia kepada persekitaran pendidikan norma baharu. Pengajaran dan pembelajaran berubah wajah daripada pengajaran tradisional berbentuk kuliah kepada pembelajaran maya. Di peringkat pengajian tinggi, pembelajaran dalam talian telah lama dilaksanakan seperti pengajian jarak jauh (PJJ) dan Portal e-Pembelajaran yang dibangunkan oleh bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Jika sebelum ini pembelajaran dalam talian hanyalah satu pilihan, tetapi semasa pandemik Covid-19 ia menjadi satu keperluan. Namun ketidaksediaan pelajar menghadapi pembelajaran dalam talian menyebabkan kesihatan mental mereka turut terjejas seperti kemurungan, tekanan dan lain-lain. Terdapat ramai pelajar meluahkan perasaan di sosial media dan rasa tertekan kerana tidak dapat belajar seperti biasa. Pelajar universiti mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk mempunyai masalah kesihatan mental akibat perubahan psikososial dan tekanan akademik (Shamzaeffa dan Kevin, 2016). Faktor utama tekanan dan kemurungan ketika pembelajaran dalam talian adalah isu capaian internet, yang kemudian berkait rapat masalah lain. Terdapat juga beberapa faktor lain yang menyebabkan mereka tertekan sepanjang proses pembelajaran dalam talian seperti

persekitaran pembelajaran di rumah kurang sesuai, tidak cukup peralatan dan keperluan pembelajaran, tiada komunikasi dua hala ketika pembelajaran berlangsung dan tumpuan agak singkat memandangkan terlalu lama memandang skrin. Jung, Kudo, dan Choi (2012) menjelaskan bahawa pelajar yang melalui proses pembelajaran dalam talian menghadapi masalah berkaitan aspek psikologi dimana pelajar mempunyai keinginan yang tinggi terhadap pembelajaran tetapi cabaran seperti internet yang lemah, masalah peranti yang digunakan atau masa pembelajaran telah membantutkan proses pembelajaran pelajar.

Justeru, makalah ini bertujuan untuk: 1) mengukur tahap penerimaan responden terhadap pembelajaran dalam talian dan tahap kemurungan mereka semasa pandemik Covid-19; 2) Menentukan perkaitan antara tahap penerimaan responden terhadap pembelajaran dalam talian dengan tahap kemurungan; dan 3) Menentukan perbezaan tahap penerimaan pembelajaran dalam talian dan tahap kemurungan berdasarkan tahap capaian internet.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian yang digunakan ialah pendekatan kuantitatif dengan menggunakan teknik tinjauan (survei). Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 180 orang dengan menggunakan teknik persampelan berkelompok (tahun pengajian) dan rawak mudah. Instrumen kajian melalui borang soal selidik telah diedarkan melalui Google Form. Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A (profil), B dan C. Bahagian B pula bertujuan untuk mengukur tahap penerimaan responden terhadap pembelajaran dalam talian. Kajian ini menggunakan set soal selidik yang diubahsuai daripada Hung et al., (2010). Manakala Bahagian C pada borang soal selidik pula bertujuan untuk mengukur tahap kemurungan responden semasa pandemik Covid-19. Instrumen bagi kemurungan dinilai berdasarkan *Manual for the Depression Anxiety & Stress Scales* yang dibangunkan oleh Lovibond dan Lovibond (1995) yang digunakan untuk mengukur tahap kemurungan pelajar. Bahagian B dan C dalam borang soal selidik menggunakan 5 Skala Likert. Seramai 30 orang responden terlibat dalam ujian rintis dengan nilai reabiliti Cronbach Alpha bagi tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian (Bahagian B) adalah 0.834 manakala nilai Cronbach Alpha bagi tahap kemurungan pelajar semasa Covid-19 (Bahagian B) adalah 0.910. Data kajian diproses menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) dan dianalisis secara deskriptif.

## **DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN**

Terdapat tiga dapatan utama bagi kajian ini berdasarkan objektif yang telah digariskan. Pertama, tahap penerimaan responden terhadap pembelajaran dalam talian adalah sederhana. Ini berdasarkan dapatan bagi kesemua 12 item yang menunjukkan purata min keseluruhan adalah 3.56 (sederhana). Ini menunjukkan bahawa responden telah dapat menerima pembelajaran yang dijalankan sekarang iaitu secara dalam talian. Kajian ini selari dengan kajian Zahidah dan Ahmad (2010) yang menyatakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) masa kini secara dalam talian lebih diterima oleh pelajar seiring dengan perkembangan teknologi. Kecenderungan pelajar lebih memilih pembelajaran dalam talian kerana pelajar masa kini lebih gemar kepada teknologi (Muhamad Ngafifi, 2014). Seterusnya, bahagian C dalam borang soal selidik membincangkan tahap kemurungan responden semasa pandemik Covid-19. Sebanyak 13 item digunakan untuk mengukur tahap kemurungan responden dan purata min keseluruhan adalah 3.56 (sederhana). Dapatan ini menunjukkan tahap kemurungan responden semasa pandemik Covid-19 di tahap yang masih boleh dikawal dan tidak membimbangkan. Ini kerana pelajar tidak berada dalam

keadaan yang murung walaupun mempunyai bebanan tugas yang banyak dan mereka masih bermotivasi untuk belajar walaupun berada dalam suasana pandemik. Hasil kajian ini bertentangan dengan hasil kajian lepas daripada Amir et al. (2020) yang menunjukkan tekanan, kebimbangan dan kemurugan pelajar perubatan di Iran meningkat sejak pandemik Covid-19. Kajian tersebut disokong juga oleh kajian Odriozola-González et al. (2020), di mana pelajar universiti di Sepanyol turut mengalami masalah kesihatan mental seperti kemurugan yang berada di tahap yang tinggi.

Dapatan kedua berkaitan Ujian Korelasi Pearson bagi menganalisis perkaitan antara tahap penerimaan terhadap pembelajaran dalam talian dan tahap kemurugan dalam kalangan responden. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian dan tahap kemurugan pelajar semasa pandemik Covid-19 ( $r = 0.30$ ,  $p < 0.01$ ). Dapatan kajian yang ketiga ialah berkaitan Ujian ANOVA. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian berdasarkan tahap capaian internet ( $F = 6.01$ ,  $p = 0.003$ ). Dapatan kajian ini selari dengan Munirah et al. (2021) dimana pelajar yang mempunyai capaian internet yang baik dirumah akan dapat menjalani pembelajaran dalam talian dengan baik. Kesannya, pelajar dapat menerima perubahan corak pendidikan yang berlaku iaitu pembelajaran dalam talian. Seterusnya ujian ANOVA dijalankan untuk menentukan perbezaan tahap kemurugan responden semasa pandemik Covid-19 berdasarkan tahap capaian internet. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap kemurugan pelajar berdasarkan tahap capaian internet ( $F = 0.22$ ,  $p = 0.80$ ).

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Kesimpulannya, hasil kajian mendapati min keseluruhan tahap penerimaan responden terhadap pembelajaran dalam talian adalah sederhana berada pada tahap sederhana (3.56). Hal ini menunjukkan responden dapat menerima pembelajaran norma baharu iaitu secara dalam talian khususnya semasa pandemik ini. Manakala, min keseluruhan bagi tahap kemurugan responden semasa pandemik Covid-19 juga berada pada tahap sederhana (3.23). Hal ini menunjukkan tahap kemurugan responden berada pada tahap yang tidak membimbangkan. Pandemik tidak dapat menghalang pelajar untuk terus mempunyai motivasi untuk belajar. Dari segi implikasinya, wabak Covid-19 memberi impak yang besar kepada banyak sektor termasuk sektor Pendidikan (pihak kerajaan dan universiti), pelajar dan ibubapa. Pihak kerajaan terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) boleh melihat keadaan tahap kesihatan mental pelajar dalam menempuhi pembelajaran dalam talian. Dalam hal ini, pihak universiti juga dapat mengkoordinasi dan menerima maklumat tentang tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian. Secara implikasinya, pelajar juga perlu beradaptasi dengan persekitaran pembelajaran norma baharu ini kerana saban hari banyak varian baru selain Covid 19 telah muncul. Dalam masa yang sama, kesihatan mental para pelajar juga menjadi isu utama khususnya ketika berlakunya pandemik Covid 19.

## **RUJUKAN**

- Amir Vahedian-Azimi, Malihe Sadat Moayed, Farshid Rahimibashar, Sajad Shojaei, Sara Ashtari & Mohamad Amin Pourhoseingholi. (2020). Comparison of the severity of psychological distress among four groups of an Iranian population regarding COVID-19 pandemic. *BMC Psychiatry*, 20(1), 402.
- Jung, Insung, Masayuki Kudo, and Sook Kyoung Choi. (2012). Stress in Japanese Learners



- Engaged in Online Collaborative Learning in English. *British Journal of Educational Technology*, 43(6):1016–29.
- Muhamad Ngafifi. (2014). Kemajuan Teknologi dan pola hidup manusia dalam perspektif sosial budaya. *Jurnal Pembangunan Pendidikan: Fondasi dan Aplikasi* 2(1): 33-47.
- Munirah Salleh et al. (2021). *Tinjauan Keberkesanan Pembelajaran Secara dalam Talian Ketika Pandemik Covid-19: Perspektif Pelajar Sains Kejuruteraan Politeknik Ibrahim Sultan*. *Jurnal Dunia Pendidikan*, [S.l.], v. 3, n. 1, p. 374-384, ISSN 2682-826X.
- Odriozola-González P., Planchuelo-Gómez Á., Iruiria, M. J., & Luis-García, R. E. (2020). Psychological effects of the Covid-19 outbreak and lockdown among students and workers of a Spanish university. *Psychiatry Research*, 290, 1-8.
- Shamzaeffa Samsudin, and Tan, Kevin Chee Hong. (2016). Hubungan antara tahap kesihatan mental dan prestasi pelajar sarjana muda: satu kajian di Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*. 14 (1). pp. 11-16. ISSN 1675-8161
- Zahidah dan Ahmad (2010) Zahiah Kassim & Ahmad, A. R. (2010). E-Pembelajaran: Evolusi Internet Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat. *Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 210*: 209-218.

## **THE POTENTIALS OF IKN NUSANTARA TO THE CROSS-BORDER DIPLOMACY BETWEEN SABAH AND KALIMANTAN IN THE CONTEXT OF MALAYSIA MADANI: A META-SYNTHESIS APPROACH**

\*Zaharah Yahya @ Yahaya, Nur Ayuni Mohd. Isa, Ratna Roshida Ab. Razak  
*Department of National Studies and Civilization, Faculty of Human Ecology*  
*Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia*  
Email: \*zaharahphd@gmail.com

### **ABSTRACT**

'Respect' is one of the pillars of the Malaysia Madani policy, evident in the strong bilateral relations between Malaysia and Indonesia. This relationship is deeply rooted in the concept of 'Keserumpunan' or kinship which has nurtured a unique bond between the two nations. With Indonesia's recent capital city relocation from Jakarta to Ibu Kota Negara (IKN) Nusantara in Kalimantan, new diplomatic challenges and opportunities have emerged, particularly for cross-border interactions between Sabah and Kalimantan. This situation calls for closer cooperation in socio-economic, security, legislation and technological domains to address shared interest and foster mutual growth. The study aims to analyze the challenges of Indonesia's capital city relocation on cross-border diplomacy between Sabah and Kalimantan, identify and understand the ways in which Malaysia Madani principle of respects can be integrated in cross-border diplomacy initiatives through the development of the capital city and assess the challenges and opportunities presented by IKN Nusantara's development. This research uses a qualitative meta-synthesis approach to analyze relevant journal article and identify related themes to the study. The study identified Bilateral Relations, Balance of Power, National Security, Rule of Law and Technology as the main themes to explain the potentials of cross-border diplomacy between Sabah and Kalimantan. It also provides an integrated framework on Cross-Border Diplomacy between Sabah dan Kalimantan in the context of Malaysia Madani which can be used as a guidance to policy makers to overcome challenges and capitalize on opportunities from the capital city relocation. Emphasis is also placed on the development of continuous dialogue and cooperation mechanisms in line with the principles of Malaysia Madani, to strengthen diplomatic relations and ensure political and economic stability in the region.

**Keywords:** Malaysia Madani, Cross Border Diplomacy, IKN Nusantara, Malaysia-Indonesia, Sabah-Kalimantan.

### **INTRODUCTION**

Malaysia Madani plays a vital role in enhancing cross-border diplomacy between Sabah and Kalimantan by promoting inclusivity and cooperation. This approach strengthens bilateral relations between Malaysia and Indonesia, focusing on joint development and beneficial projects in border areas. Key issues such as immigration, trade and environmental protection require effective coordination, which is supported by the Malaysia Madani framework. The policy encourages equitable economic development, particularly through infrastructure, tourism and agriculture which can boost local economies and reduce inequality. It also emphasizes security cooperation to combat cross-border crime and smuggling, enhancing stability and trust in both regions. Constructivism emphasizes on how identity, norms and

values shape international interactions, particularly in cross-border communities like the Murut staying in Sabah and Dayaks in Kalimantan. Their shared culture fosters inclusive diplomacy, addressing economic and security issues through socialization and cooperation. The development of IKN Nusantara is a strategic initiative that could significantly impact cross-border diplomacy. However, there is a need for comprehensive studies on its effects on diplomatic relations, particularly regarding socio-economic disparities and national security. The objectives of this research are to analyze the challenges posed by Indonesia's capital city relocation on cross-border diplomacy, to identify ways to integrate Malaysia Madani principle of Respect into cross-border initiatives related to IKN Nusantara and assess the challenges and opportunities presented by IKN Nusantara's development and develop strategies to address them.

## **METHODOLOGY**

This research adopts a constructivist approach to build knowledge through qualitative methods by examining the cross-border diplomacy between Sabah and Kalimantan within the framework of Malaysia Madani principles. Secondary sources were used to identify relevant themes to construct explanations through 37 related journal articles dated between 2003 to 2023. Five keywords were used to search for data, namely Malaysia Madani, Cross-Border Diplomacy, IKN Nusantara, Malaysia-Indonesia and Sabah-Kalimantan. Using a meta-synthesis approach, themes were derived to establish an integrated framework. Peer review was conducted, involving officials from the Prime Minister's Department.

## **RESULTS**

Based on the journal articles, five themes were identified, namely Bilateral Relations, Balance of Power, National Security, Rule of Law and Technology. Bilateral Relations encompasses elements such as economic integration (E. Rudiatin, 2018), historical bonds (JC Liow, 2004) and political relations (P. Hastuti, 2014) that have existed, including interactions or transactions practiced by the communities of Sabah and Kalimantan long before the era of colonization. Balance of Power includes geopolitics (AA Gulasan et al., 2022), political stability (Pandji Sukmana, 2019) and hegemony (EE Chotim, 2023), which explain the nature of power struggles among different political entities. National Security focuses on a comprehensive approach to protecting IKN Nusantara, incorporating elements such as security (Ilham Akbar Habibie, 2023), safety (B. Purwanto, 2023) and military defense (Ade Muhammad, 2022). Rule of Law highlights issues such as violations of law (R. Dahari, 2022) and policy implementation (MH Kassim, 2022) as mechanisms to maintain peace in society. Technology (Andi Widjajanto, 2022) refers to the technological systems and equipment for land, air and maritime security to ensure the safety of the new capital. These themes will be elaborated in the following sections.

## **DISCUSSION**

The study identified 5 themes namely Bilateral relation fosters synergistic economic and political partnership, balance of power navigates geopolitical dynamics, national security emphasis on fortifying border security, rule of law to uphold secure and prosperous borders and integrating advanced technology for enhanced security. The strengthening of bilateral relations between Malaysia and Indonesia increases economic cooperation and political stability. Collaboration facilitates joint ventures, infrastructure development and trade agreements that benefit Sabah and Kalimantan. This cooperation can produce a more integrated economy and joint growth. Maintaining the balance of power is essential to

navigating the geopolitical landscape in Southeast Asia. With the transfer of the Indonesian capital to the archipelago, Malaysia needs to adjust its diplomatic strategy to ensure regional stability. This balance helps reduce conflict and creates an environment conducive to cross-border diplomacy. The focus on national security is important, especially with the increase in population and economic activity after the relocation of the capital. Enhanced border security measures, such as increased military presence and surveillance technology, are essential to prevent cross-border crime and ensure safe interactions between communities. Upholding the rule of law is essential to creating secure borders. An effective legal framework for immigration, trade, and resource management can reduce disputes and promote harmonious relations between Sabah and Kalimantan. Collaborative legal initiatives can also address non-traditional security threats. The integration of advanced technology in border management can improve security measures. The use of drones, sensors, and data analytics allows for better monitoring of cross-border activities. These technological advances not only improve security but also facilitate trade and the movement of people, as well as strengthen diplomatic relations.

## CONTRIBUTION




Diagram 1: Integrated Framework on Cross-Border Diplomacy between Sabah and Kalimantan in the Context of Malaysia Madani

This study has provided an Integrated Framework on Cross-Border Diplomacy between Sabah and Kalimantan in the Context of Malaysia Madani that will be a guidance for policy makers at the federal and state level for Malaysia and Indonesia.

## IMPACT

From the perspective of International Relations, Malaysia can strengthen diplomatic relations with Indonesia, especially in border areas such as Sabah and Kalimantan. The new capital's proximity to Sabah encourages cultural exchange and economic cooperation, promoting a more cohesive regional identity. A better governance structure in the archipelago can contribute to regional security, especially in dealing with cross-border crime. From the aspect of governance, the relocation gives priority to inclusive development and joint infrastructure projects between Sabah and Kalimantan which can increase local governance capacity.

## CONCLUSION

The relocation of Indonesia's capital city from Jakarta to Nusantara has the potential to strengthen diplomacy between Sabah and Kalimantan through the principle of Respect which substantiates the elements of politeness, humility, dignity, ethics and civility. Respect ensures a dynamic bilateral relations and benefit both Malaysia and Indonesia at a regional level. It is recommended that both countries prioritize joint initiatives and apply the principle of Civil Malaysia for sustainable development and better cooperation. The key recommendations for this study are that the elements of Respect in the Malaysia Madani policy are integrated into the 5 themes identified in this study. The study calls for the elements of politeness, humility, dignity, ethics and civility be the basis to cross-border diplomacy between Sabah and Kalimantan. Politeness cultivates strong bilateral relations, humility ensures a dynamic balance of power, human dignity as the cornerstone of national security, ethics protects the rule of law and civility cultivates responsible technology advancement.

## ACKNOWLEDGEMENT

I am thankful to my Supervisory Committee Dr. Nur Ayuni Binti Mohd. Isa, Prof. Dr. Ratna Roshida Binti Ab. Razak and Prof. Datuk Dr. Jayum Anak Jawan for their kind supervision and continuous support in my journey to gain knowledge. Many thanks to the Faculty of Human Ecology affiliates of Universiti Putra Malaysia and the Public Service Department for their guidance and kind assistance. To my family, thank you for the ceaseless encouragement and kindness.

## REFERENCES

- AA Gulasan et. al., (2023). *Perpindahan Ibu Kota Indonesia ke Kalimantan: Implikasinya ke atas Negeri Sabah, Malaysia*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah
- Bolewski, W. (2008). Diplomatic processes and cultural variations: The relevance of culture in diplomacy. *Whitehead J. Dipl. & Int'l Rel.*, 9, 145.
- Dahari, R., Idris, N. A., & Othman, Z. (2019). Influencing external factors for small arms light weapon smuggling at Malaysia-Thailand border. *Asian Social Science*, 15(3), 14.
- Doyle, M. W. (1983). Kant, Liberal Legacies and Foreign Affairs. *Philosophy & Public Affairs*, 12(3), 205-235.
- Fábián, Z. (2014). Building trust across borders: The role of cultural exchange in U.S.-Canada relations. *International Journal of Canadian Studies*, 49, 25-46. <https://doi.org/10.3138/ijcs.49.25>
- Habibie, I. A. (2022). *Pembangunan Ibu Kota Nusantara*. Forum Dialog Nusantara.
- Hastuti, P. (2014). *Ritus Pertukaran di Hulu Sembakung: Kajian Mengenai Negosiasi Batas Sosial Orang-orang di Perbatasan Negara*.
- Idris, R., & Mansur, K. (Eds.). (2018). *Sabah-Kalimantan Road connectivity: The effect of common border on export*. *Munich Personal RePEc Archive*. <https://mpra.ub.uni-muenchen.de/92991/>
- Ismayilzada, F., & Önsöy, E. (2022). Constructivism in Taiwan-China relations: Cultural ties and economic interdependence. *Asian Politics & Policy*, 14(3), 321-340. <https://doi.org/10.1111/aspp.12517>
- Kassim, M. H., Hussain, S., & Wahab, N. A. (2022). The Effectiveness of Border Crossing Management Between Malaysia & Thailand with Reference to Bukit Kayu Hitam–Sadao and Padang Besar–Padangbasa. *Journal of Governance and Integrity*, 5(3), 336-359.
- Keohane, R. O., & Nye, J. S. (1989). *Power and Interdependence: World Politics in Transition (2nd ed.)*. Boston: Scott, Foresman.

- Liow, J. C. (2004). *The politics of Indonesia-Malaysia relations: one kin, two nations*. Routledge.
- Lord, M., & Chang, S. (2019). Pre-Feasibility Study of Sarawak-West Kalimantan Cross-Border Value Chains.
- Morgenthau, H. J. (1948). *Politics Among Nations: The Struggle for Power and Peace*. New York: Alfred A. Knopf.
- Prebisch, R. (1950). *The Economic Development of Latin America and Its Principal Problems*. New York: United Nations.
- Qutb, S., Hardie, J. B., Hamid, A., & Algar, H. (2000). *Social justice in Islam*. Islamic Publications International.
- Rudiatin, E. (2018). Border Trade Agreement dan Integrasi Ekonomi di Perbatasan. *Prosiding*, 60.
- Sarjono, F., & Rudiatin, E. (2022). Informal Cross-Border Trade: Malaysia-Indonesia Borders the Conceptualisation From 'Authority-Defined' To "Everyday-Defined". *BASKARA: Journal of Business and Entrepreneurship*, 5(1), 108-122.
- Sharp, P. (1999). For diplomacy: Representation and the study of international relations. *International studies review*, 1(1), 33-57.
- Siddique, S. (2024). ASEAN cooperation and regional integration: The role of shared identity. *Journal of Southeast Asian Studies*, 55(1), 45-67. <https://doi.org/10.1017/S0022463424000012>
- Wendt, A. (1992). Anarchy is What States Make of It: The Social Construction of Power Politics. *International Organization*, 46(2), 391-425.



e ISBN 978-983-3070-62-6



**FAKULTI  
EKOLOGI MANUSIA**  
FACULTY OF HUMAN ECOLOGY  
فakولتي ايكولوجي ماناسي



**UNIVERSITI  
MALAYA**



Kelab UNESCO Universiti Malaya (UMUC)  
Universiti Malaya UNESCO Club (UMUC)  
Member of the Network of Clubs, Centers and Universities (NCCU)  
(Since 1997)

